

KEHIDUPAN SEJAHTERA

LAPORAN
TAHUNAN
2015



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF URBAN WELLBEING, HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT



Kehidupan Sejahtera

Poetas ut nihil anteferat nihil illis comparet errat qua edam nimis antique peraque dure dicere creeos ignave multa fatetur. anteferat nihil illis comparet errat quaedam nimis antique peraque dure dicere credit eos ignave multa fatetur et sapitet mecum facit et lova iudicat aequo ignave multa fatetur. anteferat nihil illis comparet errat ignave multa fatetur et sapit et lova iudicat aequo equidem insector delendave carmina quaedam nimis antique peraque.

Poetas ut nihil anteferat nihil illis comparet errat quaedam nimis antique peraque dure dicere creeos ignave multa fatetur. anteferat nihil illis comparet errat ignave multa fatetur et sapit et lova iudicat aequo equidem insector delendave carmina quaedam nimis antique peraque dure dicere creeos ignave multa fatetur. anteferat nihil illis comparet errat quaedam nimis antique peraque du Livi esse reor, memini volgus rectiudicat aequo equidem inse ctor delendave.

Kandungan

Laporan Tahunan 2015

- 002 Misi, Visi, Matlamat & Moto
- 003 Peranan dan Fungsi
- 004 Perutusan Menteri
- 008 Prakata Ketua Setiausaha
- 012 Carta Organisasi
- 014 Profil Pengurusan Tertinggi
- 000 Barisan Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit

Laporan

- 026 Belanjawan KPKT
- 030 Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPKT
- 034 Sorotan Utama
- 040 Liputan Media
- 046 Anugerah dan Pengiktirafan

ISSN 1234-5678

©KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Hak Cipta Terpelihara 2015

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di kemukakan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada KPKT.

Program

056 PROGRAM KESEJAHTERAAN BANDAR

- 056 Bahagian Kesejahteraan Bandar
- 064 Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- 070 Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai

078 PROGRAM PERANCANGAN BANDAR

- 078 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

094 PROGRAM KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN

- 094 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

120 PROGRAM PERUMAHAN

- 120 Jabatan Perumahan Negara
- 145 Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata

154 PROGRAM KERAJAAN TEMPATAN

- 154 Jabatan Kerajaan Tempatan

174 PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP

- 174 Jabatan Landskap Negara

190 PROGRAM PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- 190 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- 204 Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

222 PROGRAM LATIHAN KPKT

- 222 Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

228 PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS) KPKT

- 228 Kejiranan Indah (My Beautiful Neighbourhood, MYBN)
- 233 Malaysiaku Indah (My Beautiful Malaysia, MYBM)
- 238 Bandar Belia 1Malaysia (1Malaysia Youth City, 1MYC)
- 239 Penyertaan dalam Pameran Bersempena dengan Hari Nbos 2015

240 PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (DASAR DAN PEMBANGUNAN)

- 240 Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- 246 Bahagian Dasar dan Inspektorat
- 252 Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa

260 PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (PENGURUSAN)

- 260 Bahagian Kewangan dan Perolehan
- 261 Bahagian Sumber Manusia
- 270 Bahagian Teknologi Maklumat
- 276 Bahagian Khidmat Pengurusan
- 282 Bahagian Akaun

284 PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (STAFF FUNCTION)

- 284 Bahagian Undang-Undang
- 285 Unit Audit Dalam
- 288 Unit Integriti
- 291 Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
- 295 Unit Komunikasi Korporat



VISI

Mewujudkan Persekitaran Hidup yang Berkualiti dan Mampan Selaras dengan Wawasan Negara

MISI

Merealisasikan Agenda Pembangunan Negara melalui Program Perumahan Rakyat, Perkhidmatan Perbandaran dan Kebombaan untuk Meningkatkan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Rakyat

MATLAMAT

Kementerian Berprestasi Tinggi dan Berorientasikan Keberhasilan Demi Kesejahteraan Rakyat

MOTO

'Kehidupan Sejahtera'

PERANAN DAN FUNGSI

1 Menyediakan rumah mampu milik untuk golongan yang berkelayakan, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata serta menyelesaikan masalah pertikaian perumahan.



2 Membantu dan membimbing pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, kemudahan sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti bagi memenuhi keperluan penduduk setempat



3 Memberikan perkhidmatan pencegahan, pemadaman kebakaran dan penyelamatan yang cekap dan berkesan bagi memelihara keselamatan nyawa dan harta benda



4 Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pengurusan, pemajuan dan pemuliharaan tanah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara



5 Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pelaksanaan dan pengurusan landskap, taman dan kawasan rekreasi



6 Menyediakan dasar bagi memaju dan mengawal selia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar lebih bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif



7 Melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam dalam tadbir urus PBT



8 Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjaman wang dan pemegang pajak gadai



9 Melaksanakan program dan aktiviti bagi membasmi kemiskinan bandar dan meningkatkan kualiti hidup golongan miskin bandar



PERUTUSAN MENTERI

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**YB DATUK
ABDUL RAHMAN
BIN DAHLAN**

**Menteri
Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam 1Malaysia**

Lafaz penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita telah berjaya mengharungi tahun 2015 yang mencabar lantaran tempas kesuraman ekonomi dunia.

Walau bagaimanapun, semuanya tetap dihadapi dengan yakin oleh Kerajaan dalam usaha meneruskan agenda negara, termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Hal ini adalah kerana, tanggungjawab menyediakan persekitaran dan kehidupan yang sejahtera untuk rakyat perlu dilaksanakan dalam apa-apa jua keadaan.

Di sebalik pelbagai cabaran ini, saya tetap berbangga kerana pencapaian KPKT pada tahun ini boleh dibanggakan dan memenuhi keperluan Indeks Pencapaian Prestasi (KPI) walaupun ada beberapa perancangan tidak dapat dipenuhi. Pencapaian ini adalah hasil kesungguhan dan dedikasi setiap warga kerja Kementerian dalam memenuhi matlamat dan melaksanakan program ditetapkan.

“

Kerajaan telah menyalurkan dana kepada KPKT dan beberapa agensi berkaitan sebagai langkah meningkatkan penawaran rumah dan langkah ini merupakan salah satu pemacu perkembangan sektor perumahan negara.

Antara pencapaian utama KPI tahun ini ialah aspek perumahan menerusi pelaksanaan beberapa dasar yang dirangka sejak tahun 2013. Beberapa usaha mula menampakkan perkembangan positif hasil perancangan teliti yang mengambil kira kepentingan semua pihak, sekali gus membuktikan tiada apa-apa yang mustahil dilakukan walaupun mungkin memakan masa.

Kerajaan telah menyalurkan dana kepada KPKT dan beberapa agensi berkaitan sebagai langkah meningkatkan penawaran rumah dan langkah ini merupakan salah satu pemacu perkembangan sektor perumahan negara. Pada masa sama, Kerajaan turut melaksanakan dasar khusus bagi mengekang kenaikan harga rumah, termasuk pengenalan Cukai Keuntungan Harta



Tanah (CKHT) bagi membantu merapatkan jurang kenaikan harga rumah. Dalam suku keempat tahun 2012, kadar kenaikan harga rumah ialah 12.2 peratus tetapi momentumnya jauh lebih perlahan pada suku kedua 2015, iaitu pada 5.9 peratus.

Sasaran Kerajaan untuk membina sejuta buah rumah mampu milik dalam tempoh 2013 hingga 2018 berada di landasan yang betul dengan pencapaian 63.44 peratus setakat ini. KPKT terus komited dalam penyediaan kediaman bagi golongan kurang berkemampuan melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) yang mana sejumlah 5,229 unit disiapkan di seluruh Malaysia pada tahun ini.

Tahun ini turut menyaksikan pelancaran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bertujuan menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat serta membantu menangani isu berkaitan kesejahteraan bandar. Sejumlah 2,288 JPP diwujudkan di bawah kendalian 98 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Semenanjung kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan yang mempunyai Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar.

“
Sasaran Kerajaan untuk membina sejuta rumah mampu milik dalam tempoh 2013 hingga 2018 berada di landasan yang betul dengan pencapaian

63.44%
setakat ini.



Menerusi JPP, pelbagai maklumat berhubung dasar, undang-undang, garis panduan, peraturan, inisiatif, program dan aktiviti pihak berkuasa dapat disalurkan, selain memaklumkan isu-isu masyarakat yang perlu ditangani. Penduduk juga boleh menyuarakan aduan atau masalah kepada jawatankuasa JPP di kawasan masing-masing dan wakil pelbagai jabatan turut ditempatkan bagi memastikan perkara berbangkit diatasi dengan segera.

Projek yang paling mendapat perhatian pastinya pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca mulai 1 September 2015. KPKT telah menjalankan kempen besar-besaran merentasi semua platform media, baik konvensional mahu pun media sosial dan berjaya mewujudkan kesedaran kepada golongan sasaran.

Saya yakin langkah Pengasingan Sisa Pepejal di Punca adalah pencapaian yang membanggakan kepada pihak KPKT. Amalan ini akan mengubah gaya hidup rakyat Malaysia untuk bersikap lebih prihatin, selain menghargai kepentingan menjaga alam sekitar.

Menjadi harapan saya untuk melihat rakyat Malaysia lebih peka dalam melaksanakan amalan 3R (kurangkan penggunaan, guna semula dan kitar semula) dalam kehidupan seharian. Secara umumnya, kita hanya mengitar semula 12.8 peratus daripada sisa pepejal (pada tahun 2013). Kadar kitar semula ini ternyata sangat rendah berbanding negara-negara maju yang mencatat kadar melebihi 40 peratus sejak tahun 2010 seperti Jerman (62 peratus), Switzerland (51 peratus), Sweden (49 peratus) dan Denmark (42 peratus).

“
Sejumlah
2,288

JPP diwujudkan di bawah kendalian 98 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Semenanjung kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan yang mempunyai Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar.



Kerajaan terpaksa membelanjakan kira-kira RM2 bilion setiap tahun bagi pengurusan sisa pepejal dan langkah serius perlu diambil bagi mengurangkan kos berkenaan dan disalurkan untuk kegunaan pembangunan negara.

Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan pencapaian KPKT sepanjang tahun 2015 selepas mengambil kira pelbagai kekangan dan hambatan pada peringkat global. Momentum tahun ini akan diteruskan dengan tekad dan semangat lebih membara ke arah melaksanakan program pembangunan untuk semua lapisan masyarakat pada tahun 2016, selain mengorak langkah membawa Malaysia mengintai ambang negara maju menjelang tahun 2020.



PRAKATA KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBHG. DATUK
HAJI MOHAMMAD
BIN MENTEK
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan
Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Syukur ke hadrat Allah SWT atas izin dan rahmat-Nya, Laporan Tahunan KPKT 2015 ini berjaya diterbitkan. Laporan tahunan ini merupakan manifestasi usaha yang telah diambil dalam menjayakan setiap program dan insiatif yang telah dirancang. Semoga segala kejayaan yang telah dicapai pada tahun ini, dapat dijadikan sebagai pengalaman, pendorong semangat dan motivasi untuk kita bekerja dengan lebih gigih dalam meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Tempias kesuraman ekonomi dunia menjadikan 2015 antara tahun paling mencabar kepada negara termasuk KPKT. Oleh hal yang demikian, KPKT telah melipat gandakan usaha untuk melunaskan amanah kepada rakyat terutamanya dalam pembasmian kemiskinan bandar,

pemilikan rumah mampu milik, pengurusan sisa pepejal, pengurusan kesejahteraan bandar, transformasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kebombaan dan penyelamatan.

Hasilnya, pencapaian keseluruhan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

“

KPKT telah melipat gandakan usaha untuk melunaskan amanah kepada rakyat terutamanya dalam pembasmian kemiskinan bandar, pemilikan rumah mampu milik, pengurusan sisa pepejal, pengurusan kesejahteraan bandar, transformasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kebombaan dan penyelamatan. KPKT.

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2015 mencatatkan 161 peratus untuk 16 KPI yang telah ditetapkan. Jika kita bandingkan dengan pencapaian pada tahun 2014 iaitu 107 peratus, pencapaian kali ini adalah sesuatu yang membanggakan bila mana kita berjaya meningkatkan pencapaian sebanyak 54 peratus.

Melihat pada pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) KPKT tahun 2015 pula, kita telah berjaya melaksanakan 593 program/aktiviti/inisiatif



“
Hasilnya, pencapaian keseluruhan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2015 mencatatkan

161%
 untuk 16 KPI yang telah ditetapkan.



dengan mencapai sasaran 100 peratus daripada keseluruhan 658 program/aktiviti/inisiatif yang telah disasarkan. Ini menjadikan pencapaian SKT kita bagi tahun 2015 ialah 90.12 peratus.

Sepanjang tahun 2015, KPKT juga berjaya memenangi pelbagai anugerah dan pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya, penarafan 4 Bintang (Cemerlang) bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

berdasarkan Indeks Akauntibiliti (AI) Tahun 2014, Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang 2014, penarafan 5 bintang dalam Provider-Based Evaluation (ProBE) 2014, dan Anugerah Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2015 Kategori Agensi Kerajaan bagi Projek House Build (NBOS7) dan

Sesungguhnya segala kejayaan dan pencapaian yang dilakarkan oleh KPKT sepanjang tahun ini adalah hasil komitmen, dedikasi dan usaha gigih warga KPKT dalam melunaskan peranan dan tanggungjawab masing-masing dan saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kepada setiap warga yang telah menyumbang.

Penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan setiap program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh KPKT.

Di kesempatan ini juga, saya mewakili seluruh warga KPKT ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Arpah binti Abdul Razak (Mantan Ketua Setiausaha, KPKT) yang telah sama-sama menyumbangkan kepada kejayaan KPKT.

Melihat ke hadapan, kita perlu

bersedia untuk menghadapi tahun 2016 yang merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) iaitu perjalanan akhir negara mencapai wawasan sebuah negara maju pada tahun 2020. Selaras dengan tema RMK-11 iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, KPKT akan terus memainkan peranan sebagai pamacu perubahan ke atas teras-teratas yang telah digariskan. Saya percaya seluruh warga kerja mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk menjadikan

“
Melihat pada pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) KPKT tahun 2015 pula, kita telah berjaya melaksanakan

593
 program/aktiviti/inisiatif dengan mencapai sasaran 100 peratus daripada keseluruhan 658 program/aktiviti/inisiatif yang telah disasarkan.



KPKT sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan gemilang.


Sebagai motivasi dan dorongan kepada warga KPKT untuk terus berusaha menyumbang tenaga dan jasa kepada negara tercinta, saya kongsi pesan YB Menteri kita, Datuk Abdul Rahman bin Dahlan semasa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPKT 2015 untuk dihayati bersama.

“Budaya cemerlang perlulah disemat dalam jiwa setiap warga Kementerian. Peranan anda adalah besar kerana setiap keputusan dan idea yang diimbuhkan – walau sekecil manapun sumbangannya, you are in a position to transform this country towards a better nation!”

Akhir kata, saya doakan semoga Allah permudahkan segala usaha kita untuk menjadi kementerian yang lebih cemerlang pada tahun-tahun akan datang.



CARTA ORGANISASI



PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

YBHG. DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK Ketua Setiausaha

YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek dilahirkan di Semporna, Sabah pada 20 April 1964. Beliau mempunyai kelulusan Bachelor of Science in Mathematics dan Master of Science in Statistics dari University of Minnesota, United States of America.

YBhg. Datuk Haji Mohammad memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1992 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Antara jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Setiausaha di Pejabat Kewangan Negeri Perak;
- Pengarah Jabatan Imigresen Labuan;
- Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Sabah;
- Pengarah Jabatan Imigresen Sabah;
- Ketua Pengarah Kawasan Keselamatan Khas Sabah (ESSCOM); dan
- Setiausaha Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia.

YBhg. Datuk Seri dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT pada 16 Februari 2015 dan pada 27 Mei 2015, beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha KPKT.



YBHG. DATO' DR. TAM WENG WAH Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah berasal dari Melaka dan dilahirkan pada 18 Julai 1957. Beliau berkelulusan doktor falsafah dalam bidang Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

YBhg. Dato' Dr. Tam memulakan kerjaya dalam sektor awam pada tahun 1981 sebagai Pegawai Tadbir di Kementerian Pertahanan. Pada tahun 1989, beliau telah bertukar ke Kementerian Kewangan dan dilantik sebagai Penolong Setiausaha. Antara jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Setiausaha di Kementerian Pertanian;
- Pegawai Projek Kanan di INTAN, Bukit Kiara;
- Ketua Pusat Kualiti Pembangunan Pengurusan di INTAN Bukit Kiara;
- Ketua Pusat Kepimpinan Lanjutan dan Pembangunan Eksekutif di INTAN Bukit Kiara;
- Timbalan Pengarah (Akademik) di INTAN Bukit Kiara;
- Timbalan Pengarah (Dasar) di INTAN Bukit Kiara;
- Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri;
- Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya.

YBhg. Dato' Dr. dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT bermula 3 Mac 2015.

YBHG. DATO' HALIMI BIN ABD. MANAF Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

YBhg. Dato' Halimi bin Abd. Manaf dilahirkan pada 13 April 1959 di Temerloh, Pahang. Beliau merupakan pemegang B.A (Hons) Psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan M.Sc. Human Resource dari University of Scranton, Pennsylvania, Amerika Syarikat.

YBhg. Dato' Halimi menyertai sektor awam pada tahun 1984 sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Setiausaha Pentadbiran di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- Penolong Pengarah di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam;

- Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Selangor; dan
- Timbalan Pengarah di Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

YBhg. Dato' Halimi dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Kerajaan



Tempatan (JKT), KPKT pada tahun 2008 dan kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pengarah JKT pada 8 November 2011. Berikutan penstrukturan semula Kabinet pada 15 Mei 2013, Sektor Kesejahteraan Bandar telah dimasukkan di bawah KPKT dan YBhg. Dato' Halimi dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) pada 15 Julai 2013.



YBHG. DATO' NOR INCHUN BINTI MOHAMED SALLEH Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Nor Inchun binti Mohamed Salleh dilahirkan di Bentong, Pahang pada 14 Julai 1958. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, B.A. (HONS) dari Universiti Malaya.

YBhg. Dato' Nor Inchun binti Mohamed Salleh memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1981 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KBS) dan bertukar ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Bahagian Perdagangan Dalam Negeri) pada tahun 1987. Antara jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Pegawai Kewangan di Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS);
- Ketua Penolong Pengarah (Pengurusan) di Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS);
- Timbalan Pengarah Hospital (Pengurusan) di Hospital Queen Elizabeth; dan
- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) di JKN.

Pada November 2007, bermulalah kerjaya beliau di KPKT dengan mejawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian (Kewangan dan Perolehan). Pada 27 Mei 2015 beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT.



YBRS. DR. DAHLIA BINTI ROSLY Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

YBrs Dr. Dahlia Binti Rosly dilahirkan pada 17 Januari 1956 dan berasal Selangor. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kepujian dalam bidang perancangan dari Oxford Brookes University, United Kingdom, Masters Degree dalam bidang Perancangan dan Kejuruteraan Pengangkutan di Imperial College, University of London dan memperolehi Ph.D di dalam 'Environmental and Social Impact Assessment' di University Newcastle, United Kingdom.

Beliau turut menyumbangkan kepakaran dalam kajian Sustainability Assessment in Plans, Sustainable Transport Planning, Social Impact Assessment, Green Communities dan Smart Growth.

YBrs Dr. Dahlia memainkan peranan penting memperkenalkan Social Impact Assessment dan kaedah Focus Group dalam perancangan guna tanah di Malaysia dan kaedah 'stakeholder involvement' yang telah diguna pakai dalam proses penyediaan pelan di Malaysia.

YBrs Dr. Dahlia mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam bidang perancangan guna tanah dan kepakaran mengenai aspek perancangan guna tanah yang mampan melalui penyediaan Rancangan Strategik, Rancangan Wilayah dan Rancangan Tempatan yang menjurus kepada penyediaan

pembangunan mampan. Beliau turut menyumbangkan pandangan dalam pelaksanaan undang-undang perancangan dan sistem informasi guna tanah serta juga aspek-aspek Perancangan Pengangkutan, Komuniti Sejahtera, 'Sustainable Development Indicators', Inisiatif Kejiranan Hijau dan 'Sosial Urbanism'.



YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HAJI IBRAHIM Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim merupakan anak kelahiran Kelantan dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang pengajian 'Nuclear Science'. Beliau juga telah mengikuti program Diploma Sains Pengurusan di INTAN, menghadiri Kursus *Brigade Command Course* di Fire Service College, United Kingdom dan mengikuti program peringkat *Master Fire Science* dalam bidang pengajian ERP di Universiti Putra Malaysia.

Perkembangan kerjaya YAS Dato' Wan Mohd Nor dalam JBPM bermula sejak 16 Disember 1985 sebagai Penguasa Bomba. Sepanjang perkhidmatan beliau bersama JBPM, beliau pernah menjawat pelbagai jawatan, antaranya ialah:

- Penguasa Kanan Bomba;
- Komandan di Pusat Latihan Bomba Kuala Kubu Bharu;

- Penolong Pesuruhjaya Bomba;
- Penolong Ketua Pengarah di Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan;
- Pengarah JBPM Negeri Selangor;
- Timbalan Ketua Pengarah

- (Pengurusan) JBPM; dan
- Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM;

YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim dilantik sebagai Ketua Pengarah JBPM pada 1 November 2010.

YBHG. DATUK MOHAMAD YUSOFF BIN GHAZALI Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara

YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali dilahirkan pada 25 Mei 1956 di Pulau Pinang. Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial (Kepujian) dalam bidang Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya dan *Post Graduate Diploma in Management Studies* dari University of Middlesex, London, United Kingdom.

YBhg. Datuk Mohamad Yusoff telah memulakan kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir Am pada 15 Januari 1980 (dilantik ke Skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 15 Oktober 1991) di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perdana Menteri. Sebelum berkhidmat dengan KPKT, beliau pernah berkhidmat dengan pelbagai agensi Kerajaan antaranya ialah:

- Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Pejabat Tanah Daerah Petaling;
- Pejabat Tanah Daerah Klang;
- Pejabat Kerajaan Negeri Selangor; dan
- Majlis Perbandaran Subang Jaya.



Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT pada 1 November 2009. Seterusnya, beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah, JPN pada 27 Januari 2014.



YBHG. DATO' DR. AB RAHMAN BIN AWANG
Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan

YBhg. Dato' Dr. Ab Rahman bin Awang dilahirkan pada 22 Oktober 1956 di Pasir Puteh, Kelantan. Beliau adalah pemegang B.Ec (Applied Economics) dari Universiti Malaya, M.Sc. (Management Development) dari Glasgow Caledonian University, United Kingdom dan PhD in Economics dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

YBhg. Dato' Dr. Ab Rahman menyertai sektor awam pada tahun 1982 sebagai Penolong Setiausaha di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Antara jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau sebelum berkhidmat dengan KPKT ialah:

- Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Batang Padang, Perak;
- Penolong Pengarah, Jabatan Tanah dan Galian, Pahang;

- Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Ekonomi, Kementerian Kewangan;
- Pengarah, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dan
- Ketua Bahagian Antarabangsa, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

YBhg. Dato' Dr. Ab Rahman bin Awang dilantik sebagai Ketua Bahagian Dasar, KPKT pada tahun 2010 dan kemudiannya sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT pada 20 Februari 2013. Seterusnya beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pengarah, JKT pada 18 Mei 2015.

YBRS. TUAN MOHAMAD ROSLI BIN HAJI ABDULLAH
Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

YBrs. Tuan Mohamad Rosli bin Haji Abdullah berasal dari Negeri Sembilan dan dilahirkan pada tahun 1962. Beliau mempunyai kelulusan dalam *Bachelor of Science Degree in Civil Engineering* dari Memphis State University, USA dan *Master in Environmental Management* dari Flinders University, Adelaide, Australia.

YBrs. Tuan Mohamad Rosli memulakan perkhidmatan beliau dalam sektor awam pada tahun 1988. Beliau telah berkhidmat di pelbagai kementerian dan agensi yang kebanyakannya berkaitan dengan perancangan dan pembangunan, tenaga dan alam sekitar. Antara jawatan-jawatan lain yang pernah disandang ialah:

- Penolong Setiausaha di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos;
- Penolong Setiausaha di Kementerian Kerja Raya;
- Penolong Setiausaha di Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan;
- Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian



- Pengangkutan Malaysia;
- Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Pengajian Tinggi;
- Pengarah di Bahagian Dasar dan Perancangan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), KPKT; dan
- Setiausaha Bahagian Kanan, Sektor Teknologi Hijau, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

YBrs. Tuan Mohamad Rosli dilantik sebagai Ketua Pengarah, JPSPN, KPKT pada 18 Ogos 2014.



YBRS. TUAN HAJI ESA BIN HAJI AHMAD
Ketua Jabatan
Jabatan Landskap Negara

YBrs. Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad berasal dari Johor dan mempunyai kelulusan *B. Agric. Sc.* dari Universiti Putra Malaysia dan *M. Landscape Design* dari Newcastle Upon Tyne, United Kingdom.

Beliau memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1982 sebagai Pegawai Pertanian, Projek Johor Barat, Batu Pahat. Antara jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau sebelum menjawat jawatan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN) ialah:

- Pegawai Pertanian – Simpanan dalam Latihan ;
- Pegawai Pertanian Unit Landskap dan Florikultur, Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur;
- Pengarah Rekabentuk dan Penyenggaraan, JLN;
- Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, JJLN;

- Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JLN; dan
- Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JLN

YBrs. Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad telah dilantik sebagai Ketua Pengarah, JLN pada 4 Februari 2010.

YBRS. PUAN NORHAYATI BINTI AHMAD
Pengerusi
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah

YBrs. Puan Norhayati Ahmad merupakan anak kelahiran Selangor dan dilahirkan pada 12 Disember 1966. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (*Bachelor of Law*) dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan telah menyambung pelajaran pada peringkat Sarjana dalam Masters of Public International Law di Universiti of Hull, United Kingdom.

Perkembangan kerjaya YBrs. Puan Norhayati bermula sejak tahun 1992 sebagai Pegawai Undang-undang di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Sepanjang perkhidmatan, beliau pernah menjawat pelbagai jawatan, antaranya ialah:

- Majistret di Mahkamah Majistret Kajang, Selangor;
- Peguam Persekutuan di Bahagian Penasihat dan Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara;

- Penasihat Undang-Undang di Kementerian Pengangkutan;
- Peguam Persekutuan di Bahagian Penasihat dan Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara;
- Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur;
- Penasihat Undang-undang di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);
- Penasihat Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri (JPM);



- Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang, Jabatan Peguam Negara;
- Pengurus Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan; dan
- Timbalan Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).

YBrs. Puan Norhayati telah dilantik sebagai Pengerusi Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata bermula pada 1 Jun 2015.



YBRS. TUAN YAP HOCK ANN
Pengarah
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Encik Yap Hock Ann dilahirkan pada 10 Disember 1970 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan pemegang Ijazah Pertama BA (Hons.) Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Universiti Malaysia Sarawak.

Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam pada 15 Januari 1996 sebagai Penolong Pengarah, Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M3 (M41) hinggalah Gred M52 di Unit Pemodenan Tadbiran dan

Perancangan Malaysia (MAMPU). Seterusnya, beliau berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan di Bahagian Korporat, KPKT bermula 13 Mac 2014. Beliau meneruskan kerjaya beliau di Institut

Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) dan menjalankan tugas sebagai Pengarah mulai 1 November 2014.

YBHG. DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam (SWCorp)


YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed berasal dari Perak dan dilahirkan pada 17 Ogos 1965. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana (Ekonomi) dari International University of Japan dan Doktor Falsafah (Ekonomi) dari Universiti Meiji, Jepun.



Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1992 dan seterusnya berkhidmat sebagai Penolong Pengarah di Unit Koordinasi, Jabatan Perdana Menteri. Antara jawatan-jawatan lain yang pernah disandang ialah:

- Timbalan Setiausaha, Bahagian Korporat, Kementerian Kewangan Malaysia;
- Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Kuala Kangsar, Perak; dan
- Timbalan Pengarah (Sektoral) di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

YBhg. Dato' Dr. Zulkapli dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) pada 12 Oktober 2015.



BARISAN SETIAUSAHA BAHAGIAN DAN KETUA UNIT

SEKTOR DASAR DAN PEMBANGUNAN



**TUAN HAJI
ABU BAKAR BIN JOHAR**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan dan
Pelaksanaan Projek



**PUAN NORMI
BINTI NORDIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Inspektorat



**TUAN AUTAR SINGH
A/L S. BHAG SINGH**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keurusetiaan Strategik
dan Hubungan Antarabangsa

SEKTOR KESEJAHTERAAN BANDAR



**PUAN HAFIDZAH
BINTI HASSAN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kesejahteraan Bandar



**TUAN MOHAMAD
RIDZWAN BIN ABIDIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan
Perbandaran



TUAN KHOH JOO BEE
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pemberi Pinjam Wang
dan Pemegang Pajak Gadai

SEKTOR PENGURUSAN



**TUAN KHAIRUL
DZAIMEE BIN DAUD**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
dan Perolehan



**TUAN ABDUL LATIF
BIN ISMAIL**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat



**TUAN MOHAMAD
KHIR BIN MAT LAZIM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat
Pengurusan



**PUAN RAZIAH
BINTI HUSSIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia



**TUAN MAT NAZRI
BIN HARMINE**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun

SEKTOR STAFF FUNCTION



**YBHG. DATO' AZLAN
BIN ABDUL HALIM**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Undang-undang



**YBHG. DATIN SERI
DATO' SHAMSIAH
BINTI HAJI DAUD**
Ketua Unit
Bahagian Audit Dalam



**PUAN NORHAYATI
BINTI ABD MANAF**
Ketua Unit
Unit Komunikasi Korporat



**TUAN AHMAD SHUKRI
BIN ABDUL HAMID**
Ketua Unit
Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI)



**TUAN KHAIRIM SHAHRIL
BIN MAT KHALID**
Ketua Unit
Unit Integriti


LAPORAN

- 026 Belanjaan KPKT
- 030 Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPKT
- 034 Sorotan Utama
- 040 Liputan Media
- 046 Anugerah dan Pengiktirafan



Bagi tahun kewangan 2015, KPKT telah diluluskan peruntukan berjumlah RM4,626,140,908.00 yang mana Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM3,131,994,850.00 dan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM1,494,146,058.00. Pecahan peruntukan KPKT bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Carta 1.

Carta 1 Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2015



PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak



Pencapaian ini menunjukkan komitmen semua pihak dalam memastikan prestasi perbelanjaan mengurus mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan.

Bagi melancarkan pengurusan kewangan KPKT, sebanyak 23 pindah peruntukan telah dilaksanakan pada tahun 2015. Prestasi perbelanjaan berdasarkan program/aktiviti adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2015

Bil	Program/ Aktiviti	Peruntukan Kemas Kini (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1.	Sedia Ada	2,774,217,864.00	2,774,217,825.85	100.00
2.	Program Khusus	308,028,110.00	308,028,106.73	100.00
3.	Dasar Baru	24,800,857.00	24,800,852.29	100.00
4.	One-Off	24,948,019.00	24,948,017.33	100.00
	Jumlah	3,131,994,850.00	3,131,994,802.20	100.00

Sumber: Laporan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan sehingga 31 Disember 2015 telah berjaya mencapai prestasi sebanyak



Prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sehingga 31 Disember 2015

Bil	Butiran Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
Di bawah kawalan Bahagian Kewangan dan Perolehan (BK&P)				
1.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)	132,495,661.00	132,495,660.28	100.00
2.	Jabatan Landskap Negara (JLN)	47,570,945.00	47,570,943.52	100.00
3.	Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB)	192,513,045.00	192,513,044.34	100.00
Di bawah kawalan jabatan masing-masing				
1.	Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	306,957,085.00	306,957,084.44	100.00
2.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)	11,502,025.00	11,502,022.30	100.00
3.	Jabatan Perumahan Negara (JPN)	609,535,735.00	609,535,728.12	100.00
4.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	193,571,562.00	193,571,558.93	100.00
Jumlah Keseluruhan		1,494,146,058.00	1,494,146,041.93	100.00

PENGURUSAN PEROLEHAN

Pengurusan perolehan bagi tahun 2015 melibatkan pelaksanaan sebanyak 447 transaksi melibatkan empat (4) jenis kaedah perolehan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 Pengurusan Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Tahun 2015

Bil	Kaedah Perolehan	Bilangan Transaksi
1.	Tender	69
2.	Sebut Harga	334
3.	Rundingan Terus	42
4.	eBidding	2
Jumlah Keseluruhan		447

PRESTASI PENGGUNAAN SISTEM EPEROLEHAN (eP)

Prestasi pencapaian Penggunaan sistem eP bagi tahun 2015 ialah 95.40 peratus. Secara tidak langsung, jumlah ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 20.40 peratus berbanding sasaran 75.00 peratus yang telah ditetapkan.

LAPORAN PRESTASI PENGEMASKINIAN GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM

Government Procurement Information System (GPIS) dibangunkan bagi mengurus maklumat perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan. Fungsi Utama GPIS adalah untuk menyimpan maklumat perolehan yang terperinci bagi agensi-agensi kerajaan meliputi peringkat awal pelaksanaan perolehan sehingga projek siap.

Maklumat perolehan dalam GPIS adalah bergantung kepada data integrasi dan data yang dimasukkan oleh kementerian/ agensi dan keberkesanan pelaksanaan GPIS adalah bergantung sepenuhnya kepada inisiatif kementerian/agensi untuk

memasukkan atau mengemaskini maklumat tersebut.

Sepanjang tahun 2015, KPKT telah menggunakan pakai GPIS sebanyak 10,493 kali dengan jumlah amaun sebanyak RM916,465,043.94. Statistik pengemaskinian GPIS oleh jabatan /bahagian bagi tahun 2015 adalah dalam Jadual 4.

Jadual 4 Statistik Pengemaskinian GPIS oleh Jabatan/bahagian bagi Tahun 2015

Kaedah Perolehan	Bil GPIS	Amaun (RM)
Tender	24	53,113,456.22
Sebut Harga	471	47,323,745.32
Rundingan Terus	32	702,514,713.00
Pembelian Terus	9,343	86,245,846.75
E-Bidding	1	989,035.00
Kontrak Kementerian	38	16,345,829.95
Kontrak Pusat/Sistem Panel	584	10,232,417.70
Jumlah Keseluruhan	10,493	916,765,043.94


(Photo Hiasan)

LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KPKT

PENCAPAIAN KPI YB MENTERI TAHUN 2015 SEHINGGA 31 DISEMBER 2015

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA): Projek Permulaan (EPP)	3
Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) / Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI)	4
Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA)	9
Jumlah	16

PERBANDINGAN MENGIKUT TAHUN PENCAPAIAN KPI YBM KPKT 2012-2015




PENCAPAIAN
KESELURUHAN
SEHINGGA
31 DISEMBER 2015

161%

Pencapaian keseluruhan
dari **16 KPI** tahun 2015

Skor NKEA & NKRA : **73%**
Skor MKRA : **72 %**
Jumlah Skor (90%) : **145 %**
Jumlah Skor (100%) : **161%**



14 KPI
>90%

PENCAPAIAN KESELURUHAN 16 KPI TAHUN 2015

Bil	KPI	KPI	Pencapaian	Skor
NKEA Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang (GKL/KV)				
1.	Meningkatkan kadar kitar semula: peratus penyiapan peraturan bagi Pengasingan Sisa di Punca	100%	70%	70%
2.	Peratus kemajuan pewartaan peraturan-peraturan bagi sisa binaan	100%	88%	88%
3.	Peratus kemajuan bahan larut lesap (<i>leachate</i>) di Taman Beringin	100%	90%	90%
NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH)				
4.	AZAM Bandar - Bilangan peserta baharu yang menyertai Program 1AZAM Bandar	2,200	2,684	122%
5.	AZAM Bandar - Bilangan peserta yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana tiga (3) bulan	1,400	1,910	136%
6.	1AZAM Bandar - Bilangan peserta baharu yang menyertai Program 'Celik Kewangan'	2,200	2,569	117%
7.	1AZAM Bandar - Bilangan peserta 'Beyond' 1AZAM Bandar yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 50% melebihi pendapatan bulanan bagi tiga (3) bulan berturut-turut	20	214	1,070%



Bil	KPI	KPI	Pencapaian	Skor
MKRA				
8.	Purata peratus keseluruhan respons kepada panggilan kecemasan kebombaan dan penyelamatan ke semua kawasan di Malaysia dalam tempoh 10 minit ke bawah	60%	55%	91%
9.	Bilangan unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi rakyat yang berpendapatan di bawah RM2,500.00	3,940	3,940	100%
10.	Peratus purata kes perumahan yang dilupuskan dalam tempoh 120 hari bekerja daripada tarikh difailkan di Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) di bawah Seksyen 16 Akta 118	95%	100%	105%
11.	Bilangan Rumah Transit 1Malaysia yang disediakan bagi pasangan muda di Kuala Lumpur	500	500	100%
12.	Bilangan unit yang diluluskan untuk insentif pemaaju di bawah Program MyHome	7,000	9,947	142%
13.	Taman Persekutuan Bukit Kiara - peratus penyiapan aboretum di Zon Riparian	40%	45%	113%
14.	Peratus peningkatan kadar kitar semula seluruh negara	2%	4.5%	225%
15.	Peratus pembinaan tapak pelupusan sanitari	100%	91.5%	92%
16.	Peratus pencapaian bagi KPI yang dicadangkan di bawah Program PEB	100%	116.1%	116%



NKEA : PERATUS PENINGKATAN KADAR KITAR SEMULA SELURUH NEGARA

- Berdasarkan kajian yang dilaksanakan pada tahun 2014, kadar Kitar Semula tahun 2015 ialah 15%. Pencapaian tersebut melibatkan peningkatan sebanyak 4.5% dari *baseline* 10.5%.

KPI	2%
CAPAI	4.5%
SKOR	225%

2015 HIGHLIGHTS

1

2

3

3

NKRA : BILANGAN PESERTA 'BEYOND' 1AZAM BANDAR YANG BERJAYA MENINGKATKAN PENDAPATAN SEBANYAK 50% MELEBIHI PENDAPATAN BULANAN BAGI TIGA (3) BULAN BERTURUT-TURUT

KPI	20 orang
CAPAI	214 orang
SKOR	1070%

- Peserta Azam Bandar yang terlibat telah dibantu dalam memperoleh pinjaman dan mikrokredit.
- Beberapa siri latihan telah diberi dalam pengkhususan kemahiran memasarkan produk mereka di pasaran.

MKRA : BILANGAN RUMAH TRANSIT 1MALAYSIA YANG DISEDIKAN BAGI PASANGAN MUDA DI KUALA LUMPUR

- Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 854 penama telah diperaku dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan.
- Kesemua 854 penama telah diberikan surat tawaran dan daripada jumlah tersebut, 600 orang telah bersetuju menandatangani surat perjanjian sewaan dan membayar deposit. (melebihi sasaran KPI sebanyak 500 orang).

KPI	500 unit
CAPAI	500 unit
SKOR	100%

MKRA : BILANGAN UNIT PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BAGI RAKYAT YANG BERPENDAPATAN DI BAWAH RM2,500

CCC bagi projek-projek terlibat telah dikeluarkan:

KPI	3,940 unit
CAPAI	3,940 unit
SKOR	100%

- PPR Kunak, Sabah (400 unit)
- PPR Bukit Padang, Sabah (760 unit)
- PPR Pekan Muhibbah, Sandakan, Sabah (500 unit)
- PPR Batu Sapi, Sabah (180 unit)
- PPR Lambir, Sarawak (500 units)
- PPR (Dimiliki) Kepong, WPKL (1,600 unit)

SOROTAN UTAMA



26 Jan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-69



27 Jan Pelancaran Penjenamaan Semula PPSPPA, 3R International Marathon, Karnival Jelajah Mata Hati SWCorp dan Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS) 2015



9 Feb 6th High Level Seminar on Environmentally Sustainable Cities



10 Feb Round Table Discussion on Housing Guarantee Scheme of Korea



7 Mac Sambutan Hari Landskap Negara 2015



15 Mac Sesi Town Hall YB Menteri bersama Komuniti Bandar Ipoh, Perak



7 Apr Penyerahan Projek PPR Taman Wai Permai, Kuala Perlis, Perlis



16 Apr Perasmian Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang



5 MEI Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2015



10 Mei Pecah Tanah Projek PPR Kota Belud, Sabah



16 Mei Penyerahan Projek PPR Melana Indah, Johor Bahru



26 Mei Penyerahan Nota Serah Tugas Ketua Setiausaha KPKT



29 Mei Pelancaran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Peringkat Kebangsaan



8 Jun Media Luncheon Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)



22 Jun Pelancaran Pegawai Bomba Bantuan Mountain Search and Rescue (MOSAR)



1 Jul Singgah Sahur YB Menteri ke Balai Bomba dan Penyelamat Seri Hartamas, Kuala Lumpur



8 Jul Perhimpunan Khas YB Menteri bersama Warga KPKT bersempena dengan Bulan Ramadhan 2015/1436H



21 Ogo Mesyuarat Majlis Perumahan Negara



5 Ogo Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPKT 2015



25 Ogo Pelancaran Laman Web iSelamat.my



1 Sep Pelancaran Pelaksanaan Pengasingan Sisa di Punca



3 Sep Perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang



8 Sep Perasmian Persidangan Kesihatan Persekitaran Pihak Berkuasa Tempatan Peringkat Kebangsaan 2015



5 Okt Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015



18 Okt Pecah Tanah Dataran Kota Belud



22 Okt Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015



29 Okt Pelancaran Aplikasi CAKNA



31 Okt Pelancaran Malaysian Street Art dan Karnival Azam Bandar (MURAL) 2015



1 Nov Penyerahan Kunci Rumah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar



12 Nov Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015



3 Nov Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2015



14 Nov Hari Keluarga dan Karnival Sukan KPKT 2015



19 Nov Sambutan Hari Tandas Sedunia 2015



3 Dis Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highland 2030 (Penggantian)

LIPUTAN MEDIA



PPR penempatan sementara mangsa banjir

OLEH SITI AMRUNDIA ALAUI
siti.amrundia@malaymail.com.my

KUALA LUMPUR 6 Jan - Kementerian Kesihatan hari ini mengumumkan bahawa PPR akan menempatkan mangsa banjir sementara di rumah-rumah PPR yang telah siap dibina. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Haniffa Mah, berkata, PPR akan menempatkan mangsa banjir sementara di rumah-rumah PPR yang telah siap dibina. Beliau berkata, PPR akan menempatkan mangsa banjir sementara di rumah-rumah PPR yang telah siap dibina. Beliau berkata, PPR akan menempatkan mangsa banjir sementara di rumah-rumah PPR yang telah siap dibina.



DATUK SERI HANIFFA MAH

Boleh batal beli rumah

Peraturan elak jadi mangsa projek terbengkalai

Laporan Pula Zamrudin dan M Hafizuddin Hassan
pula.zamrudin@malaymail.com.my

KUALA LUMPUR 6 Jan - Peraturan baru yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) membolehkan pembeli rumah PPR membatalkan pembelian rumah PPR yang telah dibeli jika projek tersebut terbengkalai. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi pembeli rumah PPR dari kerugian akibat projek yang terbengkalai.

Perbadanan bangun semula rumah awam

PM HARAP PELANTIKAN MOHAMMAD MENTEK JADI INSPIRASI

KUALA LUMPUR 22 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berharap pelantikan Mohammad Menteck sebagai Ketua Perbadanan Awam (KPA) akan memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia. Beliau berkata, Menteck adalah seorang pemimpin yang berdedikasi dan berkeadilan.



MOHAMMAD MENTECK

Pelaksanaan akta pengurusan strata

PUTRAJAYA 6 Jan - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumumkan bahawa pelaksanaan Akta Pengurusan Strata (APS) akan bermula pada 1 Januari 2016. Beliau berkata, APS akan memastikan bahawa semua bangunan bertingkat di negara ini mempunyai peraturan yang jelas mengenai pengurusan strata.



DATUK SERI HANIFFA MAH

Malaysia 10 negara terbersih menjelang 2020

JOHOR BAHRU 15 Mei - Kerajaan tidak akan mengabaikan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara terbersih menjelang 2020. Beliau berkata, kerajaan akan melaksanakan pelbagai program untuk memastikan bahawa Malaysia adalah negara yang bersih dan hijau.



DATUK SERI HANIFFA MAH

Waste separation in six states

Recyclables must be set apart from organic items from September

KUALA LUMPUR 22 Mei - Kerajaan mengumumkan bahawa pemisahan sampah organik dan tidak organik akan diwajibkan di enam negeri mulai September 2015. Beliau berkata, langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan program pemisahan sampah.

Wajib asing sisa isi rumah

Pelaksanaan mandatori berkuat kuasa September depan

KUALA LUMPUR 22 Mei - Kerajaan mengumumkan bahawa pelaksanaan mandatori untuk memisahkan sampah organik dan tidak organik akan diwajibkan di enam negeri mulai September 2015. Beliau berkata, langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan program pemisahan sampah.

PM harap pelantikan Mohammad Menteck jadi inspirasi

KUALA LUMPUR 22 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berharap pelantikan Mohammad Menteck sebagai Ketua Perbadanan Awam (KPA) akan memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia. Beliau berkata, Menteck adalah seorang pemimpin yang berdedikasi dan berkeadilan.

More parks for the people, says minister

By SHALINI BAWANDAN
shalini.bawandan@malaymail.com.my

KUALA LUMPUR 22 Mei - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Haniffa Mah, berkata bahawa kerajaan akan melaksanakan pelbagai program untuk memastikan bahawa Malaysia adalah negara yang bersih dan hijau. Beliau berkata, kerajaan akan melaksanakan pelbagai program untuk memastikan bahawa Malaysia adalah negara yang bersih dan hijau.

Modul urus gempa bumi untuk malim gunung

KUALA LUMPUR 22 Mei - Kerajaan mengumumkan bahawa pelaksanaan mandatori untuk memisahkan sampah organik dan tidak organik akan diwajibkan di enam negeri mulai September 2015. Beliau berkata, langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan program pemisahan sampah.



DATUK SERI HANIFFA MAH

JPP rapatkan jurang kerajaan dengan penduduk

KUALA LUMPUR 22 Mei - Kerajaan mengumumkan bahawa pelaksanaan mandatori untuk memisahkan sampah organik dan tidak organik akan diwajibkan di enam negeri mulai September 2015. Beliau berkata, langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan program pemisahan sampah.



DATUK SERI HANIFFA MAH

Lapan jam boot harungi arus deras

KUALA LUMPUR 22 Mei - Kerajaan mengumumkan bahawa pelaksanaan mandatori untuk memisahkan sampah organik dan tidak organik akan diwajibkan di enam negeri mulai September 2015. Beliau berkata, langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan program pemisahan sampah.



DATUK SERI HANIFFA MAH

Aplikasi Orang-E bantu penduduk dalam pelbagai aspek



duk yang tin-
dengan berko-
gunakan soli-

RM300 juta biayai rumah skim MYHome



Oleh SALEHUDIN MAT RASA
permatang@maran.com.my

yang layak.
"Skin Mylkon

[illegible]

Pengisian program LA21
bakal dikaji semula



pengisian
menjadi
lebih me
Kater
dan itu
kerjaan
menjad
dan tid
kemasy

Solid waste separation begins today



PCTALIA JAYA: Effective today, all hotels and businesses owners from eight states are required to separate their waste into three categories: recyclables and non-recyclables.

The eight states involved are Johor, Kedah, Kelantan, Kuala Lumpur, Malacca, Negeri Sembilan, Perak and Selangor.

This ordinance will face penalties under the Solid Waste Management and Public Cleansing Act (SWMC) which states that if solid wastes have been separated and recycled, it will be fined RM100,000.

To ensure the separation is done correctly, household and business owner must separate their refuse into bins in separate transparent plastic bags can be placed in one bin. Organic waste can be placed in another bin.

"For recyclable waste that has been sorted by paper, plastic and other recycled materials, it will be collected once a week while the rest will be collected every two weeks."

TPS selesaikan isu bangunan berstrata



by the Urban Wellbeing, Housing
and Land Governance Unit

**Pengasingan sisa
pepejal di premis kua
kuasa 1 September**



Perdagangan dan hasil itu
menjadi buru-buru dan ber-
telaar perantara serta akan
diperoleh hasil yang buruk.

peringatan akan diberi untuk pengguna
suakan diri dengan sistem terbaru





Sepanjang tahun 2015, KPKT dan jabatan/bahagian/unit di bawahnya telah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan dalam pelbagai aspek yang menyumbang kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan dan motivasi warga KPKT. Antara anugerah dan pengiktirafan yang diterima adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 Anugerah dan Pengiktirafan yang Diterima oleh KPKT sepanjang Tahun 2015			
Bil.	Anugerah/Pengiktirafan	Organisasi Penganjur	Penerima
1.	Penarafan 4 Bintang (Cemerlang) bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntibiliti (AI) Tahun 2014	Jabatan Audit Negara	KPKT
2.	Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang 2014	Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri	KPKT
3.	Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2013	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia	KPKT
4.	Penganugerahan Sijil 5S Hijau	SIRIM Berhad	KPKT
5.	Anugerah Pingat Gangsa bagi Amalan Terbaik Jawatankuasa Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	AKRAB KPKT dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
6.	Penarafan 5 bintang dalam Provider-Based Evaluation (ProBE) 2014	Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan MAMPU	• KPKT • JBPM • Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)

Bil.	Anugerah/Pengiktirafan	Organisasi Penganjur	Penerima
			• Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) • Jabatan Perumahan Negara (JPN) • Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
7.	Penarafan 4 bintang dalam Provider-Based Evaluation (ProBE) 2014	MAMPU dan MDeC	• Jabatan Landskap Negara (JLN) • Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
8.	Anugerah Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2015 Kategori Agensi Kerajaan bagi Projek House Build (NBOS7)	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	JBPM
9.	Penarafan 4 Bintang (Sangat Baik) bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014	Jabatan Audit Negara	JPBD
10.	Trofi Ketua Menteri Sarawak Emas (Kategori Negeri) bersempena dengan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2015	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	JBPM Negeri Sarawak
11.	Anugerah Pengurusan Aduan bersempena dengan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2015	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	JBPM Negeri Sarawak
12.	Persembahan Paling Kreatif (Kategori Teknikal) bersempena dengan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak 2015	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	JBPM Negeri Sarawak

Bil.	Anugerah/Pengiktirafan	Organisasi Penganjur	Penerima
13.	Persembahan Paling Kreatif Zon Agensi Persekutuan bersempena dengan Konvensyen KIK Wilayah Selatan	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	JBPM Negeri Sarawak
14.	Pameran Paling Kreatif Zon Agensi Persekutuan bersempena dengan Konvensyen KIK Wilayah Selatan	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	JBPM Negeri Sarawak
15.	Naib Johan Zon Agensi Persekutuan (Kategori Teknikal) bersempena dengan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Wilayah Selatan	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	JBPM Negeri Sarawak
16.	Anugerah Emas Jabatan Kecemasan bersempena dengan Majlis Anugerah Cemerlang MERS 999	Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Telekom Malaysia	JBPM
17.	Johan Pertandingan Sepanduk dan Perbarisan bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri	Kerajaan Negeri Pahang	JBPM Negeri Pahang
18.	Johan Kategori Kerajaan bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Pahang	Kerajaan Negeri Pahang	JBPM Negeri Pahang
19.	Naib Johan Pertandingan Perahu Panjang pada Pesta Air Tradisional 2015 Negeri Perlis	Kerajaan Negeri Perlis	JBPM Negeri Perlis
20.	Johan Kategori Sektor Awam pada Pertandingan Inovasi Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pahang	Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	JBPM Negeri Pahang
21.	Tempat Ketiga Kategori Sektor Awam pada Pertandingan Inovasi SUK Negeri Pahang	Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	JBPM Negeri Pahang
22.	Ketiga Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Negeri Perlis	Jabatan Penerangan Negeri Perlis	JBPM Negeri Perlis
23.	Anugerah Emas pada Mini Convention on Team Excellence Wilayah Sarawak 2015	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	JBPM

Bil.	Anugerah/Pengiktirafan	Organisasi Penganjur	Penerima
24.	Anugerah ICC Muda Terbaik pada Mini Convention on Team Excellence Wilayah Sarawak 2015	MPC	JBPM Negeri Sarawak
25.	Emas Kategori Teknikal bagi Kumpulan Inovatif dan Kreatif pada Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah 2015	MPC	JBPM Negeri Sembilan
26.	Anugerah Emas 3 Bintang (10 Kumpulan Terbaik Sektor Awam bagi Kategori Teknikal) bersempena dengan Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah 2015	MPC	JBPM Negeri Sembilan
27.	Anugerah Emas di Pertandingan Mini Konvensyen <i>Team Excellent</i> 2015 (Wilayah Sabah)	MPC	JPBD
28.	Anugerah Khas " <i>The Most Promising Inovative and Creative Circle 2015</i> " pada Pertandingan Mini Konvensyen Team Excellent 2015 (Wilayah Sabah)	MPC	JPBD
29.	Anugerah Emas Konvensyen Team Excellent Wilayah Sabah dan Sarawak 2015	MPC Wilayah Sabah dan Sarawak	JPBD
30.	Pensijilan MS ISO 9001:2008 Standard Malaysia bagi skop "Pengurusan, Pelaksanaan dan Pembangunan Perumahan"	Moody International Certification	JPN
31.	Registered Electrical Energy Manager (REEM) 2015	Suruhanjaya Tenaga	Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS)
32.	Kedudukan Kedua Kategori Penginapan Popular Institut Latihan Awam dalam laman sesawang 1Malaysia Training Center (1MTC)	1MTC	Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT)
33.	Anugerah Inovasi Menteri 2015 bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015	KPKT	JPBD

Bil	Anugerah/Pengiktirafan	Organisasi Penganjur	Penerima
34.	Tempat Pertama (Kategori Teknikal) bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	JBPM Kedah
35.	Tempat Kedua (Kategori Teknikal) bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	JBPM Perak
36.	Tempat Ketiga (Kategori Teknikal) bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	JBPM Putrajaya
37.	Tempat Pertama (Kategori Pengurusan) bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	JBPM Negeri Sembilan
38.	Tempat Kedua (Kategori Pengurusan) bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	JBPM Negeri Sembilan
39.	Tempat Ketiga (Kategori Pengurusan) bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	SWCorp Melaka
40.	Pemenang Kategori Hybrid bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	I-KPKT Institut Latihan KPKT (I-KPKT) bersama dengan Majlis Perbandaran Bentong (MPB)
41.	Pemenang Persembahan Terbaik bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	IKPKT bersama dengan MPB
42.	Pemenang Kategori Dokumen Terbaik bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	JBPM Perak
43.	Pemenang Kategori Pameran Terbaik bersempena dengan Konvensyen KIK KPKT 2015	KPKT	SWCorp Terengganu

Bil	Anugerah/Pengiktirafan	Organisasi Penganjur	Penerima
44.	Tempat Pertama Pejabat Terbaik Kategori Jabatan Tahun 2015 bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015	KPKT	JKT
45.	Tempat Kedua Pejabat Terbaik Kategori Jabatan Tahun 2015 bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015	KPKT	SWCorp
46.	Tempat Ketiga Pejabat Terbaik Kategori Jabatan Tahun 2015	KPKT	TPPS
47.	Tempat Pertama Pejabat Terbaik Kategori Bahagian/Unit Tahun 2015 bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015	KPKT	Bahagian Undang-undang
48.	Tempat Kedua Pejabat Terbaik Kategori Bahagian/Unit Tahun 2015 bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015	KPKT	Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
49.	Tempat Ketiga Pejabat Terbaik Kategori Bahagian/Unit Tahun 2015 bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015	KPKT	Bahagian Audit Dalam





PROGRAM

056 Program Kesejahteraan Bandar
078 Program Perancangan Bandar
094 Program Kebombaan dan Penyelamatan
120 Program Perumahan
154 Program Kerajaan Tempatan
174 Program Pembangunan Landskap
190 Program Pengurusan Sisa Pepejal
222 Program Latihan KPKT

228 Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) KPKT
240 Program Khidmat Sokongan (Dasar dan Pembangunan)
260 Program Khidmat Sokongan (Pengurusan)
284 Program Khidmat Sokongan (Staff Function)



BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR

LATAR BELAKANG

Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) pada asalnya berada di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Ekoran daripada penyusunan semula beberapa Kementerian selepas Pilihanraya Umum ke-13, KPKT telah disusun semula dan dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan BKB telah diletakkan di bawah KPKT.

OBJEKTIF

- Meningkatkan penyertaan penduduk dalam proses membuat keputusan bagi program kesejahteraan bandar
- Meningkatkan penyertaan penduduk dalam pelaksanaan program kesejahteraan bandar

VISI

Mewujud komuniti dan persekitaran bandar yang sejahtera, berkualiti dan mampan

- Mengurangkan bilangan penduduk miskin bandar

FUNGSI UTAMA

- Merancang, melaksana dan memantau Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)
- Mengurus dan mentadbir hal ehwal pelantikan dan perkhidmatan anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)
- Menyelaras dan memantau program dan aktiviti JPP
- Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek di bawah

MISI

Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras program-program kesejahteraan bandar yang inovatif, strategik dan inklusif melalui peningkatan sosioekonomi dan penyertaan penduduk

- Program Local Agenda 21
- Urus setia peringkat kebangsaan bagi Program Local Agenda 21
- Melaksanakan program-program dan inisiatif-inisiatif baharu berkaitan kesejahteraan bandar
- Menyelaras program dan aktiviti berkaitan kesejahteraan bandar bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

PELANCARAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK PERINGKAT KEBANGSAAN

Majlis Pelancaran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (Perdana Menteri) pada 29 Mei 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Dengan tema "JPP Pemangkin Kesejahteraan Rakyat", majlis ini telah berjaya menghimpunkan hampir 2000 anggota JPP yang telah dilantik daripada seluruh negara termasuk pihak berkuasa negeri (PBN), pihak berkuasa tempatan (PBT) serta jabatan/agensi kerajaan bagi memastikan objektif penubuhan JPP ini tercapai.

Dalam majlis ini, YAB Perdana Menteri turut melancarkan *Handbook* Gerak Kerja JPP. *Handbook* ini dihasilkan untuk membantu JPP merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan terutamanya program di bawah inisiatif KPKT secara seragam.





PELANCARAN GERAK KERJA JPP PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA IPOH

Gerak Kerja JPP dilaksanakan untuk membantu JPP merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan mengikut keperluan penduduk setempat. Gerak Kerja ini membolehkan JPP melaksanakan program terutamanya program di bawah inisiatif KPKT secara seragam. Inisiatif ini dapat menyemarakkan penyertaan penduduk dalam menjaga dan memelihara kawasan penempatan komuniti masing-masing dari aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan dan keindahan.

Terdapat enam (6) Gerak Kerja JPP yang meliputi 10 program seperti yang berikut:

- i. Gerak Kerja Komuniti MyBOMBA JPP
- ii. Gerak Kerja Komuniti Selamat
 - mySaferList
 - Tangan Bersalaman
- iii. Gerak Kerja Komuniti Sihat
 - Program Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (Communication for Behavioural Impact) – Local Agenda 21 (COMBI-LA21)
- iv. Gerak Kerja Komuniti Bersih
 - 3R4Life



- KomSis (Pengkomposan Sisa)
- 2C (Clean & Clear)
- v. Gerak Kerja Komuniti Indah
 - Kejiranan Hijau
 - Kebun Komuniti
 - i-MAN (Indah dan Nyaman)
- vi. Gerak Kerja Komuniti Sejahtera
 - Kanta Komuniti

Bagi memastikan keberkesanan Gerak Kerja JPP tersebut, lima (5) JPP di bawah Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) iaitu Zon 1A, 8, 9, 11A dan 19 dipilih untuk melaksanakan program perintis sebelum Gerak Kerja JPP tersebut dilancarkan kepada seluruh JPP.

Kelima-Lima Zon JPP tersebut telah mula melaksanakan program Gerak Kerja JPP pada bulan November di komuniti masing-masing. Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran Gerak Kerja JPP Peringkat MBI telah diadakan pada 13 Disember 2015 sebagai salah satu cara promosi Gerak Kerja JPP tersebut dan perjalanan aktiviti JPP itu sendiri.

SESI TOWN HALL YB MENTERI BERSAMA KOMUNITI BANDAR

BKB dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah menganjurkan Sesi Town Hall

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) bersama Komuniti Bandar pada 15 Mac 2015 bertempat di Dewan Komuniti 1Malaysia Chemor, Ipoh, Perak.

Program ini telah dihadiri oleh lebih 600 orang daripada komuniti Bandaraya Ipoh yang terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Rukun Tetangga, Pemimpin Pelajar Institut Pengajian Tinggi, Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Ipoh, Persatuan Penjaja, 1M4U dan Chemor.





Sesi interaksi dua hala antara komuniti bandar bersama YB Menteri, Pengurusan Tertinggi Kementerian dan ketua-ketua jabatan di bawah KPKT ini menjadi salah satu daripada platform untuk komuniti bandar menyampaikan pendapat bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian Kerajaan.

Di samping itu, kesemua cadangan dan soalan yang diajukan oleh peserta sesi town hall telah diambil maklum dan pihak Kementerian akan membuat susulan terhadap perkara-perkara yang memerlukan tindakan lanjut oleh jabatan dan agensi yang berkaitan.

KARNIVAL MALAYSIAN URBAN STREET ARTS DAN AZAM BANDAR (MURAL) 2015

Karnival Malaysian Urban Street Arts dan AZAM Bandar (MURAL) 2015 telah diadakan pada 30 Oktober hingga 1 November 2015 bertempat di Taman Merdeka, Johor Bahru. Majlis Pelancaran MURAL 2015 telah diadakan pada 31 Oktober 2015 dan disempurnakan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

MURAL 2015 ialah program susulan daripada kejayaan pelaksanaan Malaysia Street Arts Festival (MYSAF) yang telah diadakan di Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang pada 3 April 2014.

Karnival ini telah dijayakan dengan penyertaan seramai 186 orang peserta AZAM Bandar yang dilatih oleh tujuh (7) buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Ini merupakan salah satu usaha Kementerian mempromosikan produk peserta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (PLKK) dalam bidang makanan dan minuman, jahitan, spa dan perkhidmatan. Sepanjang tiga (3) hari karnival dilaksanakan, jumlah pendapatan terkumpul yang diperolehi oleh para peserta adalah sebanyak RM84,116.70.

Semasa majlis pelancaran, tujuh (7) orang peserta PLKK telah dianugerahkan sebagai Peserta Terbaik yang mana setiap peserta telah menerima sijil penghargaan, wang tunai sebanyak RM500.00 dan hamper. Tujuh (7) peserta terbaik tersebut adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6 Peserta Terbaik PLKK		
Bil	Nama Peserta	Bidang Perniagaan
1.	Puan Jamilah binti Ali	Bakeri
2.	Puan Nor Aziliani binti Arifin	Bakeri
3.	Puan Zakiah binti Bahari	Jahitan
4.	Encik Zuki bin Zakaria	Bakeri
5.	Puan Ezurawati binti Abd. Patah	Kios Burger
6.	Puan Ros Aida Manja binti Mat Zin	Jahitan
7.	Encik Muhammad Syafiqush Syamil bin Mohd Maznan	Makanan/minuman



Objektif utama pelaksanaan sesi town hall ini ialah:

- i. memberi pemahaman kepada anggota masyarakat mengenai visi serta dasar pelaksanaan program-program kesejahteraan bandar yang telah ditetapkan oleh KPKT;
- ii. menyediakan platform kepada anggota masyarakat untuk memberikan cadangan dan pandangan terhadap polisi dan kaedah pelaksanaan program-program kementerian;
- iii. membuka ruang kepada anggota masyarakat untuk melontarkan idea-idea baru untuk diketengahkan kepada KPKT; dan
- iv. menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pelaksanaan program-program kesejahteraan bandar yang dilaksanakan oleh KPKT.



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN
LOCAL AGENDA 21 2015
(LANCE 2015)**

Persidangan Kebangsaan Local Agenda 21 2015 atau Local Agenda 21 National Conference 2015 (LANCE 2015) telah diadakan pada 1 November 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor dengan tema "Komuniti Sejahtera Menyokong Ke arah Pembangunan Mampan".



Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT). Seramai 300 peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada dua (2) orang wakil Pegawai Local Agenda 21 di setiap PBT.

Program Local Agenda 21 (LA21) merupakan satu program untuk membentuk perkongsian antara PBT, masyarakat dan sektor swasta untuk merancang, mencapai kata sepakat dan bersama-sama bertindak terhadap isu-isu pembangunan mampan yang mempengaruhi kehidupan umum.

LANCE 2015 diadakan bagi membangunkan identiti LA21 di negara ini pada setiap tahun. Berikutan kumpulan sasar dan objektif yang sama, maka persetujuan telah dicapai

supaya persidangan pada tahun ini dianjurkan secara bersama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Objektif pelaksanaan LANCE 2015 ialah:

- i. memberi pemahaman kepada peserta mengenai konsep dan dasar pelaksanaan Program LA21 di malaysia;
- ii. memberi maklumat dan pengetahuan kepada peserta mengenai *best practices* terkini dalam pelaksanaan Program LA21 di malaysia;
- iii. menyediakan ruang perbincangan kepada peserta bagi mendapatkan input dan bertukar-tukar pandangan dalam melaksanakan Program LA21 ; dan
- iv. mewujudkan *social networking* antara peserta-peserta yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan iaitu PBT, sektor swasta, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam pelaksanaan Program LA21.

Semasa persidangan ini juga, empat (4) kertas kerja telah dibentangkan seperti dalam Jadual 7.



Jadual 7 Pembentangan Kertas Kerja semasa Persidangan Kebangsaan Local Agenda 21 2015

Bil	Tajuk Kertas Kerja	Penyampai
1.	Peranan JPP dalam Melestarikan Pembangunan Komuniti di Bandar bersama Local Agena 21	Encik Ismail bin Mokhtar, KPKT
2.	<i>Sharing of Case Studies of MENDO Members with Commendable Efforts with Local Authorities, Corporates and Communities</i>	Encik Awang Muzaidin, MENDO
3.	<i>Sungai Bunus (River of Life) – The Experience of a Volunteer, Community Member and NGO to Rehabilitate a 9KM River Using LA21 Approach by DBKL – A case Study and Reflection</i>	Puan Yasmin Rasyid, Ecoknights
4.	Pelaksanaan Program Local Agenda 21 di Majlis Perbandaran Kulim	Majlis Perbandaran Kulim

Para peserta persidangan juga telah diberikan peluang untuk mengutarakan cadangan-cadangan Program LA21 untuk dilaksanakan pada tahun 2016. Perkongsian ilmu semasa persidangan ini berlangsung telah memberikan suntikan baharu terhadap pelaksanaan Program LA21 demi pembangunan komuniti masing-masing.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Perkhidmatan Perbandaran telah ditubuhkan pada November 2013 melalui penstrukturan semula KPKT dan diletakkan di bawah Sektor Kesejahteraan Bandar KPKT. Sebelum ini, Bahagian ini ditubuhkan di bawah Jabatan Perumahan Negara dan dikenali sebagai Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan.

OBJEKTIF

- i. Memantau kualiti pengurusan bangunan berstrata
- ii. Meningkatkan kualiti Perumahan kos rendah awam dan swasta
- iii. Meningkatkan kualiti kehidupan penduduk berstrata

FUNGSI UTAMA

- i. Merangka, menyediakan dan menyelaras dasar, perundangan dan peraturan berkaitan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
- ii. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) dan Projek Penyelenggaraan Perumahan (PPP)

VISI

Mewujudkan komuniti strata dan persekitaran strata yang sejahtera, berkualiti dan mampan

MISI

Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras program-program komuniti dan bangunan strata yang strategik dan inklusif



PENCAPAIAN

PENGUATKUASAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) adalah undang-undang yang diperuntukkan untuk mengawal selia penyenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata. Akta ini telah diluluskan di Parlimen pada 19 Disember 2012 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 di negeri-negeri yang terlibat dan Wilayah Persekutuan, manakala di Pulau Pinang, akta ini mula dikuatkuasakan pada 12 Jun 2015. Akta ini digubal bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663].

Antara elemen penambahbaikan utama yang dibuat melalui akta ini ialah:

- i. Rujukan berkenaan pengurusan dan penyenggaraan di bawah satu akta sahaja;
- ii. Perundangan yang lebih komprehensif;
- iii. Keperluan pemfailan jadual petak bagi melindungi hak pembeli;
- iv. Pewujudan jawatan Timbalan Pesuruhjaya Bangunan;

- v. Peruntukan berkenaan kadar penalti dinaikkan sesuai dengan kesalahan;
- vi. Penyeragaman kaedah pelaksanaan mesyuarat, pemilihan, pelantikan dan pemegangan jawatan, pengundian dan resolusi;
- vii. Peruntukan berkenaan penyerahan pengurusan daripada pemaju kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC);
- viii. Formula unit syer diperkenalkan sebagai panduan dalam mengira unit syer untuk pemaian yang belum ditetapkan unit syer;
- ix. Peruntukan berkenaan kutipan caj penyenggaraan daripada penyewa;
- x. Peruntukan penguatkuasaan komprehensif;
- xi. Peruntukan berkenaan kuasa Menteri untuk pengecualian;
- xii. Peruntukan berkenaan insuran bangunan;
- xiii. Peruntukan berkaitan pembangunan bercampur (*mix development*); dan
- xiv. Mekanisma rayuan yang seragam.

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2015

Peraturan-peraturan Pengurusan

Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dibuat bagi memenuhi keperluan untuk mewujudkan satu standard pengurusan dan penyenggaraan yang seragam sebagai rujukan kepada pembeli, pemilik, pemaian, JMB, MC, ejen dan pihak berkepentingan lain.

Antara peruntukan yang terkandung dalam peraturan ini ialah:

- i. Pemfailan jadual petak;
- ii. Pengurusan pemaian, JMB dan MC;
- iii. Kebocoran antara tingkat dan dinding dua pihak;
- iv. Pengenaan bon ke atas pihak ketiga;
- v. Penahanan harta alih; dan
- vi. Undang-undang Kecil.

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA) 2015

Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dibuat bagi menjelaskan kewajipan dan kuasa Tribunal Pengurusan Strata serta tatacara tuntutan, pendengaran dan keputusan Tribunal Pengurusan Strata (TPS). Selain itu, peraturan ini juga memperuntukkan had tuntutan, borang-borang serta pengenaan fi dan cara pemungutan dan bayaran fi tersebut.

PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (PPP)

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) sejumlah 245 projek telah dilaksanakan di bawah PPP dengan anggaran kos berjumlah RM196.4 juta dan telah memberi manfaat kepada 335,110 orang penghuni. Ringkasan bilangan projek PPP yang dilaksanakan sepanjang tempoh RMK-10 adalah seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8 Ringkasan Bilangan Projek di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) yang Dilaksanakan Sepanjang Tempoh RMK-10

Tahun	BiL Projek	BiL Unit	BiL Penghuni	Kos (RM)
2011	37	10,980	54,900	40 juta
2012	69	12,553	62,765	40 juta
2013	56	20,600	103,000	40 juta
2014	35	12,804	64,020	36.4 juta
2015	48	10,085	50,425	40 juta
Jumlah	245	67,022.00	335,110	196.4 juta

TABUNG PENYELENGGARAAN 1MALAYSIA (TP1M)

Sejumlah 306 projek telah diluluskan di bawah TP1M sepanjang tempoh RMK-10 dengan anggaran kos berjumlah RM100.1 juta dan telah memberi manfaat kepada 379,181 orang penghuni. Ringkasan bilangan projek TP1M yang dilaksanakan sepanjang tempoh RMK-10 adalah seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9 Ringkasan Bilangan Projek di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang Dilaksanakan Sepanjang Tempoh RMK-10

Tahun	BiL Projek	BiL Unit	BiL Penghuni	Kos (RM)
2013	97	23,030	120,115	32.8 juta
2014	96	32,981	148,321	33.9 juta
2015	113	22,149	110,745	33.4 juta
Jumlah	306	78,160	375,181	100.1 juta

PROGRAM PENYENGGARAAN KUARTERS KERAJAAN

Bahagian ini telah menyelaras Program Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan yang dilaksanakan di bawah inisiatif NBOS Malaysiaku Indah (MyBM). Pada tahun 2015, sebanyak 126 projek telah diselaraskan dengan peruntukan berjumlah RM104.6 juta.

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

MEDIA LUNCHEON
PELAKSANAAN
PENGUATKUASAAN AKTA
PENGURUSAN STRATA 2013

Pada 8 Jun 2015, Kementerian ini telah mengadakan Media Luncheon bersama YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) bersempena dengan Pelaksanaan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Tujuan kementerian mengadakan Media Luncheon ini adalah untuk memaklumkan penetapan permulaan tarikh kuat kuasa Akta 757 kepada pihak media. Majlis ini juga dianggap sebagai salah satu pendekatan untuk warga media melaporkan berkenaan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 757 kepada masyarakat. Majlis ini juga menjadi medium menjalinkan hubungan baik antara pihak media dengan Kementerian.



SEMINAR PENGURUSAN STRATA

KPKT dengan kerjasama Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT seluruh negara telah menganjurkan 33 siri seminar pengurusan strata di seluruh negara sepanjang tahun 2015 dengan dihadiri lebih daripada 6485 orang peserta.

Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pengenalan kepada komuniti strata termasuklah penduduk, pemaaju dan ahli jawatankuasa badan pengurusan bersama (JMB) dan perbadanan pengurusan (MC) berkenaan tanggungjawab dan kepentingan pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta bersama yang berkualiti.

Antara topik yang disampaikan adalah berkenaan Akta 757, pengurusan kewangan dan auditan, integriti dalam pengurusan dan penyenggaraan, penyenggaraan teknikal serta peranan Tribunal Pengurusan Strata.



PROGRAM PEMBANGUNAN

Bahagian ini telah menyelaras sebanyak tiga (3) program utama di bawah program pembangunan iaitu:

- i. Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M);
- ii. Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP); dan
- iii. Program NBOS My Beautiful Malaysia Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan.

Ketiga-tiga program ini dilaksanakan untuk menyenggara kuarters kerajaan dan perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah.

Pada tahun 2015, Bahagian ini telah menyelaras 288 projek dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM184.6 juta. Pecahan projek dan peruntukan mengikut program adalah seperti dalam Jadual 10.

ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

ISU: KEUPAYAAN PENYEDIAAN SUMBANGAN GERAN SEPADAN OLEH BADAN PENGURUSAN PENDUDUK

Sebahagian JMB/MC menghadapi kesukaran untuk menyediakan jumlah sumbangan geran sepadan yang diperlukan menyebabkan projek penyelenggaraan di bawah TP1M tidak dapat dilaksanakan. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila sesuatu kerosakan itu mengundang risiko kepada nyawa penghuni.

PENYELESAIAN

KPKT sedang dalam usaha untuk mendapatkan kelulusan daripada Jemaah Menteri berhubung pembiayaan penuh bagi kerja-kerja penyelenggaraan lif, tangga, cerun dan pendawaian semula.

Jadual 10 Pecahan Projek dan Peruntukan Mengikut Program Pembangunan BPP Tahun 2015

Bil	Program	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	TP1M	114 projek	40 juta
2.	PPP	48 projek	40 juta
3.	Kuarters	126 projek	104.6 juta



Kuartes (sebelum)



Kuartes (selepas)



PPP (sebelum)



PPP (selepas)



TP1M (sebelum)



TP1M (selepas)

BAHAGIAN PEMBERI PINJAM WANG DAN PEMEGANG PAJAK GADAI

LATAR BELAKANG

Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) telah diberi mandat untuk mentadbir aktiviti-aktiviti pengawalseliaan Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) berpandukan peruntukan-peruntukan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] serta peraturan-peraturan berkaitan.

Akta 400 dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, pentadbiran PPW di Labuan terletak di bawah Perbadanan Labuan manakala pentadbiran PPW di Negeri Sabah terletak di bawah Kementerian Kewangan Sabah dan pentadbiran PPW di Sarawak terletak di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Bagi Akta 81 pula, akta ini telah dikuatkuasakan di seluruh negara, termasuk di Labuan, Sabah dan Sarawak sejak 1 Januari 2004.



OBJEKTIF

Memastikan hanya PPW dan PPG yang berkelayakan, berkemampuan dan beretika sahaja dilesenkan, meningkatkan kualiti, produktiviti dan keberkesanan penguatkuasaan, melindungi pelanggan PPW dan PPG serta meningkatkan kesedaran awam berkaitan perundangan dan aktiviti PPW dan PPG.

FUNGSI

- i. Menerima dan memproses permohonan berkaitan pelesenan dan pengiklanan PPW dan PPG
- ii. Memungut hasil bayaran lesen, permit iklan, fi-fi berkaitan dan kompaun daripada PPW dan PPG
- iii. Memproses permohonan pengecualian dan rayuan di bawah Akta 400 dan Akta 81 untuk pertimbangan YB Menteri KPKT
- iv. Menyelenggara rekod-rekod dan perangkaan mengenai PPW dan PPG
- v. Memantau operasi premis perniagaan PPW dan PPG di seluruh negara
- vi. Menerima dan menyiasat aduan atau maklumat daripada orang awam mengenai kesalahan yang dilakukan oleh PPW dan PPG

PENCAPAIAN DAN PROGRAM/ AKTIVITI UTAMA

PELESENAN

Taburan PPW dan PPG Berlesen Mengikut Negeri

Sehingga Disember 2015, terdapat sebanyak 3,472 PPW dan 437 PPG yang dilesenkan di seluruh Malaysia dan pecahan mengikut negeri adalah seperti dalam Jadual 11.



Jadual 11 Bilangan PPW dan PPG Berlesen di Seluruh Malaysia Sehingga Disember 2015

Bil	Negeri	Bilangan	
		PPW	PPG
1.	Johor	294	53
2.	Kedah	138	42
3.	Kelantan	12	12
4.	Melaka	106	12
5.	Negeri Sembilan	118	24
6.	Pahang	102	16
7.	Perak	258	46
8.	Perlis	10	4
9.	Pulau Pinang	312	36
10.	Sabah*	515	26
11.	Sarawak*	490	22
12.	Selangor	647	95
13.	Terengganu	26	11
14.	WP Kuala Lumpur	437	34
15.	WP Labuan*	5	4
16.	WP Putrajaya	2	-
Jumlah		3,472	437

*Nota: *Pengeluaran lesen PPW di Labuan, Sabah dan Sarawak adalah ditadbirkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/Wilayah masing-masing.*

Pengeluaran Lesen dan Permit PPW

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 60 lesen bersyarat dikeluarkan manakala hanya 38 bilangan pemohon berjaya menyiapkan proses pemodenan premis operasi dan layak diberi lesen baharu PPW sepenuhnya dan 1602 pemegang lesen telah memperbaharui lesen mereka.

Dalam tahun yang sama, sebanyak 132 permit iklan baharu PPW telah dikeluarkan dan 652 pemegang permit iklan telah memperbaharui permit mereka. Perangkaan pengeluaran lesen dan permit PPW pada tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 12.





Pengeluaran Lesen dan Permit PPG

Bagi PPG, sebanyak 20 lesen baharu PPG dikeluarkan sepanjang tahun 2015. Sebanyak 366 pemegang lesen telah memperbaharui lesen mereka, 54 permit iklan baharu PPG telah dikeluarkan dan sembilan (9) pemegang permit iklan telah memperbaharui permit mereka. Perangkaan pengeluaran lesen dan permit PPG pada tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 13.

Jadual 12 Pengeluaran Lesen dan Permit PPW bagi Tahun 2015

Bulan	Lesen		Permit	
	Baharu	Pembaharuan	Baharu	Pembaharuan
Jan	2	295	12	132
Feb	-	191	21	51
Mac	2	157	14	68
Apr	-	91	11	37
Mei	-	133	8	53
Jun	11	78	6	48
Jul	6	133	12	53
Ogos	4	110	6	38
Sep	1	93	7	53
Okt	-	85	11	28
Nov	11	92	16	27
Dis	1	144	8	64
Jumlah	38	1602	132	652

Jadual 13 Pengeluaran Lesen dan Permit PPG Tahun 2015

Bulan	Lesen		Permit	
	Baharu	Pembaharuan	Baharu	Pembaharuan
Jan	-	16	1	-
Feb	-	11	6	1
Mac	2	9	5	-
Apr	2	11	12	2
Mei	-	23	-	-
Jun	7	14	-	-
Jul	3	38	2	2
Ogo	-	34	7	3
Sep	1	41	2	-
Okt	-	107	4	-
Nov	3	35	1	-
Dis	2	27	14	1
Jumlah	20	366	54	9

PENGUATKUASAAN

Pemantauan/ Pemeriksaan Premis PPW dan PPG

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 1455 premis PPW dan 246 premis PPG telah diperiksa dan dipantau. Pemantauan dan pemeriksaan premis yang dilaksanakan secara berterusan adalah bertujuan untuk memastikan kesemua premis PPW dan PPG mematuhi segala peraturan dan tatacara sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta 400 dan Akta 81.



Tindakan proaktif ini diambil bagi memastikan keselamatan premis dan barang cagaran selain mengelakkan kesalahan-kesalahan seperti mengenakan faedah yang tinggi, gagal menggunakan perjanjian standard, tiada resit bayaran dan kesalahan-kesalahan lain yang dilakukan oleh pemegang lesen PPW dan PPG. Bilangan aktiviti pemantauan/ pemeriksaan premis PPW dan PPG bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 14 dan Jadual 15.

Jadual 14 Bilangan Aktiviti Pemantauan/ Pemeriksaan Premis PPW bagi Tahun 2015

Bulan	Bilangan Premis Dipantau												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis	
Johor	5	189	31	-	-	-	-	-	-	-	-	-	225
Kedah	-	-	-	-	-	63	-	-	-	-	-	-	63
Kelantan	12	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	12
Melaka	-	-	-	81	-	-	-	-	-	-	-	-	81
Negeri Sembilan	-	-	-	94	-	-	-	-	-	-	-	-	94
Pahang	2	7	60	-	-	-	-	-	-	-	4	-	73
Pulau Pinang	4	-	-	-	135	-	-	-	-	-	-	-	139
Perak	4	8	13	-	-	33	-	-	-	-	117	-	175
Perlis	6	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8
Selangor	-	5	-	-	89	20	5	9	64	-	-	15	207
Terengganu	25	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	25
WP Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	44	53	36	-	-	-	-	133
WP Putrajaya	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
Sabah	15	13	15	6	25	23	14	15	8	-	-	-	134
Sarawak	14	13	-	12	10	12	11	10	-	-	-	-	82
WP Labuan	-	-	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
Jumlah	87	237	123	193	259	195	83	70	72	-	121	15	1455

Jadual 15 Bilangan Aktiviti Pemantauan/ Pemeriksaan Premis PPG bagi Tahun 2015

Bulan	Bilangan Premis Dipantau												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	
Johor	1	33	8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	42
Kedah	-	-	-	-	-	10	-	-	-	-	-	-	10
Kelantan	10	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	10
Melaka	-	-	-	11	-	-	-	-	-	-	-	-	11
Negeri Sembilan	-	-	10	18	-	-	-	-	-	-	-	-	28
Pahang	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Pulau Pinang	-	5	-	-	26	-	-	-	-	-	-	-	31
Perak	1	3	9	-	-	6	-	-	-	-	7	-	26
Perlis	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
Selangor	-	1	-	-	19	11	-	-	1	-	-	-	32
Terengganu	11	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	11
WP Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	4	8	2	-	-	-	-	14
Sabah	8	1	2	1	3	2	-	-	-	-	-	-	17
Sarawak	1	3	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	5
WP Labuan	-	-	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
Jumlah	37	47	32	30	49	33	8	2	1	0	7	0	246



Pemantauan Lelongan Awam Pajak Gadai

Lelongan awam pajak gadai merupakan lelongan barangan pajakan bagi jumlah pinjaman melebihi RM200.00 yang gagal ditebus oleh pemajak dalam tempoh pajakannya. Setiap lelongan awam pajak gadai yang diadakan perlu dipantau dan disahkan oleh pegawai dari BPWG yang dilantik sebagai Inspektor Pemegang Pajak Gadai. Pada tahun 2015, sebanyak 308 lelongan awam PPG telah diadakan. Jadual 16 menunjukkan statistik pemantauan dan pengesahan lelong PPG 2015.



Jadual 16 Bilangan Aktiviti Pemantauan/ Pemeriksaan Premis PPG bagi Tahun 2015

Bulan	Bilangan Premis Dipantau												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	
Johor	3	4	3	4	3	4	3	4	4	5	4	5	46
Kedah	-	4	5	4	5	4	4	5	4	5	5	4	49
Kelantan	-	-	-	2	1	-	-	1	-	3	1	2	10
Melaka	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12
Negeri Sembilan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12
Pahang	-	1	2	-	-	2	1	1	3	1	1	3	15
Perak	4	3	4	3	4	3	3	3	4	3	4	3	41
Perlis	-	-	-	1	-	1	-	1	-	1	-	1	5
Pulau Pinang	-	5	4	5	4	5	5	5	5	5	4	5	52
Selangor	3	2	2	1	2	2	3	2	3	3	3	2	28
Terengganu	-	-	-	-	2	1	-	-	-	1	1	2	7
WP Kuala Lumpur	-	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	10
Sabah	-	-	1	-	-	1	-	-	1	-	-	3	6
Sarawak	1	1	1	2	1	-	2	1	2	2	-	1	14
Jumlah	13	23	25	25	25	26	24	26	29	32	26	34	308

a. Pengurusan Aduan

- Sepanjang tahun 2015, sebanyak 125 aduan telah diterima yang terdiri daripada:
- i. 105 aduan berkaitan PPW; dan
 - ii. 20 aduan berkaitan PPG.


Tindakan membuka kes siasatan dan menghadapkan mereka yang terlibat ke mahkamah telah dilakukan bagi kes-kes yang didapati berasas setelah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang, KPKT.

KUTIPAN HASIL

Sepanjang tahun 2015, hasil sebanyak RM16,730,650.00 telah berjaya dikutip oleh BPWG dan pecahan kutipan hasil adalah seperti di Carta 2.

Aktiviti pembaharuan, pengeluaran lesen baru dan permit iklan PPG menyumbang hasil tertinggi sebanyak RM13,712,150.00 (81.96 peratus) daripada hasil keseluruhan, diikuti daripada aktiviti pengeluaran lesen dan permit iklan PPW iaitu sebanyak RM29,266,00.00. Hasil yang lain seperti fi carian, denda/penalti dan bayaran lain menyumbang secara keseluruhannya sebanyak RM91,900.00.

Carta 2 Kutipan Hasil BPWG bagi Tahun 2015



PENGANJURAN SEMINAR DAN BENGKEL



Pada tahun 2015, BPWG telah menganjurkan tujuh (7) bengkel dan seminar untuk warga BPWG seperti dalam Jadual 17.

Jadual 17 Pengeluaran Lesen dan Permit PPG Tahun 2015		
BiL	Nama Bengkel/Seminar	Tarikh
1.	Continuing Professional Development (CPD) Akta 400 & Akta 81	11-12 Mac 2015
2.	Kursus Lanjutan Penyediaan Kertas Siasatan dan Pendakwaan PPW, PPG dan Pemegang Pajak Gadai Islam (PPGI)	24-26 Mac 2015
3.	Perbincangan Meja Bulat Bersama <i>Industry Players</i> bagi Penyediaan Draf Akta Ar-Rahnu	23 Mac 2015
4.	Bengkel Penggubalan Akta Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)	13-16 Jun 2015
5.	Sesi Taklimat berkenaan Akta Syarikat 1965 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	6 Julai 2015
6.	Bengkel Penyediaan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pengkompaunan Kesalahan)	24 Ogos 2015
7.	Bengkel Penyediaan SOP Penguatkuasaan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pengkompaunan Kesalahan)	25 Ogos 2015





JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah ditubuhkan pada tahun 1921. Sehingga kini, Jabatan telah mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam memacu pembangunan fizikal negara dan memainkan peranan penting sebagai penasihat utama kepada Menteri dalam bidang perancangan bandar dan desa dan seterusnya meningkatkan momentum pembangunan Negara dan Negeri.



VISI

Menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan menjelang 2020

MISI

Memacu perancangan fizikal negara melalui pelaksanaan dan pemantauan perancangan pembangunan yang komprehensif, sistematik dan inovatif ke arah kesejahteraan masyarakat

OBJEKTIF

- i. Mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara
- ii. Mengatur, mengawal dan menyelaraskan kemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan akta-akta berkaitan
- iii. Menggubal dan melaksanakan kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi pada peringkat perancangan negara
- iv. Memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang



FUNGSI

Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, JPBD memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga (3) peringkat kerajaan iaitu persekutuan, negeri dan tempatan seperti yang berikut:

Peringkat Persekutuan

- i. Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal perancangan bandar dan desa
- ii. Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
- iii. Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui

undang-undang, prosedur perancangan serta kajian penyelidikan dan pembangunan

- iv. Menterjemahkan dasar-dasar sosial, ekonomi dan alam sekitar negara ke dalam dimensi spatial
- v. Memudah cara dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan pada semua peringkat pelaksanaan
- vi. Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya
- vii. Menyelia dan menyelaraskan pangkalan data guna tanah negara

Peringkat Negeri

- i. Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal ehwal perancangan bandar dan desa dalam menyelaraskan pelaksanaan Akta 172 pada peringkat Negeri
- ii. Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta 172
- iii. Memudah cara dan memantau pembangunan dalam negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan
- iv. Membantu dalam perancangan projek-projek khas yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri
- v. Menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan mengenai perancangan bandar dan desa
- vi. Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian

dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya

vii. Menyedia dan menyelaraskan pangkalan data guna tanah Negeri

Peringkat Tempatan

- Merancang, menyelaraskan dan mengawal penggunaan dan pemajuan tanah dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT)
- Memudah cara dan memantau pembangunan dalam kawasan PBPT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari semasa ke semasa

PENCAPAIAN

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merumuskan dasar-dasar strategik perancangan spatial dan tindakan pelaksanaan bagi menyediakan hala tuju, arah aliran dan pemajuan pembangunan, kegunaan dan pemuliharaan tanah di Semenanjung Malaysia.

Pencapaian Pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara ke-2

Setelah RFN ke-2 diluluskan pada tahun 2010, Jabatan perlu memberikan laporan kepada MPFN secara berkala mengenai pelaksanaannya. Sehingga kini, tiga (3) Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-2 telah dibentangkan dalam MPFN.

Dua (2) daripada laporan tersebut iaitu Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN ke-2 bagi tahun 2010 hingga 2011 dan Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN ke-2 bagi tahun 2012 telah dibentangkan dan pada tahun 2013.

Penyediaan Rancangan Fizikal Negara ke-3

Penyediaan RFN diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Subseksyen 6B(1) Akta 172 menetapkan supaya Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa menyediakan dan mengemukakan suatu draf RFN bagi kelulusan MPFN.

RFN yang pertama telah diluluskan oleh MPFN pada 26 April 2005, manakala RFN Ke-2 telah diluluskan oleh MPFN pada 13 Ogos



2010. Bagi memastikan RFN terus relevan dalam keadaan pembangunan Negara yang sentiasa berubah, Subseksyen 6B(4) Akta 172 memperuntukkan supaya RFN dikaji semula selaras dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Sehubungan dengan itu, kajian semula ke atas RFN telah dijalankan dan RFN ke-3 disediakan dengan mengambil kira tahap pencapaian RFN serta isu dan cabaran baru. Proses penyediaan RFN ke-3 ini telah melibatkan dan mendapat maklum balas semua pihak berkaitan termasuk kementerian, agensi pada peringkat pusat dan negeri, badan berkanun dan syarikat swasta, institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan melalui siri-siri perbincangan teknikal yang diadakan pada setiap peringkat penyediaan.

PENCAPAIAN PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS DAN PEWARTAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS / PELAN TINDAKAN KHAS 2015

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 38 Rancangan Kawasan Khas (RKK) telah disediakan meliputi seluruh Semenanjung Malaysia. 16 RKK telah diwartakan, 21 RKK masih pada peringkat penyediaan

dan 1 RKK digugurkan. Manakala penyediaan Pelan Tindakan Khas (PTK) melibatkan empat (4) PTK masih pada peringkat penyediaan.

PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Garis panduan perancangan (GPP) disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pihak iaitu PBN, PBT, jabatan-jabatan teknikal, agensi-agensi kerajaan serta swasta yang terlibat secara terus dalam perancangan pembangunan sesuatu kawasan.

Penyediaan GPP ini dapat memandu arah dalam penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang mencukupi, mampan dan sejahtera serta dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang sihat dengan persekitaran tempat tinggal yang berkualiti. Pada tahun 2015, JPBD telah menyediakan tiga (3) GPP, seperti yang berikut :

- Garis Panduan dan Prosedur Pembangunan Kawasan Berisiko Gempa Bumi dan Tsunami 2015;
- Garis Panduan Pembangunan Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
- Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit, Tanah Tinggi dan Gempa Bumi.

Pada tahun 2015 juga, JPBD telah melaksanakan semakan semula ke atas sembilan (9) GPP seperti dalam Jadual 18.



Jadual 18 Garis Panduan Perancangan (GPP) yang Disemak Semula pada Tahun 2015

BiL	Tajuk GPP	Catatan
1.	GPP Pembangunan Fizikal Pulau dan Taman Laut	GPP ini telah diluluskan oleh MNKT pada 26 Januari 2015. Pekeliling Ketua Setiausaha dan GPP ini telah diedarkan kepada semua Setiausaha Kerajaan Negeri pada 8 Mei 2015.
2.	GPP Perdagangan	Telah dibentang di MPFN pada 20 Ogos 2015 dan akan dibentang di MNKT pada 2016.
3.	GPP Tempat Letak Kereta	Memorandum Jemaah Menteri telah disediakan dan menunggu tarikh Mesyuarat Jemaah Menteri. GPP ini akan dibawa ke MNKT setelah selesai pada peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri
4.	GPP Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi	
5.	GPP Kawasan Perindustrian	
6.	GPP Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam sekitar	Memorandum Jemaah Menteri telah disediakan dan menunggu tarikh Mesyuarat Jemaah Menteri
7.	GPP Tapak Infrastruktur dan Utiliti	Bedasarkan maklum balas daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), GPP ini dicadang untuk dimansuhkan memandangkan agensi pembekal utiliti telah mempunyai garis panduan masing-masing.
8.	GPP Tanah Perkuburan dan Krematorium	Ditangguh atas keputusan YB Menteri
9.	GPP Masjid dan Surau	

JPBD juga menyediakan enam (6) GPP yang baharu pada tahun 2015, iaitu:

- i. GPP Chalet Atas Air;
- ii. GPP Papan Tanda Premis Perniagaan;
- iii. GPP dan Pembangunan Padat Berteraskan TOD;
- iv. GPP Service Apartment;
- v. GPP Rumah Pekerja Industri; dan
- vi. GPP Kajian Aplikasi *Ubiquitous City* dalam Perancangan Bandar di Malaysia.

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

PROGRAM SEBARAN DASAR AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TAHUN 2015

Program sebaran ini diadakan bagi memberi pemahaman, pengetahuan serta meningkatkan tahap kompetensi Pegawai Perancang Bandar dan Desa di pihak berkuasa tempatan (PBT), JPBD Negeri, Bahagian

Rancangan Pembangunan dan bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JPBD. Antara program yang telah dijalankan ialah:

- i. Program Sebaran Dasar dan Maklumat Perundangan di bawah Akta 172 kolaborasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak dengan Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, JPBD dan Pejabat Projek Zon Tengah pada 17 Mac 2015;

- ii. Seminar Perundangan Perancangan Bandar dan Desa Kerjasama antara JPBD dengan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) pada 21 April 2015;
- iii. Program Sebaran kepada Pegawai Perancang Bandar yang Bertugas di Unit Pusat Setempat (OSC) PBT Semenanjung Malaysia Siri 1/2015 pada 27 hingga 29 April 2015;
- iv. Mesyuarat Stakeholder Pindaan dan Semakan Terhadap Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Kaedah-kaedah Perancangan pada 30 April 2015;
- v. Seminar Pelaksanaan Penguatkuasaan Kesalahan Perancangan di bawah Akta 172 Siri Lanjutan dengan kerjasama Persatuan Penolong Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PPPM) pada 18 Mei 2015; dan
- vi. Program Sebaran Dasar dan Maklumat Perundangan di bawah Akta 172 kolaborasi antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dengan Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, JPBD pada 2 Jun 2015.

MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA

Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) merupakan majlis tertinggi yang bertanggungjawab ke atas perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. MPFN merupakan platform bagi membuat penyelarasan semua dasar dan aktiviti berkaitan perancangan bandar dan desa agar penggunaan sumber dan pembangunan yang lebih seimbang dan mampan pada peringkat negeri dan negara. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia).

Intipati utama Mesyuarat MPFN ini adalah untuk membentangkan kertas kerja yang telah disenaraikan bagi mendapat persetujuan Ahli Mesyuarat MPFN. Pada tahun 2015, Mesyuarat MPFN telah diadakan sebanyak dua (2) kali dan butiran mesyuarat adalah seperti dalam Jadual 19.



Jadual 19 Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) bagi Tahun 2015

Butiran Mesyuarat	Agenda dan Keputusan Mesyuarat
Mesyuarat MPFN ke-22 (Bil. 1/2015) Tarikh: 28 Mei 2015	Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan dan MPFN telah memutuskan sebanyak dua (2) kertas kerja mendapat persetujuan, satu (1) kertas tidak mendapat persetujuan, satu (1) kertas kerja diambil perhatian dan penambahbaikan serta satu (1) kertas kerja diambil maklum.
Mesyuarat MPFN ke-23 (Bil.2/2015) Tarikh: 20 Ogos 2015	Satu (1) kertas mendapatkan nasihat iaitu berkaitan Cadangan Pembangunan Pelan Susun Atur Sungai Pendas di atas Lot PTD 75802, Mukim Pulau dan Lot PTD 2398, Mukim Tanjung Kupang, Seluas 436.68 Hektar (1,0799.06), Daerah Johor Bahru, Johor untuk Tetuan Sunway Iskandar Development Sdn. Bhd., Nasihat di bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] Dua (2) kertas persetujuan iaitu berkaitan Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas dan Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan. Dua (2) kertas makluman (untuk pembentangan) iaitu berkaitan Pembinaan Lebuhraya dalam Bandar di Kawasan Lembah Klang dan Pelaporan Status Kawasan Lapang Awam di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan sehingga bulan Disember 2014. Satu (1) kertas kerja telah ditarik balik iaitu kertas kerja Pembinaan Lebuhraya dalam Bandar di Kawasan Lembah Klang dan perlu dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN).

SAMBUTAN THE UNITED NATIONS INTERNATIONAL DAY OF HAPPINESS 2015

JPBD telah mengambil inisiatif dalam mempromosi dan menyebarkan aktiviti-aktiviti dan program kesejahteraan bandar dengan menganjurkan Sambutan International Day of

Happiness yang diraikan pada 20 Mac setiap tahun di seluruh dunia. Sambutan pada tahun ini telah diadakan di Ibu Pejabat JPBD dan di hadapan Kompleks Sogo, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Program ini diadakan bertujuan untuk membantu meningkatkan

kesejahteraan komuniti dan persekitaran bandar yang mampan dan berdaya huni.

Program pada tahun ini mendapat kerjasama daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pihak media.



6TH HIGH LEVEL SEMINAR ON ENVIRONMENTALLY SUSTAINABLE CITIES

The 6th High Level Seminar (HLS) on Environmentally Sustainable Cities (ESC) telah diadakan dengan jayanya pada 9 hingga 10 Februari 2015 di Hotel Thistle, Johor Bahru, Johor. Seminar ini telah dianjurkan secara bersama oleh Kerajaan Malaysia, Jepun, Cambodia dan ASEAN Secretariat dan dirasmikan oleh YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan Mr. Soichiro Seki (Vice-Minister for Global Environmental Affairs, Ministry of the Environment, Japan).

KPKT melalui JPBD telah dipilih sebagai "focal point" mewakili negara pada peringkat ASEAN bagi program ESC. Penganjuran seminar ini adalah seiring dengan



aspirasi ASEAN Community 2015 melalui perkongsian pengalaman inisiatif-inisiatif pembangunan mampan pada peringkat tempatan dan perbincangan hala tuju pembangunan ESC di negara-negara ASEAN pada masa hadapan.

Sebanyak 40 kertas kerja telah dibentangkan oleh pakar-pakar dari negara ASEAN seperti Cambodia, Singapura, Vietnam dan Malaysia. Seramai 210 peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan persekutuan dan tempatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi antarabangsa dari negara-negara ASEAN serta wakil-wakil dari Negera China, Jepun dan Korea.

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2015

Bertemakan Bandar Berdaya Tahan (*Making Cities Resilient*) yang didefinisikan sebagai kemampuan bandar dalam mengadaptasi serta menghadapi kesan senario transformasi dan perubahan serta kebolehan untuk segera pulih semula daripada sebarang kemungkinan bencana dan krisis, Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2015 telah dirasmikan

oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 3 November 2015 di Hotel JW Marriott, Kuala Lumpur.

Sambutan HPBS ini adalah acara tahunan JPBD yang telah disambut semenjak tahun 1949 bagi menghargai peranan perancangan bandar. Namun, sambutan HPBS tahun ini adalah unik kerana KPKT melalui JPBD telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Perancang Bandar ASEAN pada 4 November 2015 bersempena dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN.

Pelancaran Sistem i-Plan
YB Menteri turut melancarkan Sistem Perancangan Maklumat Guna Tanah Bersepadu (i-Plan) semasa Majlis Sambutan HPBS 2015. i-Plan ialah sistem yang menyimpan, mengurus, mengemas kini, menganalisis dan membekalkan maklumat dan data guna tanah Semenanjung Malaysia secara dalam talian. Sistem ini juga mewujudkan pangkalan data bersepadu yang teratur, *seamless* dan sentiasa dikemas kini untuk memudahkan perkongsian maklumat antara agensi melalui capaian secara dalam talian.

Objektif utama pembangunan i-Plan adalah untuk memudah cara pengurusan maklumat guna tanah perancangan, mengintegrasikan teknologi yang melibatkan maklumat geospasial dan bukan spatial, mengelakkan pertindihan penyediaan maklumat dan mewujudkan pangkalan data bersepadu dan terkini. I-Plan adalah satu inisiatif pembangunan sistem yang komprehensif melibatkan kolaborasi secara menegak antara JPBD, JPBD Negeri dan PBT. Sistem ini juga melibatkan perkongsian dan kolaborasi secara mendatar antara agensi pada setiap peringkat.

Sebanyak 11 JPBD Negeri terlibat dalam mengumpulkan maklumat guna tanah dari semua PBT yang berada di bawah tanggungjawabnya. Manakala, sejumlah 98 PBT akan berperanan sebagai pembekal data yang bertanggungjawab untuk membekalkan maklumat guna tanah yang dikemas kini ke JPBD Negeri masing-masing.



Seminar Antarabangsa bersempena dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015

JPBD dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia (Malaysian Institute of Planners) telah menganjurkan seminar antarabangsa dengan tema "Making Cities Resilient" sebagai salah satu program pengisian bersempena dengan Sambutan HPBS 2015.



Seminar ini melibatkan penyertaan daripada kerajaan tempatan, penggubal dasar, pemimpin masyarakat, profesional dan orang awam yang berperanan dalam aspek perancangan bandar dan alam bina ke arah mewujudkan persekitaran bandar yang berdaya tahan. Seminar ini juga merupakan platform perkongsian pengetahuan dengan pakar-pakar dari dalam dan luar negara

serta wakil dari komuniti awam untuk berkongsi pengalaman dan maklumat ke arah mengarusperdanakan agenda bandar berdaya tahan di Malaysia.

Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan dan dibincangkan seperti dalam Jadual 20.

Jadual 20 Kertas Kerja yang Dibentangkan dan Dibincangkan semasa Seminar Antarabangsa bersempena dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015		
BiL	Kertas Kerja	Pembentang
1.	Initiatives and Policy Direction in Making Cities Resilient	YBhg. Datin Paduka Dr. Dahlia binti Rosly Ketua Pengarah, JPBD
2.	Building Urban Climate Change Resilience - A Toolkit for Local Governments, Initiatives in Southeast Asia	Cik Catherine Diomampo Pegawai Projek ICLEI Local Governments for Sustainability - Southeast Asia Secretariat (ICLEI SEAS)
3.	Knitting Social and Physical Capital and The Needs for Reflective and Responsive Planners	Encik Bakti Setiawan Profesor, Jabatan Seni Bina dan Perancangan, Universitas Gadjah Mada

BiL	Kertas Kerja	Pembentang
4.	Urban Resilience and The Individual - Carbon Reduction, Public Transport and People	Encik Rehman Rashid Malaysian Journalist and Writer
5.	Coastal Cities at Risk - Building Adaptive Capacity for Managing Climate Change for Coastal Cities	Cik Jessica Bercilla Pakar Penyelidik Kanan, Balai Cerap Manila, Filipina



Bersempena dengan Sambutan HBPS 2015 ini, KPKT juga telah menyampaikan anugerah penghargaan ke atas sumbangan PBT dan agensi-agensi kerajaan dalam mengukur dan memantau pencapaian dan kemajuan bandar serta luar bandar dengan memberi Anugerah Bandar Mampan 2014 (MURNInets) dan penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau 2015 dan *Community Excellence Award* dan *The Legacy Award for Excellence in Planning* kepada individu dan komuniti yang menyokong ke arah persekitaran komuniti sejahtera.

LAWATAN PROMOSI PENGANJURAN WORLD URBAN FORUM KE-9 (WUF9) TAHUN 2018

Pada 14 hingga 21 April 2015, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah mengetuai delegasi Malaysia ke UN-Habitat di Nairobi, Kenya. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai tuan rumah bagi penganjuran World Urban Forum ke-9 (WUF9) pada tahun 2018.

Selain itu, YB Menteri dan YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak (Mantan Ketua Setiausaha, KPKT) juga telah melakukan kunjungan hormat kepada Setiausaha Kabinet untuk Perumahan dan Tanah Kenya pada 15 April 2015. Kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan kepentingan bersama dalam sektor perumahan dan pembangunan bandar di kedua-dua negara. Antara isu-isu yang dibincangkan adalah pengalaman Malaysia dalam menangani cabaran membangunkan penempatan manusia yang mampan dan pengalaman Malaysia dalam merangka kaedah pembangunan tanah yang melibatkan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta.



PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH CAMERON HIGHLANDS 2030 (PENGgantian)

Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian) telah diadakan pada 3 Disember 2015 di Century Pines Resort, Cameron Highlands, Pahang yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob (Menteri Besar Pahang).

Tempoh program publisiti dan penyertaan awam ini adalah bermula dari 3 Disember 2015 sehingga 4 Januari 2016 di Majlis Daerah Cameron Highlands, Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dan JPBD Negeri Pahang.

Penyediaan Draf Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian) (RTDCH) merupakan satu dokumen rujukan utama bagi pembangunan di Daerah Cameron Highlands dan digunakan oleh PBT dalam meluluskan

permohonan pembangunan bagi kawasan pentadbiran mereka.

Draf RTDCH 2030 ini disediakan bermatlamat untuk mengembalikan kegemilangan Cameron Highlands sebagai daerah pelancongan tanah tinggi mampan dengan mengambil kira aspek-aspek pemulihan, pemeliharaan dan peningkatan kualiti persekitaran serta pengwujudan komuniti berdaya kental dan sejahtera dalam tempoh perancangan hingga tahun 2030.



SUKAN NASIONAL JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA TAHUN 2015

Sukan Nasional Jabatan Perancang Bandar dan Desa kali ke-18 (SUKNA XVII) Tahun 2015 yang dihoskan oleh JPBD Negeri Melaka telah diadakan pada 14 hingga 16 Ogos 2015. Majlis perasmian yang diadakan

di Stadium Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) dimulakan dengan perarakan masuk dan lintas hormat perbarisan kontijen serta membawa masuk Bendera Kejohanan SUKNA 2015. Sebanyak tujuh (7) kontijen yang terlibat iaitu kontijen dari Zon Ibu Pejabat, HQ, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Sarawak dan

Zon Sabah telah mengambil bahagian dalam acara sukan yang dipertandingkan antaranya ialah badminton, bola jaring, bola sepak, bola tampar, sepak takraw, futsal, ping pong, dart, tarik tali, karom dan tenpin bowling. Zon Selatan telah berjaya menjadi juara keseluruhan pada SUKNA kali ini.



PROGRAM / AKTIVITI BERKAITAN NKEA / NKRA

PELANCARAN LAMAN WEB ISELAMAT.MY

Laman Web iSelamat.my telah dilancarkan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 25 Ogos 2015 bertempat di Hotel Pullman Kuala Lumpur.

Laman web iSelamat.my merupakan laman web rasmi yang memaparkan info jenayah bagi balai polis di kawasan kejiranan dan sekitar komuniti dalam bentuk peta (*crime mapping*). Laman web ini direka bentuk bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat jenayah dengan mudah dan pantas.


Laman web ini merupakan salah satu modul dalam Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) di bawah Program Bandar

Selamat: NKRA Mengurangkan Jenayah yang dibangunkan secara bersama oleh JPBD dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Semasa pembangunan laman web ini, pandangan, maklum balas dan persetujuan orang awam dari Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), persatuan penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan 14 pihak berkuasa tempatan (PBT) juga diambil kira.

14 kawasan PBT yang terlibat dalam projek perintis iSelamat.my ini ialah:

- i. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- ii. Perbadanan Putrajaya;
- iii. Majlis Bandaraya Shah Alam;
- iv. Majlis Bandaraya Petaling Jaya;
- v. Majlis Perbandaran Ampang Jaya;
- vi. Majlis Perbandaran Klang;
- vii. Majlis Perbandaran Selangor;
- viii. Majlis Perbandaran Subang Jaya;
- ix. Majlis Perbandaran Kajang;
- x. Majlis Bandaraya Pulau Pinang;
- xi. Majlis Perbandaran Seberang Perai;
- xii. Majlis Bandaraya Johor Bahru;
- xiii. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah; dan
- xiv. Majlis Perbandaran Pasir Gudang.



PROGRAM KEBOMBAAN DAN KESELAMATAN



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Perkhidmatan Bomba di Malaysia bermula pada tahun 1883 dengan penubuhan Bomba Sukarela Negeri Selangor yang diketuai oleh H.F Bellamy bersama 15 anggota. Pasukan ini yang diletakkan di bawah Lembaga Kebersihan, yang kemudiannya menjadi Pasukan Bomba dan Penyelamat Tetap pada tahun 1895. Perkhidmatan Bomba terus berkembang di setiap negeri dan

VISI

Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi

MISI

Memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda

diletakkan dibawah Majlis Perbandaran atau Lembaga Luar Bandar. Pada tahun 1946, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, pasukan Malayan Union Services (MUS) yang beribu pejabat di Kuala Lumpur telah ditubuhkan dan Flight Lt. W.J Gerumandi dilantik sebagai Pengarah Malayan Union Fire Services'.



092

Peneraju Kehidupan Berkualiti dan Berinovasi

Melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Perkhidmatan Bomba diserahkan kembali kepada kerajaan-kerajaan negeri di bawah pentadbiran Lembaga Bandaran dan Lembaga Luar Bandar mengikut negeri. Untuk menyelaraskan perkhidmatan ini, sebuah jemaah Lembaga Perkhidmatan Bomba ditubuhkan pada tahun 1952 di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan.

Perkhidmatan Bomba di negeri-negeri disatukan sebagai sebuah jabatan pada peringkat persekutuan iaitu sebagai Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1 Januari 1976 dan diikuti oleh Perkhidmatan Bomba Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka pada 1 Januari 1977. Pada 15 Mei 1981, perkhidmatan Bomba Sabah dan Sarawak telah disatukan.

Pada 8 Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). YAB Perdana Menteri Malaysia dengan rasminya telah mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera JBPM di Genting Highlands pada 21 Februari 1997.



OBJEKTIF

Memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan

FUNGSI UTAMA

- Memadam, menentang, mencegah, dan mengawal kebakaran
- Melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran
- Menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraan, dan pengawalseliaan yang sempurna
- Menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca, dan hal kebakaran
- Melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana

093


Kehidupan Sejahtera

PENCAPAIAN

PANGGILAN KECEMASAN

Sepanjang tahun 2015, JBPM telah menerima sebanyak 82,600 panggilan kecemasan seluruh Malaysia yang diklasifikasikan mengikut kes seperti dalam Carta 3.


Carta 3 Klasifikasi Panggilan Kecemasan Mengikut Kes



Analisis Kes Kebakaran

Daripada 40,865 kes kebakaran yang dihadiri oleh JBPM sepanjang tahun 2015, statistik kes kebakaran mengikut jenis kebakaran bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Carta 4.

Carta 4 Statistik Kes Kebakaran Mengikut Jenis Kebakaran yang dihadiri oleh JBPM bagi bagi Tahun 2015




Analisis Kes Penyelamatan

Daripada jumlah keseluruhan 39,101 kes penyelamatan yang dihadiri oleh JBPM sepanjang tahun 2015, pecahan terhadap kategori penyelamatan yang telah dijalankan adalah seperti dalam Carta 5.

Kecemasan lain/khidmat kemanusiaan
25,084 Kes



Carta 5 Pecahan Kes Penyelamatan yang dihadiri oleh JBPM bagi Tahun 2015



Analisis Khidmat Tugas-tugas Khas

JBPM telah menghadiri sejumlah 1,951 panggilan seluruh negara bagi khidmat tugas-tugas khas sepanjang tahun 2015 yang mana perinciannya adalah seperti dalam Jadual 21.

Jadual 21 Khidmat Tugas-tugas Khas yang Dihadiri oleh JBPM bagi Tahun 2015

Bil	Khidmat Tugas-tugas Khas	Bilangan Kes
1.	Kawalan pembakaran upacara keagamaan	22
2.	Bantuan kepada agensi kerajaan	267
3.	Bantuan kepada agensi bukan kerajaan	55
4.	Gotong-royong	458
5.	Bantuan keselamatan semasa majlis keraian	127
6.	Perfileman	26
7.	Khidmat-khidmat khas lain seperti kawalan pembakaran bunga api	996



**PERAKUAN KESELAMATAN
KEBAKARAN**

Semakan Pelan teknikal

Pada tahun 2015, sebanyak 22,062 pelan-pelan teknikal telah diproses oleh JBPM yang melibatkan:

- i. 9,889 pelan tidak bersistem;
- ii. 8,224 pelan bersistem; dan
- iii. 3,949 pelan Mekanikal dan Elektrikal (M&E).



Pelan-pelan teknikal ini perlu disemak mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Piagam Pelanggan JBPM iaitu dalam tempoh 14 hari. Daripada 22,062 pelan, sebanyak 21,728 (98.33 peratus) pelan telah disemak dalam tempoh yang ditetapkan dan 334 pelan disemak melebihi tempoh tersebut. Daripada jumlah itu, sebanyak 16,286 pelan telah diperakukan.

**Pengeluaran Surat Sokongan
Siap dan Pemuatan**

Bagi pengeluaran Surat Sokongan Siap dan Pemuatan (CCC) bagi tahun 2015, bilangan permohonan yang diterima oleh JBPM untuk pemeriksaan bangunan adalah sebanyak 4,090. Hasil pemeriksaan, sebanyak 3,688 surat sokongan telah dikeluarkan.

Sokongan Pelesenan

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 24,778 permohonan sokongan

pelesenan telah diterima dan diproses di seluruh negara oleh JBPM.

Daripada jumlah itu sebanyak 23,745 (95.83 peratus) permohonan telah diproses dan diluluskan dalam masa Piagam Pelanggan JBPM manakala selebihnya, 1,033 (4.17 peratus) permohonan diproses di luar tempoh yang ditetapkan.

JBPM juga telah memproses sebanyak 872 permohonan bagi mendapat ulasan keselamatan kebakaran bagi premis yang akan disewa oleh pihak kerajaan.

**Pemeriksaan Alat Pemadam Api
Mudah Alih Menggunakan eFEIS**

JBPM telah mensyaratkan semua pemeriksaan Alat Pemadam Api (APA) Mudah Alih dilaksanakan secara sistem elektronik iaitu menggunakan Electronic Fire Extinguisher Inspection System (eFEIS) semenjak 1 Jun 2013.



Sehingga Disember 2015, sebanyak 109 unit pusat pemeriksaan APA telah beroperasi menggunakan sistem

eFEIS dan sebanyak 6,134,174 APA telah diperiksa.

Pendaftaran orang yang berkelayakan (*competent person*) dan kontraktor penyelenggaraan APA terus dilaksanakan sepanjang tahun 2015 yang mana seramai 583 orang berkelayakan telah mendaftar dan membuat pembaharuan dan sebanyak 586 kontraktor telah didaftar dalam sistem eFEIS. Bagi meningkatkan kemahiran berkaitan sistem eFEIS, JBPM telah menganjurkan tujuh (7) siri kursus kepada pegawai pemeriksa APA dan tujuh (7) siri seminar kepada kontraktor APA sepanjang tahun 2015.

**PENGUATKUSAAN
KESELAMATAN BANGUNAN**

Perakuan Bomba

Perakuan Bomba (FC) ialah sijil yang dikeluarkan kepada premis yang dikategorikan sebagai premis ditetapkan. Semua premis ditetapkan perlu mempunyai FC yang dikeluarkan oleh JBPM. Antara jenis premis yang ditetapkan termasuklah kilang, hotel, hospital, perpustakaan, kedai, asrama dan pejabat.

Sepanjang tahun 2015, JBPM telah menerima dan memproses sebanyak 4,340 permohonan FC yang mana butirannya adalah seperti dalam Jadual 22.


Jadual 22 Permohonan Perakuan Bomba (FC) bagi Tahun 2015

Perkara	Permohonan Pertama	Permohonan Baharu	Permohonan Pembaharuan	Jumlah Keseluruhan
Bilangan Pemohonan	579	307	3,454	4,340
Bilangan Pemeriksaan ke Premis	557	444	3,848	4,849
Bilangan Perakuan Bomba yang dikeluarkan	439	436	2,989	3,864



Secara keseluruhan, jumlah premis ditetapkan untuk pemeriksaan FC adalah sebanyak 7,390 premis bagi tahun 2015. Ini adalah termasuk dengan permohonan yang diterima pada akhir tahun 2014, yang mana pemeriksaan tidak dapat dilakukan pada tahun tersebut. Hasil pemeriksaan FC bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Carta 6.

Carta 6 Hasil Pemeriksaan Perakuan Bomba (FC) bagi Tahun 2015



Menghapus Bahaya Kebakaran

Pada tahun 2015, penetapan sasaran kerja tahunan untuk aktiviti Menghapuskan Bahaya Kebakaran adalah dibuat berdasarkan kepada laporan statistik kebakaran pada tahun 2014.

Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2015 sasaran aktiviti Menghapuskan Bahaya Kebakaran adalah sebanyak 11,500 pemeriksaan pertama bagi semua premis di seluruh negara dengan memberi keutamaan kepada pemeriksaan bangunan hotel dan pejabat. Premis kategori lain tetap diperiksa, namun peratusan pemeriksaan dikurangkan sedikit. Pencapaian aktiviti Menghapuskan Bahaya Kebakaran bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 23.

Jadual 23 Pencapaian Aktiviti Menghapuskan Bahaya Kebakaran bagi Tahun 2015

Perkara	Bilangan Pemeriksaan
Pemeriksaan Pertama	16,046
Pemeriksaan Semula	2,172
Borang A Dikeluarkan*	312
Borang B Dikeluarkan*	0

Nota:
**Borang A merupakan notis yang dikeluarkan kepada premis untuk memastikan supaya menghapuskan bahaya kebakaran yang ditemui semasa pemeriksaan dijalankan manakala Borang B adalah notis pemakluman kepada premis jika didapati bahaya kebakaran itu mungkin akan berulang.*

Selain daripada pemeriksaan yang dijadualkan, pemeriksaan juga dijalankan berdasarkan aduan awam yang diterima iaitu sebanyak 42 pada tahun 2015. Daripada 42 aduan tersebut, 11 notis telah dikeluarkan.

Pendaftaran Keselamatan Kebakaran

Sepanjang tahun 2015, JBPM telah menerima sebanyak 179 permohonan baharu dan 883 permohonan pembaharuan bagi sijil pemasangan keselamatan kebakaran untuk jenis bahan binaan dan alat kelengkapan

pepasangan keselamatan kebakaran. Statistik jenis dan status permohonan bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 24.

Jadual 24 Statistik Jenis dan Status Permohonan Sijil Pemasangan Keselamatan Kebakaran untuk Jenis Bahan Binaan dan Alat Kelengkapan Pemasangan Keselamatan Kebakaran bagi Tahun 2015

Jenis Permohonan	Jumlah Diterima	Lulus	Ditolak
Baharu	179	162	17
Pembaharuan	883	749	134

Permohonan yang ditolak adalah disebabkan beberapa perkara antaranya borang permohonan tidak lengkap, laporan ujian tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan dan tempoh sah (*validity*) laporan ujian melebihi lima (5) tahun.

PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN AWAM DAN PENGUATKUSAAN MENGHAPUS BAHAYA KEBAKARAN

Kempen Mencegah Kebakaran

Kempen Mencegah Kebakaran yang dilaksanakan oleh JBPM adalah bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai pencegahan dan keselamatan kebakaran kepada masyarakat. Kempen yang merangkumi aktiviti ceramah, demonstrasi, pameran, pengungsian bangunan dan *mock drill* ini dilaksanakan pada peringkat kebangsaan, negeri dan zon. Aktiviti Kempen Mencegah Kebakaran yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 25.

Jadual 25 Aktiviti Kempen Mencegah Kebakaran bagi tahun 2015

Perkara	Ceramah	Demonstrasi	Pameran	Pengungsian Bangunan	Mock Drill
Jumlah Pelaksanaan	5,018	4,412	1,760	1,739	356
Jumlah Peserta	806,598	797,318	724,006	684,572	88,243



Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-kanak (Kelab 3K)

Ahli Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-kanak (Kelab 3K) ini terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah (tadika/ taska) dan telah mengikuti ceramah serta aktiviti latihan “Berhenti, Rebah dan Guling (Stop, Drop and Roll)” dan asas-asas penyelamatan yang lain.

Sebanyak 20,872 pasukan Kelab 3K telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 590,940 orang. Aktiviti Kelab 3K yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 26.

Jadual 26 Aktiviti Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-kanak (Kelab 3K) bagi tahun 2015

Aktiviti	Jumlah Pelaksanaan	Jumlah Peserta
Ceramah	1,751	64,868
Latihan “Berhenti, Rebah dan Guling”	1,566	58,345



Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) bertindak sebagai *first responder* bagi menangani kecemasan/kebakaran pada peringkat awal di premis masing-masing. Pada tahun 2015, sebanyak 5,082 Pasukan Tindakan Kecemasan telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 154,891 orang. Aktiviti ERT yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 27.

Jadual 27 Aktiviti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) bagi tahun 2015

Aktiviti	Jumlah Pelaksanaan	Jumlah Peserta
Ceramah	659	748
Latihan ERT	13,688	15,516

PRESTASI PEMBANGUNAN

Penyediaan Infrastruktur

Pada tahun 2015, empat (4) unit infrastuktur JBPM telah berjaya disiapkan seperti yang berikut:

- a. Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak;
- b. Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur;
- c. Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur; dan
- d. Balai Bomba dan Penyelamat Nusajaya, Johor.



Selain itu, lima (5) lagi infrastruktur sedang dalam proses pembinaan, iaitu:

- a. Balai Bomba dan Penyelamat Song, Sarawak;
- b. Balai Bomba dan Penyelamat Kijal, Terengganu;
- c. Balai Bomba dan Penyelamat Batu Niah, Sarawak;
- d. Balai Bomba dan Penyelamat Beluran, Sabah; dan
- e. Balai Bomba dan Penyelamat Kimanis, Sabah

Perolehan Peralatan, Kelengkapan dan Jentera

Pada tahun 2015, JBPM telah membelanjakan sebanyak RM97,600,650.26 bagi perolehan peralatan, kelengkapan dan jentera, seperti dalam Jadual 28.

Jadual 28 Perolehan Peralatan, Kelengkapan dan Jentera JBPM bagi Tahun 2015

Bil.	Jenis Peralatan, Kelengkapan dan Jentera	Kuantiti
1.	Kenderaan Prime Mover	100
2.	Emergency Mediacal Rescue Services (MERS)	200
3.	Pick Up 4x4	47
4.	Amphibious Rigid Inflatable Boat (ARIB)	5
5.	Heavy Lift Helicopter	2
6.	All-Terrain Vehicle (ATV)	8
7.	Portable Generator Set (Pasca Banjir)	274
8.	Flood Light	100
9.	Generator Set (Pasca Banjir)	100
10.	Peralatan Makmal Pusat Penyelidikan Kebombaan (Puspek)	16



PENGURUSAN ADUAN AWAM

Jumlah keseluruhan aduan awam yang diterima oleh JBPM bagi tahun 2015 adalah sebanyak 176 aduan. Jadual 29 menunjukkan jumlah penerimaan dan penyelesaian aduan awam yang diterima oleh JBPM sepanjang tahun 2015.

Jadual 29 Aktiviti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) bagi tahun 2015				
Jumlah Aduan Diterima	Tempoh Penyelesaian			
	≥ 14 hari	< 14 hari		
	Bilangan	Peratusan (%)	Bilangan	Peratusan (%)
176	133	75.57	43	24.43



Antara isu utama yang menyumbang kepada bilangan aduan awam yang diterima oleh JBPM adalah berkaitan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, antaranya mengenai:

- i. tahap keselamatan bangunan (apartment/hotel/pejabat/kilang/sekolah);
- ii. sistem pemasangan keselamatan kebakaran yang mengalami kerosakan/tidak berfungsi;
- iii. kelewatan proses kelulusan pelan;
- iv. isu berkaitan pintu rintangan api yang berkunci (pasaraya/apartment);
- v. laluan kecemasan yang terhalang (hotel/pasaraya/apartment); dan
- vi. kerosakan lif bomba.

PENGKOMPANAN KESALAHAN DAN PENDAKWAAN

Pengkompanaan Kesalahan
Pada tahun 2015, sebanyak 1,854 Notis Tawaran untuk Mengkompanaan Kesalahan telah dikeluarkan. Jenis-jenis kesalahan yang dikeluarkan tawaran kompaun bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 30.

Jadual 30 Jenis-jenis Kesalahan yang Dikeluarkan Tawaran Kompaun bagi Tahun 2015

Bil.	Jenis Kesalahan	Bilangan Kompaun
1.	Sek 23(4) - Tidak memberi notis bertulis kepada Pengarah Bomba Negeri sebelum menjalankan kerja-kerja yang menjejaskan pili bomba (subseksyen 23(1)). Tidak menentukan pili bomba berada dalam keadaan baik selepas kerja-kerja yang menjejaskan pili bomba (subseksyen 23(1))	36
2.	Sek 25(2) - Enggan membenarkan pemasangan plat pili bomba, menghalang orang yang memasang pili bomba, mengalihkan atau mencacatkan pili bomba	1
3.	Sek 26 - Menutup, mengepung atau menyembunyikan pili bomba, mengganggu pili bomba, menggunakan pili bomba selain untuk tujuan menentang kebakaran	1612
4.	Sek 47 - Tanpa kebenaran Pegawai Bomba memasuki atau berada di dalam premis yang diambil milik oleh Ketua Pengarah	-
5.	Sek 51 - Mengganggu Pegawai Bomba semasa menjalankan tugas	-
6.	Sek 52 - Tidak mematuhi arahan Pegawai Diberikuasa.	5
7.	Sek 55 - Merosakkan, menyembunyikan, mengaktifkan atau mendiaktifkan penggera kebakaran tanpa sebab yang munasabah	133
8.	Subperaturan 3(5) - Membenarkan orang lain menggunakan Perakuan Bomba	-
9.	Subperaturan 5(3) - Tidak memberitahu kehilangan atau kemusnahan Perakuan Bomba	-
10.	Subperaturan 6(2) - Tidak mempamerkan Perakuan Bomba	67
Jumlah		1,854

Pendakwaan

Sebanyak 1003 kertas siasatan berkaitan kesalahan yang melanggar Akta Perkhidmatan Bomba 1988 telah dibuka sepanjang tahun 2015. Daripada jumlah tersebut sejumlah 202 kes telah didaftarkan ke mahkamah.

Berdasarkan kepada 202 kes tersebut, sebanyak 131 kes telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah manakala yang selebihnya masih lagi menunggu tarikh perbicaraan.

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

SAMBUTAN HARI BOMBA SEDUNIA 2015

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah menyempurnakan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2015 (SHAB 2015) bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 5 Mei 2015.

Tema sambutan pada kali ini ialah “Bomba Tonggak Penyelamatan Negara”. Antara pengisian semasa majlis sambutan ini ialah pemeriksaan kawalan kehormatan oleh YB Menteri, bacaan ikrar, deklamasi sajak dan pertunjukkan dan pameran kebombaian.



International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2015

Bersempena dengan SHAB 2015, JBPM dengan kerjasama The Malaysia Fire Protection Association (MFPA), The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch (IFE) dan Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba dan Penyelamat Malaysia (MASKAB) telah menganjurkan International Fire Conference and Exhibition Malaysia (IFCEM) 2015

yang berlangsung dari 5 hingga 7 Mei 2015 di Dewan Merdeka, PWTC.

Persidangan IFCEM 2015 telah disertai oleh 1,200 peserta dari 22 buah negara seluruh dunia. Persidangan yang bertemakan "Fire and Disaster Challenges" telah memfokuskan kepada empat (4) komponen utama kebombaan iaitu keselamatan kebakaran (*fire safety*),

pengurusan bencana (*disaster management*), pengoperasian kebombaan (*fire and rescue operation*) dan kelestarian (*sustainability*).

Pameran IFCEM 2015 yang berlangsung telah disertai oleh lebih daripada 70 pempamer dari dalam dan luar negara yang mempamerkan alatan dan teknologi industri kebombaan dan keselamatan kebakaran.



Mesyuarat Ketua-ketua Bomba Negara ASEAN

Memandangkan negara kita merupakan Pengerusi ASEAN 2015, Mesyuarat Ketua-ketua Bomba Negara ASEAN kali pertama turut diadakan bersempena daya SHAB 2015. Mesyuarat ini menjadi platform negara-negara ASEAN bertukar pandangan berkenaan aspek kebombaan di negara masing-masing, membincangkan isu-isu bersama seperti masalah jerebu dan kerjasama memadam kebakaran di negara sempadan, serta memperkukuhkan hubungan baik sesama negara.

Mess Nite JBPM Tahun 2015

Bersempena dengan SHAB 2015, Mess Nite JBPM Tahun 2015 telah diadakan di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur pada 4 Mei 2015. Tetamu kehormat majlis ini ialah YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan tetamu istimewa dalam majlis ini ialah Ketua-ketua Bomba ASEAN, panel pembentang dalam Persidangan IFCEM 2015 dan delegasi daripada luar negara.

Majlis yang diadakan berlangsung penuh istiadat bermula dengan perarakan masuk tetamu kehormat, penyampaian ucapan oleh YB Menteri dan Ketua Pengarah JBPM dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada YB Menteri.



Larian Bersama Bomba Tahun 2015

Pada 9 Mei 2015 bertempat di Dataran Merdeka Kuala Lumpur telah berlangsung Larian Bersama Bomba Tahun 2015 bersempena dengan SHAB 2015. Acara larian dan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Arpah binti Abdul Razak (Mantan Ketua Setiausaha KPKT) dan diiringi oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM),

Acara Larian Bersama Bomba yang telah memasuki tahun ke-13 ini menyaksikan penyertaan lebih 4,500 peserta daripada pelbagai lapisan umur dari dalam dan luar negara.



Jadual 32 Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri dan Balai Bomba pada Tahun 2015

Bil	Nama Balai Bomba dan Penyelamat	Majlis Perasmian	
		Tarikh	Perasmi
1.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Pahang	16 Apr 2015	Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (Sultan Pahang)
2.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang	3 Sep 2015	YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan)
3.	Balai Bomba dan Penyelamat Nusajaya, Johor	19 Okt 2015	YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM)
4.	Balai Bomba dan Penyelamat Kota Tinggi, Johor	14 Dis 2015	YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan)



OPERASI PENYELAMATAN MANGSA GEMPA BUMI DI GUNUNG KINABALU

JBPM telah terlibat dalam operasi penyelamatan berikutan kejadian gempa bumi dengan kekuatan 6.0 pada skala Richter berpusat di 6.1 utara, 116.6 timur, kira-kira 16 kilometer di barat daya Ranau, Sabah pada 5 Jun 2015. Kejadian ini telah menyebabkan 18 orang terkorban dan 10 orang cedera.

Dalam operasi penyelamatan ini, JBPM telah menghantar sebuah pesawat jenis Mi-171 dengan sembilan (9) orang anggota dalam operasi membantu membawa keluar mangsa yang tercedera dan mayat dari Laban Rata yang berketinggian 10,300 kaki ke Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah.



PELANCARAN PEGAWAI BOMBA BANTUAN MOUNTAIN SEARCH AND RESCUE (MOSAR)

Majlis Pelancaran Pegawai Bomba Bantuan Mountain Search and Rescue (MOSAR) dan Penyampaian Sumbangan serta Majlis Apresiasi Pasukan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 22 Jun 2015.



Berikutan gempa bumi yang berlaku di Ranau, Sabah pada 5 Jun 2015, JBPM telah bekerjasama dengan Persatuan Malim Gunung dan Taman-taman Sabah untuk mewujudkan pasukan penyelamat yang lebih mantap.

Sehubungan dengan itu, 100 orang malim gunung telah diiktiraf sebagai Ahli Pegawai Bomba Bantuan (PBB). Tujuan pelantikan ini adalah untuk meningkatkan keyakinan para pendaki dan pelancong mengenai aspek keselamatan di Gunung Kinabalu.

OPS RAYA 2015

Majlis Pelancaran "Ops Raya" Tahun 2015 telah diadakan di IOI Mall Puchong, Selangor dan disempurnakan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 10 Julai 2015.

Antara aktiviti yang diadakan semasa majlis ini ialah Pameran Keselamatan Kebakaran, Pertandingan Mewarna, Tayangan Video "Ops Raya", Pemeriksaan Bangunan, Penyampaian Sijil Perakuan Bomba, Pelancaran Bahan Kempen Keselamatan, Demontrasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya (RTA) dan Pelancaran Pasukan "Ops Raya".



Bagi Ops Raya 2015, JBPM melaksanakan dua (2) strategi dalam menangani kejadian ketika musim perayaan yang dijalankan selama dua (2) minggu selepas dilancarkan, seperti yang berikut:

- melibatkan pemeriksaan keselamatan premis bagi pencegahan dan penghapusan bahaya kebakaran di tempat tumpuan ramai termasuk pusat membeli-belah dan pusat hiburan awam; dan
- menumpukan operasi pemadaman dan penyelamatan bagi memastikan operasi dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan

Sebanyak 277 buah balai bomba terlibat dalam Ops Raya 2015 bagi operasi pemadaman dan penyelamatan. Di samping itu, rondaan anggota di jalan persekutuan, jalan bandaran dan jalan-jalan lain di sepanjang tempoh operasi ini juga turut dipertingkatkan. Inisiatif ini dilakukan oleh JBPM sebagai salah satu usaha menyelamatkan harta awam dan menjaga keselamatan orang ramai, dan meningkatkan kesedaran masyarakat bagi mengelakkan kecelakaan berlaku.

SUKAN BOMBA MALAYSIA 2015

Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2015 telah diadakan pada 5 hingga 10 Jun 2015 di beberapa lokasi sekitar Negeri Perak. Majlis Perasmian Pembukaan SUKBOM 2015 telah disempunakan oleh YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua

Pengarah, JBPM) bertempat di Stadium Majlis Perbandaran Manjung, Perak.

Seramai 1,369 anggota JBPM yang mewakili 16 kontinjen termasuk kontinjen dari Ibu Pejabat JBPM, kontinjen Wilayah Persekutuan Labuan dan kontinjen negeri-negeri menyertai kejohanan yang

berlangsung setiap dua tahun sekali ini.

Antara acara yang dipertandingkan dalam SUKBOM 2015 ialah olahraga, golf, bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan futsal.



PENERBITAN DRAMA BERSIRI 'HERO'

KPKT melalui JBPM sedang menerbitkan sebuah drama televisyen bertajuk "Hero", yang berkisar tentang tugas serta cabaran anggota bomba dan bakal ditayangkan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada Ogos 2016.

Drama bersiri 13 episod ini diterbitkan untuk memaparkan

skop tugas dan cabaran sebagai anggota bomba dan penyelamat, menarik masyarakat terutama generasi muda menyertai kerjaya kebombaan dan sebagai platform untuk masyarakat menghayati pengorbanan anggota bomba dan penyelamat yang sentiasa memberikan komitmen dalam tugas tanpa mengira kepentingan peribadi.

Pengggambaran drama ini telah bermula sejak Oktober 2015 dan

skripnya berdasarkan insiden kecemasan yang ditangani oleh JBPM.

Drama cetusan idea YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Mantan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) ini diterbitkan atas usaha sama KPKT, JBPM, Jabatan Penyiaran Malaysia dan NS Star Sdn Bhd. Drama ini membariskan beberapa orang pelakon terkenal

tanah air antaranya Sharnaaz Ahmad, Tiz Zaqyah, Fezrul Khan dan Rusdi Ramli. Anggota-anggota bomba juga turut terlibat sebagai pelakon lagak ngeri dalam drama ini.

YB Datuk Abdul Rahman, YB Datuk Halimah dan YBhg. Datuk Haji Mohamad telah turun ke lokasi penggambaran bagi meninjau sesi penggambaran drama bersiri Hero Bomba ini.



PROGRAM PERUMAHAN

JABATAN PERUMAHAN NEGARA

LATAR BELAKANG

Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah ditubuhkan pada tahun 1976 berikutan keputusan Jemaah Menteri bagi menggantikan Amanah Perumahan Malaysia (Malaysia Housing Trust) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1950 dan dibubarkan melalui Akta 339 (Pembubaran) Amanah Perumahan 1976.

VISI

Menjadi organisasi yang cemerlang dalam melaksanakan dan mengawal selia perumahan yang mampan dan mesra alam ke arah kehidupan berkualiti tinggi

MISI

Menjadi peneraju utama dalam menjayakan program perumahan negara yang komprehensif dan dinamik untuk kesejahteraan rakyat yang berkekalan



OBJEKTIF

Memastikan pembangunan sektor perumahan yang sempurna dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat

FUNGSI UTAMA

- Merangka dasar, perundangan, peraturan dan melaksanakan penyelidikan berkaitan sektor perumahan
- Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR)
- Mengeluarkan lesen dan permit iklan dan jualan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 [Akta 118]
- Memantau projek perumahan swasta dan menguatkuasakan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 [Akta 118] dan Peraturan-peraturan berkaitan
- Menyelaras dan memudahkan cara urusan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai
- Mengurus aduan awam berkaitan sektor perumahan
- Menyelaras isu pengurusan dan penyelesaian setinggan
- Mengurus dana dan tabung amanah pinjaman perumahan bagi golongan berpendapatan rendah



PENCAPAIAN

STATUS PELAKSANAAN 1 JUTA RUMAH MAMPU MILIK (RMM)

Bagi keseluruhan perlaksanaan 1 juta RMM dalam tempoh Januari 2013 sehingga 31 Disember 2015, semua agensi yang terlibat telah menyiapkan 183,755 unit rumah (16.53 peratus), manakala 214,011 unit (19.25 peratus) masih dalam



Program

pembinaan dan 309,571 unit (27.85 peratus) masih dalam pelbagai peringkat perancangan. Baki, 404,291 unit (36.37 peratus) lagi akan diteruskan pembinaannya sehingga tahun 2018.

Status keseluruhan perlaksanaan 1 juta RMM mengikut agensi sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti dalam Jadual 32.

Jadual 32 Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri dan Balai Bomba pada Tahun 2015

Agensi	Sasaran (BIL. UNIT)	Unit Siap (A)	Dalam Pembinaan (B)	Dalam Perancangan (C)	Jumlah (D) = (A)+(B)+(C)	Baki Sasaran
PRIMA	500,000	883	84,132	148,365	233,380	266,620
Sektor Swasta	150,000	104,634	45,366	Tiada maklumat	150,000	-
Kerajaan Negeri	140,721	21,324	23,212	35,116	79,652	61,069
PPA1M	100,000	-	14,888	19,143	34,031	65,969
SPNB	99,974	25,949	5,997	68,028	99,974	-
KPKT	60,789	18,744	19,783	11,629	50,156	10,633
FELDA	20,000	26	8,544	11,430	20,000	-
KKLW	12,475	7,688	2,597	2,190	12,475	-
KWP	8,405	900	4,824	2,681	8,405	-
BPPBPP	7,253	1,624	1,720	3,909	7,253	-
MINDEF	4,043	-	1,055	2,988	4,043	-
PERDA	3,991	1,667	382	1,942	3,991	-
MOA	3,977	316	1,511	2,150	3,977	-
Jumlah	1,111,628	183,755	214,011	309,571	707,337	404,291

Singkatan			
FELDA	: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	MINDEF	: Kementerian Pertahanan Malaysia
KKLW	: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	PERDA	: Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
KWP	: Kementerian Wilayah Persekutuan	MOA	: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia
BPPBPP	: Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang		

Sasaran KPKT adalah untuk menyediakan sebanyak 60,789 unit RMM dan sehingga 31 Disember 2015, KPKT telah melaksanakan sebanyak 50,156 unit (82.51 peratus) dan bakinya 10,633 unit (17.49 peratus) akan diteruskan perlaksanaannya pada tahun 2016 hingga 2018. Pecahan pelaksanaan 50,156 unit rumah mampu milik oleh KPKT sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti yang berikut:

- i. 18,744 unit rumah (30.83 peratus) telah siap dibina;
- ii. 19,783 unit rumah (32.54 peratus) masih dalam pembinaan; dan
- iii. 11,629 unit rumah (19.13 peratus) masih dalam pelbagai peringkat perancangan.

PENGUATKUASAAN PINDAAN AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966 [AKTA 118] DAN PERATURAN-PERATURAN

Bermula 1 Jun 2015, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) (Pindaan 2012) dan Peraturan-peraturan telah mula berkuat kuasa serentak bersama Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) (Pindaan 2012) dan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).



Tujuan Akta 118 ini diwujudkan adalah bagi membuat kawalan dan pelesenan urusan pemajuan perumahan di Semenanjung Malaysia, melindungi kepentingan pembeli-pembeli dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tujuan utama pindaan Akta 118 yang telah dilaksanakan ini adalah bagi memperkasa struktur pelesenan dan penguatkuasaan sedia ada. Selain itu, hukuman sedia ada juga terlalu ringan dan tidak sesuai dengan situasi semasa. Kerajaan juga sedar akan wujudnya permasalahan berkaitan projek perumahan terbengkalai dan bermasalah yang perlu diatasi bagi melindungi hak pembeli rumah.

CADANGAN PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN PERUMAHAN AWAM NEGARA

Cadangan Penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) Siri Tiga Bilangan Satu Tahun 2015 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Ogos 2015.

Penubuhan 3PAN ini akan membolehkan segala aspek operasi iaitu pelaksanaan, pemantauan dan pembangunan semula PPR diletakkan di bawah satu badan yang khusus bagi meningkatkan lagi kecekapan tadbir urus demi kemudahan dan kesejahteraan penghuni-penghuni PPR.



Fokus utama penubuhan 3PAN adalah bertujuan untuk menguruskan aspek-aspek pelaksanaan dan pemantauan ke atas rumah-rumah PPR dengan lebih efisien, di samping membantu Kerajaan Negeri dan PBT dalam menyelia dan menyelenggarakan rumah-rumah PPR dengan lebih sistematik. Dengan ini penghuni-penghuni PPR akan dapat menikmati suasana kehidupan yang lebih kondusif dan berkualiti. Ojektif penubuhan 3PAN adalah untuk:

- i. menguruskan penjualan, penyewaan, penyenggaraan, kawalan keselamatan aset, auditan pengisian, kutipan dan penjualan perumahan PPR di seluruh negara;
- ii. mewujudkan sistem pengurusan perumahan awam yang bersepadu di seluruh negara untuk menjamin

- keseragaman, kecekapan, keberkesanan dan ketelusan dalam memberi khidmat kepada rakyat;
- iii. melaksanakan pembangunan semula perumahan awam persekutuan;
- iv. mengurus dan mempromosi program-program perumahan awam seperti RT1M dan MyHome;
- v. menguruskan perolehan bagi aktiviti di bawah program penyenggaraan perumahan;
- vi. menjadi pelaksana kepada Program Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Perumahan Bandar;
- vii. bertindak sebagai agen kawal selia dalam proses pindah milik dan pemantauan moratorium; dan
- viii. memberi manfaat kepada rakyat melalui tawaran skim pembiayaan penyewaan atau pemilikan perumahan awam kepada golongan yang layak.

CADANGAN PENGHARMONIAN STANDARD PERUMAHAN NEGERI

Pada masa ini, tiada standard khusus yang ditetapkan bagi mendefinisikan perumahan mampu milik. Kerajaan hanya mengguna pakai Garis Panduan Pelaksanaan Harga Rumah Kos Rendah (Pindaan) 2002 yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 10 Jun 1998 yang mana hanya definisi Rumah Kos Rendah (RKR) sahaja yang ditetapkan. Hal ini telah menyebabkan wujudnya kepelbagaian dalam penetapan standard perumahan di setiap negeri dan seterusnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang awam.

Melihat kepada kepentingan pendefinisian rumah mampu milik (RMM) ini, KPKT telah mencadangkan pengharmonian dilakukan ke atas aspek-aspek berikut:



- i. harga jualan dan keluasan lantai;
- ii. spesifikasi minima;
- iii. kelayakan pendapatan isi rumah pembeli;
- iv. moratorium;
- v. kuota dan levi pelepasan kuota pembangunan RKR / RKS / RKS; dan
- vi. densiti pembangunan.

Kertas Cadangan mengenai perkara ini telahpun dibentangkan dalam Mesyuarat MPN pada 21 Ogos 2015. Mesyuarat telah bersetuju supaya kertas ini diperhalusi dan dibincangkan semula bersama-sama dengan semua Kerajaan Negeri.

Susulan itu, perbincangan mengenai cadangan pengharmonian standard perumahan negeri telah dibawa ke satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Keputusan Mesyuarat Majlis Perumahan Negara.

Buat masa ini, jawatankuasa ini telah mencapai persetujuan bagi penetapan penjenamaan semula tiga (3) jenis RMM iaitu:

- i. RMM Type A = Rumah Kos Rendah
- ii. RMM Type B = Rumah Kos Sederhana Rendah

- iii. RMM Type C = Rumah Kos Sederhana

Selain itu, persetujuan juga telah dicapai bagi penetapan harga siling RMM iaitu pada harga sehingga RM300,000.00. Perkara-perkara lain dalam kertas cadangan masih dalam penelitian dan perbincangan lanjut bersama Kerajaan Negeri melalui platform ini.

PEMBANGUNAN SISTEM BANK DATA PERUMAHAN (TEDUH)

JPN telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan transformasi perkhidmatan dalam industri perumahan negara dengan pembangunan Sistem Bank Data Perumahan (TEDUH) yang akan menjadi gerbang utama data penawaran dan permintaan perumahan awam dan swasta di negara ini.

Pembangunan TEDUH sedang dijalankan secara berperingkat dengan pengintegrasian sistem-sistem dalaman JPN dan seterusnya pengintegrasian sistem-sistem perumahan di agensi persekutuan, badan berkanun dan semua kerajaan negeri.

Tiga (3) jenis output dari TEDUH iaitu portal, aplikasi mobil dan papan pemuka (*dashboard*) bagi pengguna dan pengurusan akan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak termasuk rakyat, agensi

kerajaan dan pemaju swasta. Antara maklumat utama yang boleh diperolehi oleh pengguna melalui TEDUH adalah seperti yang berikut:

- i. projek perumahan awam mengikut negeri;
- ii. penawaran kuota Bumiputera;
- iii. status pelaksanaan projek perumahan;
- iv. membuat carian, memohon serta menyemak status permohonan perumahan secara online;
- v. pemaju dan pematuhan Akta 118 Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan); dan
- vi. projek sakit/lewat/terbengkalai

Antara faedah utama yang akan diperolehi oleh agensi Kerajaan melalui TEDUH ialah:

- i. semakan pemilikan rumah pertama pemohon perumahan awam;
- ii. pelbagai data yang boleh digunakan untuk tujuan analisis keperluan sebenar rumah; dan
- iii. perancangan dan pembangunan polisi perumahan yang lebih menyeluruh.

TEDUH boleh diakses sepenuhnya oleh orang ramai dan agensi Kerajaan pada tahun 2017.

PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

Bagi tahun 2015, sebanyak 1,631 Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, 792 adalah melibatkan pengeluaran lesen baharu dan 839 adalah pembaharuan lesen. Jadual 33 menunjukkan statistik pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan mengikut negeri bagi tahun 2015.

Jadual 33 Statistik Pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Mengikut Negeri bagi tahun 2015

Negeri	Baharu	Pembaharuan	Jumlah
Johor	113	174	287
Kedah	62	32	94
Kelantan	22	25	47
Melaka	16	42	58
Negeri Sembilan	45	35	80
Pahang	115	55	170
Perak	87	121	208
Perlis	5	3	8
Pulau Pinang	32	92	124
Selangor	215	183	398
Terengganu	24	14	38
WP Kuala Lumpur	50	63	113
WP Putrajaya	6	0	6
Jumlah	792	839	1,631



PELAKSANAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT

Program Perumahan Rakyat (PPR) ini dilaksanakan bertujuan menempatkan semula setinggan serta menyediakan kemudahan perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan RM2500.00.

Terdapat dua (2) kategori PPR iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki. Rumah PPR Disewa disewakan pada kadar RM124.00 sebulan

manakala rumah PPR Dimiliki dijual pada harga RM30,000.00 hingga RM35,000.00 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak.

JPN telah melaksanakan 169 buah projek PPR yang merangkumi 102,951 unit rumah dan status pelaksanaan PPR bagi adalah seperti dalam Jadual 34.



Jadual 34 Status Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR)

Kategori	Jumlah Projek		Siap		Dalam Pembinaan		Dalam Perancangan	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
PPR Disewa	88	75,805	82	72,479	6	3,326	-	-
PPR Dimiliki	81	27,146	31	7,773	21	10,742	29	8,631
Jumlah	169	102,951	113	80,252	27	14,068	29	8,631

PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sepanjang tahun 2015, JPN telah berjaya memulihkan dan menyelesaikan 15 projek (3,380 unit rumah) perumahan swasta yang terbengkalai yang memanfaatkan 2,462 orang pembeli. Senarai projek perumahan swasta terbengkalai yang telah dipulihkan bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 35.

Jadual 35 Senarai projek perumahan swasta terbengkalai yang telah dipulihkan bagi tahun 2015

BiL	Projek	BiL Unit	BiL Pembeli
1.	Taman Sri Angsana Hilir, Ampang Selangor	175	165
2.	Taman Cahaya 2, Batang Berjuntai, Selangor	151	112
3.	Apartment Kelisa Ria, Kajang Selangor	500	413
4.	Taman Kota Lenggong Perak	52	39
5.	Taman Sepekan Makmur Pahang	238	219
6.	Bandar Utama Tampin Negeri Sembilan	495	457
7.	Taman Darul Naim, Tanah Merah Kelantan	39	29
8.	Kinta Pine Villa 2, Kinta, Perak	608	240

BiL	Projek	BiL Unit	BiL Pembeli
9.	Villaria, Petaling Jaya, Selangor	99	31
10.	Taman Gopeng Perdana, Kampar, Perak	54	54
11.	Kinta Pine Villa 1, Kinta, Perak	155	56
12.	Taman Desa Indah, Rembau, Negeri Sembilan	591	480
13.	Pangsapuri Rimau Indah, Klang, Selangor	61	61
14.	Taman Kencana Ampang Selangor	30	24
15.	Taman Perdana Raya, Bentong, Pahang	132	82



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

Status Projek Perumahan Swasta Tanpa Masalah

Sehingga 31 Disember 2015, terdapat sebanyak 3,687 projek perumahan swasta yang melibatkan penyediaan sebanyak 489,875 unit rumah di Semenanjung Malaysia sedang dimajukan dan berjalan lancar. Statistik pelaksanaan projek perumahan swasta tanpa masalah mengikut negeri bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 36.

Jadual 36 Statistik Pelaksanaan Projek Perumahan Swasta Tanpa Masalah Mengikut Negeri bagi Tahun 2015

Negeri	Bilangan Projek	Bilangan Unit Rumah	
		Dibina	Dijual
Johor	587	120,624	44,603
Kedah	373	19,773	5,978
Kelantan	74	5,684	1,804
Melaka	154	17,801	10,106
Negeri Sembilan	156	18,000	9,191
Pahang	472	12,774	3,998
Perak	393	27,668	11,223
Perlis	31	1,293	661
Pulau Pinang	257	41,957	16,112
Selangor	863	148,350	64,074
Terengganu	96	13,961	6,838
WP Kuala Lumpur	231	61,990	32,948
Jumlah	3,687	489,875	207,536

Status Projek Perumahan Swasta Lewat dan Sakit

Sehingga 31 Disember 2015, terdapat sebanyak 51 projek (13,414 unit rumah) perumahan swasta dalam kategori lewat di seluruh negara, manakala sebanyak 150 projek (26,859 unit rumah) perumahan swasta dalam kategori sakit di Semenanjung Malaysia. Statistik projek perumahan lewat dan sakit mengikut negeri bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 37.

Jadual 37 Statistik Projek Perumahan Lewat dan Sakit Mengikut Negeri bagi Tahun 2015

BiL	Negeri	Projek Lewat			Projek Sakit		
		BiL Projek	BiL Unit Rumah	BiL Pembeli	BiL Projek	BiL Unit Rumah	BiL Pembeli
1.	Johor	8	3,501	1,697	15	3,300	2,612
2.	Kedah	3	250	38	3	102	65
3.	Kelantan	5	960	277	11	1,009	689
4.	Melaka	0	0	0	4	86	64
5.	Negeri Sembilan	0	0	0	5	394	379
6.	Pahang	6	312	86	6	961	601
7.	Perak	3	237	73	26	2,159	1,519
8.	Perlis	0	0	0	0	0	0
9.	Pulau Pinang	5	943	754	3	589	287
10.	Selangor	18	4,215	3,165	66	15,109	9,310
11.	Terengganu	0	0	0	3	299	260
12.	WP Kuala Lumpur	3	2,996	2,005	8	2,851	1,979
Jumlah		51	13,414	8,095	150	26,859	17,765



PERMOHONAN DAN KELULUSAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

Skim ini diwujudkan melalui kelulusan Parlimen pada 17 Disember 1975 dengan meminda Jadual Kedua Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972). Skim ini ditadbir melalui sebuah

tabung pusingan yang dinamakan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah. Objektif skim ini adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan pinjaman bagi membina rumah baharu.

Bagi tahun 2015, JPN telah menerima dan memproses 1,219 permohonan SPP dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 503 permohonan telah diluluskan yang melibatkan pinjaman sejumlah RM22,625,000.00. Perincian permohonan SPP bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 38.



Jadual 38 Permohonan SPP yang Diterima dan Diluluskan Mengikut Negeri bagi tahun 2015.

Negeri	BiL Permohonan Diterima	BiL Permohonan Diluluskan	Jumlah Pinjaman yang Dibayar kepada Peminjam (RM)
Johor	192	80	3,595,000.00
Kedah	503	180	8,100,000.00
Kelantan	296	112	5,035,000.00
Melaka	12	7	315,000.00
Negeri Sembilan	56	26	1,170,000.00
Pahang	61	37	1,665,000.00
Perak	16	5	225,000.00
Perlis	17	22	990,000.00
Pulau Pinang	6	0	-
Selangor	24	1	45,000.00
Terengganu	30	33	1,485,000.00
WP Kuala Lumpur	6	0	-
Jumlah	1,219	503	22,625,000.00

Nota: Bilangan kelulusan permohonan adalah berdasarkan permohonan yang diterima terdahulu.

PROGRAM RUMAH TRANSIT 1MALAYSIA

Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) telah dilancarkan oleh KPKT pada tahun 2014 bertujuan untuk memberi kemudahan perumahan kepada pasangan muda yang telah berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah. Program ini bertumpu di bandar-bandar besar untuk mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah atau berkelayakan. Rumah ini disewakan pada kadar RM250.00 sebulan.

KPKT dan JPN telah memilih PPR Bukit Jalil sebagai projek perintis RT1M yang mana sebanyak 632 unit PPR ini telah diperuntukkan untuk pemohon yang berjaya.



Pelaksanaan program ini akan dilaksanakan di kawasan bandar-bandar utama menggunakan unit PPR sedia ada seperti di Kepong dan di Johor Bahru. Selain itu, JPN juga merancang untuk melaksanakan pembinaan 300 unit rumah di bawah Program RT1M untuk golongan muda di Bandar Belia 1Malaysia (1MYC) Tanjung Malim, Perak di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).



PENGUATKUASAAN

Pengkompaunan Kesalahan

Seramai 532 pemaju telah dikenakan kompaun pada tahun 2015 yang melibatkan 532 kesalahan yang dilakukan di bawah pelbagai akta dan peraturan.

Pengurusan Aduan Awam

Sepanjang tahun 2015, JPN menerima sebanyak 950 aduan berkaitan perumahan. Pada 31 Disember 2015, sebanyak 874 (92.00 peratus) aduan telah berjaya diselesaikan 76 (8.00 peratus) aduan masih dalam proses. Statistik aduan awam yang diterima mengikut jenis bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 39.

Jadual 41 Statistik Aduan Awam yang Diterima Mengikut Jenis bagi Tahun 2015		
BiL	Projek	Jumlah
1.	Aduan berkaitan lesen dan permit iklan dan jualan	126
2.	Aduan melibatkan agensi lain	0
3.	Hakmilik (individu / strata) dan bebanan tanah	39
4.	Infrastruktur (air / elektrik / jalan masuk)	44
5.	Ingkar award	20
6.	Kecacatan mutu kerja	302
7.	Aduan-aduan lain	59
8.	Pelbagai aduan berkaitan perjanjian jual beli	327
9.	Penyenggaraan / pengurusan bangunan dan harta bersama	6
10.	Projek bermasalah (sakit / lewat)	9
11.	Projek terbengkalai	3
12.	Sijil Layak Menduduki (CFO) / perakuan siap pemantauan CCC	15

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

MAJLIS PERUMAHAN NEGARA

Penubuhan Majlis Perumahan Negara (MPN) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2014 pada 25

Oktober 2013. MPN ditubuhkan untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaraskan aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah dengan lebih cekap dan cepat. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 November 2013 mengambil maklum bahawa MPN akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Peranan dan fungsi utama MPN adalah seperti yang berikut:

- i. memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai sebarang perkara berhubung sektor perumahan;
- ii. membolehkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama dan berunding mengenai sebarang perkara berhubung sektor perumahan; dan
- iii. merangka strategi dan pelan tindakan bagi menambahbaik sistem penyediaan perumahan.

Bagi tahun 2015, Mesyuarat MPN Siri Tiga Bilangan Satu 2015 yang diadakan pada 21 Ogos 2015 telah memutuskan perkara-perkara yang berikut:

- i. penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) khusus

- ii. untuk menyelenggara Projek Perumahan Rakyat (PPR); pelaksanaan peraturan dan kaedah baharu berhubung Skim Rumah Mampu Milik Swasta (MyHome) yang mana Kerajaan akan menyediakan pendahuluan pemberian subsidi berjumlah RM30,000.00 dengan syarat pihak pemaju menyediakan jaminan bon kepada Kerajaan;

- iii. dan mekanisme pelepasan unit rumah kuota Bumiputera di pasaran ditambahkan tempohnya selama tiga (3) bulan lagi yang mana selepas tamat tempoh khusus yang disediakan oleh kerajaan negeri, unit kuota Bumiputera akan diserahkan kepada KPKT untuk mendapatkan pembeli Bumiputera.



PECAH TANAH DAN PENYERAHAN PPR

Bagi tahun 2015, JPN telah melaksanakan tiga (3) majlis pecah tanah PPR iaitu:

i. Majlis Pecah Tanah PPR Sg Tengah, Matang, Sarawak pada 11 April 2015



ii. Majlis Pecah Tanah PPR Ladang Tanah Merah, Port Dickson pada 15 April 2015



iii. Majlis Pecah Tanah PPR Kota Belud, Sabah pada 10 Mei 2015



JPN juga telah melaksanakan perasmian dan penyerahan bagi tiga (3) projek PPR pada tahun 2015, seperti yang berikut

i. Majlis Serah Kunci PPR Kg Wai, Perlis pada 7 April 2015;



ii. Majlis Perasmian PPR Sg. Melana Indah, Johor pada 16 Mei 2015; dan



iii. Majlis Penyerahan Kunci PPR Ladang Siliau, Port Dickson pada 13 Oktober 2016.



PELANCARAN PROJEK PERUMAHAN SKIM PERUMAHAN MAMPU MILIK SWASTA (MYHOME)

Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 di

Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013. Skim ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik.

Skim MyHome menawarkan insentif RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-

pemaju swasta. Pada tahun 2014, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

Bagi tahun 2015, tiga (3) projek perumahan di bawah Skim MyHome telah dilancarkan, seperti dalam Jadual 40.

Jadual 40 Projek Perumahan MyHome yang dilancarkan pada tahun 2015

Bil	Projek	Perincian Projek	Tarikh Pelancaran
1.	Taman Jengka Indah Fasa II, Jengka, Pahang	58 unit rumah teres 1 tingkat dengan keluasan minima 900 kaki persegi	13 Jun 2015
2.	Seri Andaman Fasa 1, Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak	186 unit rumah teres 1 tingkat dengan keluasan minima 850 kaki persegi	8 Ogos 2015
3.	Pangsapuri Timbok Jaya Tuaran, Sabah	6 blok pangsapuri 11 tingkat dengan 1,200 unit rumah, yang dilengkapi dengan tiga (3) bilik dan dua (2) bilik air dengan keluasan minimum 879 kaki persegi	15 Ogos 2015

Taman Jengka Indah Fasa II, Jengka, Pahang



Seri Andaman Fasa 1, Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak



Pangsapuri Timbok Jaya Tuaran, Sabah



PENYERAHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGKALAI YANG DIPULIHKAN

JPN telah melaksanakan tiga (3) majlis penyerahan projek perumahan swasta terbengkalai yang telah dipulihkan, seperti yang berikut:

- i. Majlis Penyerahan Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Kunci Projek Taman Kelisa Ria, Kajang, Selangor pada 28 Oktober 2015;



ii. Majlis Penyerahan Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Kunci Projek Taman Saujana, Puchong pada 9 Disember 2015; dan



iii. Majlis Penyerahan Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Kunci Projek Taman Kota Lenggong, Perak pada 15 Disember 2015.



TAKLIMAT PEMAJU PERUMAHAN

Taklimat Pemaju Perumahan ini diadakan setiap tahun di seluruh Semenanjung Malaysia bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pemaju perumahan yang berlesen tentang kewajipan dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi berdasarkan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118). Bagi tahun 2015, JPN telah melaksanakan lima (5) sesi Taklimat Pemaju Perumahan seperti dalam Jadual 42.



Jadual 41 Pelaksanaan Taklimat Pemaju Perumahan bagi Tahun 2015			
Bil	Sesi	Tarikh	Tarikh Pelancaran
1.	Zon Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang)	11 Jun 2015	Terengganu Equestrian Resort, Kuala Terengganu
2.	Zon Tengah (WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor)	16 Jun 2015	Auditorium Mah Sing, Wisma REHDA, Petaling Jaya, Selangor
3.	Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor)	2 Julai 2015	Hotel Grand Paragon, Johor Bahru, Johor
4.	Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang)	30 Julai 2015	Cinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah
5.	Zon Barat (Perak)	6 Ogos 2015	Kinta Riverfront Hotel and Suites, Ipoh, Perak

PENYERTAAN DALAM PAMERAN PERUMAHAN DAN HARTANAH

Tujuan utama penglibatan JPN dalam program pameran adalah untuk mempromosikan semua program yang dilaksanakan oleh Jabatan serta menjadi platform untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada pengunjung tentang perkara asas yang berkaitan dengan perumahan seperti panduan membeli rumah, hak-hak pembeli serta pengurusan bangunan bertingkat.



KUNJUNGAN DAN LAWATAN KERJA DARIPADA AGENSI LUAR

Bagi tahun 2015 JPN telah menerima beberapa kunjungan rasmi serta lawatan kerja daripada agensi daripada dalam dan luar negara antaranya:

Pameran Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX)

Setiap tahun, JPN akan menyertai Pameran Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) yang dianjurkan oleh pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA). Bagi tahun 2015, JPN telah menyertai tiga (3) siri pameran MAPEX yang diadakan di sekitar Kuala Lumpur, seperti yang berikut:

- i. MAPEX MidValley pada 3 hingga 5 April 2015;
- ii. MAPEX Sunway Pyramid pada 31 Julai 2015 hingga 2 Ogos 2015; dan
- iii. MAPEX MidValley pada 30 Oktober 2015 hingga 1 November 2015.

Pameran Ecobuild SouthEast Asia

JPN juga turut terlibat dalam Pameran Ecobuild SouthEast Asia yang merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersempena dengan International Construction Week di Pusat Dangan Dunia Putra (PWTC) pada 9 hingga 11 September 2015.



- i. Lawatan Kerja daripada Delegasi Sharjah, United Arab Emirates pada 22 April 2015;
- ii. Lawatan Kerja daripada Universiti Sains Malaysia pada 10 Julai 2015;
- iii. Lawatan Kerja daripada Delegasi Botswana pada 7 September 2015;
- iv. Lawatan Kerja daripada Universiti Teknologi MARA pada 30 September 2015; dan
- v. Lawatan Kerja daripada Universiti Malaysia pada 23 November 2015.

Tujuan utama kunjungan agensi-agensi luar dalam dan luar negara ke JPN adalah untuk berkongsi pengalaman dan juga kepakaran di samping membantu dalam penyelidikan yang dibuat berkaitan industri perumahan negara serta mengeratkan hubungan antara JPN dengan agensi luar yang terlibat.



PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

Antara program/aktiviti JPN dalam mencapai sasaran bagi Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) – 2.1 Menyediakan Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti untuk Rakyat bagi tahun 2015 adalah melalui pelaksanaan PPR, Program RT1M dan Skim MyHome. Sasaran ini juga merupakan sasaran KPI untuk YB Menteri bagi tahun 2015.

Sasaran dan pencapaian pelaksanaan PPR, Program RT1M dan Skim MyHome bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 43.

Jadual 43 Sasaran dan Pencapaian Pelaksanaan PPR, Program RT1M dan Skim MyHome bagi tahun 2015				
Bil.	Program/Aktiviti MKRA	Sasaran	Pencapaian	Peratus Pencapaian (%)
1.	Bilangan unit PPR bagi rakyat yang berpendapatan di bawah RM2,500.00	3,940 unit	3,940 unit	100
2.	Bilangan unit RT1M yang disediakan bagi pasangan muda di Kuala Lumpur	500 unit	500 unit	100
3.	Bilangan unit yang diluluskan untuk insentif pemaaju di bawah Skim MyHome	7,000 unit	9,997 unit	143

TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA

LATAR BELAKANG

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) ditubuhkan pada 1 Disember 2002 melalui pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. TTPR telah mula beroperasi pada 1 Januari 2003 dan telah meluaskan operasinya di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan mulai 1 Januari 2011 melalui Perintah WP Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010. Dari tahun 2003 sehingga Julai 2015, TTPR merupakan satu-satunya tribunal yang diwujudkan di

VISI
Peneraju dalam penyelesaian pertikaian tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata menjelang tahun 2020

MISI
Menyelesaikan pertikaian dan mengadili tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata dengan telus dan berintegriti (secara kos efektif) dalam tempoh yang singkat

bawah KPKT. Selain daripada Akta 118, TTPR juga dikawal selia oleh Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah) 2002 yang memperuntukkan secara terperinci berkenaan peraturan-peraturan tuntutan terhadap pemaaju perumahan.

Pada 30 Januari 2013, KPKT telah bersetuju untuk menubuhkan

pejabat Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) yang menggabungkan TTPR dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS).

TPS ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang telah diluluskan dan diwartakan pada 8 Februari 2013.



Akta 757 mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015. TPS telah mula beroperasi pada 1 Julai 2015 dan dikawal selia oleh Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015.

Ibu pejabat TPPS beroperasi di Putrajaya dan mempunyai tiga (3) buah pejabat di Zon Timur (Kuala Terengganu), Zon Selatan (Johor Bahru) dan Zon Utara (Kepala Batas). TPPS mempunyai empat (4) buah mahkamah tribunal di Putrajaya manakala sebuah mahkamah tribunal bagi setiap pejabat zon. Selain daripada itu, TPPS mempunyai lima (5) buah mahkamah tambahan iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Muar.

OBJEKTIF

Tribunal yang mendengar dan mengendali tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata secara mudah, murah dan cepat

PERANAN DAN FUNGSI TTPR

- i) Forum alternatif untuk menyelesaikan pertikaian mengenai perumahan antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan

- ii) Mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan dan pertikaian yang timbul daripada perjanjian jual beli yang dibuat antara pembeli rumah dan Pemaju Perumahan berlesen seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 16N(2) Akta 118
- iii) Terdapat dua (2) bentuk tuntutan yang boleh difailkan di TTPR iaitu tuntutan bukan teknikal dan tuntutan teknikal:
 - **Tuntutan Bukan Teknikal**
Tuntutan bagi kelewatan penyerahan milikan kosong (*vacant possession*)
 - **Tuntutan Teknikal**
Tuntutan yang disebabkan oleh kecacatan mutu kerja atau bahan-bahan yang digunakan tidak mengikut pelan dan butiran seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli
- iv) Tuntutan tidak melebihi RM50,000.00

PERANAN DAN FUNGSI TPS

- i) Forum alternatif untuk menyelesaikan pertikaian mengenai isu-isu pengurusan strata. Pihak yang berhak mengemukakan tuntutan ialah:

- pemaju;
 - pembeli;
 - pemilik termasuk pemilik asal;
 - badan pengurusan bersama (JMB);
 - perbadanan pengurusan (MC);
 - perbadanan pengurusan subsidiari;
 - ejen pengurusan; dan
 - mana-mana orang berkepentingan dengan kebenaran Tribunal.
- ii) Mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan yang diperuntukkan dalam Bahagian 1 Jadual Keempat, Akta 757
 - iii) Tuntutan tidak melebihi RM250,000.00

PENCAPAIAN DAN PROGRAM/ AKTIVITI UTAMA

PENYELESAIAN KES

Bagi tahun 2015, jumlah kes yang didaftarkan di TPPS adalah sebanyak 1,657 kes dan 1,487 kes telah berjaya diselesaikan. Penyelesaian kes dijalankan menurut Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan iaitu bagi TTPR, penyelesaian kes dibuat dalam tempoh masa 120 hari bekerja dari tarikh pemfailan


kes manakala bagi TPS ialah dalam tempoh 150 hari bekerja. Bilangan kes yang difailkan dan diselesaikan bagi tahun 2015 mengikut kategori kes adalah seperti dalam Carta 7.

Bagi kes yang difailkan untuk tuntutan teknikal, TPPS bertanggungjawab ke atas pemeriksaan premis melalui arahan Presiden Tribunal yang mendengar kes-kes tersebut. Pada tahun 2015, daripada 276 kes yang didaftarkan, sebanyak 197 kes telah diarahkan untuk dibuat pemeriksaan teknikal dan semua kes ini telah diselesaikan dalam tahun 2015. Bilangan kes secara terperinci mengikut zon adalah seperti dalam Carta 8.


Sebanyak sembilan (9) kategori kecacatan/kerosakan utama telah dikenal pasti melalui kes-kes yang dilaporkan pada tahun 2015. Kategori tersebut adalah seperti yang berikut:


- i. keretakan pada dinding dan struktur binaan;
- ii. kerosakan struktur dan elemen;
- iii. kebocoran paip/tangki;
- iv. kesan air (*watermark*) pada dinding/syiling;
- v. saiz pintu/tingkap/kemasan yang tidak mengikut spesifikasi;
- vi. masalah jubin – *hollow*, warna, *crack*, *lippage* dan lain-lain;
- vii. masalah elektrik;
- viii. masalah mekanikal; dan
- ix. isu tidak mematuhi Perjanjian Jual dan Beli (S&P).

Carta 7 Jumlah Kes TTPS yang Didaftarkan dan Diselesaikan bagi Tahun 2015



Carta 8 Pemeriksaan Kes Teknikal Mengikut Zon bagi Tahun 2015





Pemasangan jubin yang tidak rata



Sambungan skirting kayu yang tidak sempurna



Pengujian ke atas kepugakan dinding



Pengujian keretakan pada sambungan antara binaan tembok pagar dan tiang



Siling berlubang



Mutu kerja lepaan dinding semasa pemasangan soket



Kesan air dan pengelupasan lapisan cat akibat kebocoran pada siling

PENGUATKUASAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 [AKTA 757]

Akta 757 telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2015 dan TPS mula beroperasi pada 1 Julai 2015. Tarikh permulaan kuat kuasa Akta 757 bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ialah pada 1 Jun 2015 kecuali Pulau Pinang pada 12 Jun 2015 manakala bagi negeri Johor, pelaksanaan Akta 757 ini adalah ditangguhkan.

GARIS PANDUAN PELANTIKAN ANGGOTA TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA

Garis Panduan Pelantikan Anggota Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT Bil. 4/2015 pada 18 Ogos 2015.

PELANTIKAN ANGGOTA TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA

Pada 9 Julai 2015, selaras dengan penguatkuasaan Akta 757, seramai 20 anggota tribunal telah dilantik dalam kalangan peguambela dan peguamcara sebagai mana diperuntukkan di bawah perenggan 103 (1) (b), Akta 757. Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan kepada Anggota Tribunal telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).





AKTIVITI PROMOSI DAN HEBAHAN

Sepanjang tahun 2015, TPPS telah mempergiatkan aktiviti untuk mempromosikan fungsi dan bidang kuasa TTPR dan TPS di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Aktiviti promosi ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pembeli-pembeli rumah dan pemilik bangunan berstrata mengenai forum alternatif yang disediakan oleh Kerajaan yang boleh membantu mereka menuntut hak-hak sebagai pembeli rumah serta untuk menyelesaikan pertikaian mengenai isu-isu pengurusan strata antara pihak-pihak yang terlibat dengan cara yang lebih mudah, murah dan cepat.

Taklimat, Edaran Brosur dan
Pembukaan Kaunter Pemfailan

Hebahan maklumat yang telah dilakukan adalah melalui taklimat kepada agensi/jabatan/kementerian secara menyeluruh. Objektif utama taklimat ini diadakan adalah untuk mewar-warkan fungsi dan bidang kuasa TTPR dan TPS serta panduan bagaimana suatu tuntutan boleh difailkan.

Bagi merealisasikan kempen kesedaran kepada orang ramai, TPPS juga meluaskan aktiviti promosi dengan melakukan aktiviti edaran brosur dengan menyasarkan taman-taman perumahan yang baharu siap dibina di seluruh negara. Melalui aktiviti edaran brosur tersebut, pembeli-pembeli rumah yang baru mendapat kunci rumah sedar dan tahu hak-hak serta kepentingan mereka seperti mana yang telah diperuntukkan dalam S&P dan Akta 118.

Selain aktiviti taklimat dan edaran brosur, pihak TPPS turut memperluaskan aktiviti promosinya dengan membuka kaunter pemfailan atau kaunter setempat di taman-taman perumahan baharu berdasarkan

kepada permintaan daripada penduduk. Melalui aktiviti ini, pihak TPPS dapat menyampaikan maklumat dan mempromosikan fungsi dan bidang kuasa TPPS dan seterusnya memfailkan tuntutan daripada pembeli rumah.

Jadual 43 menunjukkan bilangan aktiviti taklimat, edaran brosur dan pembukaan kaunter pemfailan yang telah dijalankan oleh TPPS bagi Tahun 2015.

Jadual 43 Statistik Taklimat, Edaran Brosur dan Pembukaan Kaunter Pemfailan yang Dijalankan oleh TPPS mengikut Zon bagi Tahun 2015

Bil.	Zon	Bilangan Aktiviti yang Telah Dijalankan		
		Taklimat	Edaran Brosur	Pembukaan Kaunter Pemfailan
1.	TPPS Ibu Pejabat	23	29	6
2.	TPPS Zon Utara	29	43	11
3.	TPPS Zon Timur	18	29	6
4.	TPPS Zon Selatan	33	32	5
Jumlah		93	133	28



Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX)

Pihak TPPS juga turut mempromosikan fungsi dan bidang kuasanya melalui ekspo-ekspo yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkaitan, antaranya ialah Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX). Setiap tahun, pihak TPPS menerima jemputan daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) untuk membuka ruang pameran (booth) bagi mewar-warkan kewujudan TPPS dan seterusnya dapat menyampaikan peranan TPPS kepada umum terutamanya pembeli-pembeli rumah.

PENGANJURAN BENGKEL

Bengkel Presiden TTPR dan TPS

Bagi meningkatkan kecekapan pengendalian kes-kes di TPPS, satu bengkel Presiden TTPR dan TPS telah diadakan pada 25 hingga 27 November 2015 di Hotel Thistle, Port Dickson. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 26 orang Presiden Tribunal dan 18 orang warga TPPS. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan berkenaan isu-isu yang timbul dalam pengendalian kes-kes tuntutan di TPPS serta cabaran yang perlu dihadapi dalam mengendalikan kes-kes tersebut.



Bengkel Pemahaman Akta 757

Bagi meningkatkan kecekapan pengendalian kes-kes di TPPS, satu Bengkel Pemahaman Akta 757 telah diadakan pada 9 hingga 11 Disember 2015 di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bangi, Selangor. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 39 orang warga TPPS. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kefahaman dalam menyelesaikan

permasalahan kepada pegawai dan kakitangan TPPS mengenai Akta 757 serta memudahkan dan melancarkan proses kerja bagi kes-kes pengurusan strata di TPPS.

Bengkel Penilaian Kecacatan dan Kerosakan Bangunan Perumahan

Bengkel Penilaian Kecacatan dan Kerosakan Bangunan Perumahan telah diadakan di Hotel Sentral Riverview, Melaka pada 9 hingga



11 Jun 2015 melibatkan 28 orang pegawai TPPS. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran bagi pemeriksaan bangunan.

Bengkel Perancangan Strategik TPPS

Seksyen Khidmat Pengurusan TPPS telah menganjurkan Bengkel Perancangan Strategik TPPS pada 28 hingga 30 Oktober 2015 di Hotel Hatten, Melaka bertujuan untuk menentukan hala tuju TPPS dan menyelaraskan pelaksanaan Akta 757.

LAWATAN KERJA

Satu lawatan kerja ke Kilang Monier (M) Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor telah diadakan pada 15 September 2015 bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kaedah pembuatan *roof tiles*, kawalan kualiti pembuatan, kaedah dan prosedur



pemasangan bumbung (*roof tiles*) mengikut spesifikasi serta pendedahan kepada kecacatan-kecacatan pemasangan bumbung yang sering kali terjadi dan kaedah pembaikannya.

ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

ISU : INGKAR AWARD

Ingkar award akan berlaku sekiranya pemaju gagal atau tidak mematuhi *award* yang telah dikeluarkan oleh Tribunal berdasarkan Subseksyen 16AC(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Penyelesaian

Bagi proses ingkar *award*, pihak pemaju yang gagal mematuhi *award* yang dikeluarkan oleh Tribunal dalam tempoh masa yang ditetapkan, pihak yang menuntut (PYM) hendaklah

membuat aduan ingkar *award* kepada Tribunal.

Pihak Tribunal akan mendaftarkan ingkar *award* tersebut di Mahkamah menurut Seksyen 16AC(2) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] yang memperuntukkan pendaftaran suatu salinan *award* yang dibuat oleh Tribunal kepada Mahkamah Majistret. Setelah selesai pendaftaran ingkar *award* tersebut, pihak Tribunal akan mengemukakan satu salinan surat makluman ingkar *award* tersebut kepada PYM. *Award* yang telah didaftarkan ini boleh dikuatkuasakan oleh pihak PYM melalui tindakan sivil dengan memfailkan apa-apa prosiding pelaksanaan seperti Saman Penghutang Penghakiman, Writ Penyitaan dan Penjualan atau Prosiding Garnisi di mahkamah.

Tindakan selanjutnya perlu dilakukan oleh PYM adalah untuk mengemukakan *award* tersebut kepada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara (JPN) bagi membolehkan tindakan pendakwaan diambil terhadap pemaju disebabkan keingkaran *award* TTPR.

PROGRAM KERAJAAN TEMPATAN

JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

LATAR BELAKANG

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) ditubuhkan pada 24 Mei 1964 untuk membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam memberi perkhidmatan yang diperlukan ke arah mempertingkatkan kualiti hidup penduduk dalam kawasan PBT.

JKT diperkasa dengan perjawatan sebanyak 361 yang mana 227 perjawatan adalah di Pejabat JKT,

VISI

Ke arah mewujudkan PBT yang berdaya saing, dinamik dan mapan dalam memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti

MISI

Menyediakan keperluan dan khidmat sokongan bagi PBT meningkatkan kualiti pengurusan serta membudayakan tadbir urus yang baik

manakala bakinya, 134 perjawatan lagi merupakan pegawai kader yang berkhidmat di Unit OSC (One Stop Centre) yang ditempatkan di pejabat PBT.



PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

- Membantu membimbing dan menggalakkan PBT dalam merancang, mengawal dan melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan perkhidmatan perbandaran ke arah pembentukan masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya maju selaras dengan matlamat pembangunan negara
- Menentukan PBT wujud sebagai Unit-unit Kerajaan Tempatan yang cekap dan berupaya dari segi pentadbiran dan kewangan agar mereka dapat menyediakan dan memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang moden dan bermutu untuk faedah dan kesejahteraan masyarakat tempatan yang ditadbir
- Menentukan PBT dapat memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam pembangunan kawasan bandar dan luar bandar melalui pelaksanaan projek-projek prasarana, perniagaan dan separuh perniagaan dan menentukan aktiviti-aktiviti pembangunan pada peringkat PBT dijalankan mengikut kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru dari segi matlamat penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat



- Menentukan PBT dapat memainkan peranan sebagai Unit Pentadbiran Kerajaan yang berkesan dari segi mendapatkan penyertaan serta penglibatan rakyat tempatan dalam hal ehwal tempatan
- Membentuk dan menjadikan PBT sebagai pihak berkuasa perancangan yang berkesan, berkebolehan dan cekap dalam menjalankan tugas dengan sempurna pada peringkat tempatan dengan mengikut perancangan yang

- baik dan sistematik bagi mengawal aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar melalui kaedah-kaedah yang telah ditetapkan
- Mewujudkan dan mengekalkan hubungan kerjasama yang baik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain pada semua peringkat dalam segala hal berkaitan dengan dasar dan pentadbiran Kerajaan Tempatan

PENCAPAIAN

PELAKSANAAN PELAN TRANSFORMASI PBT – PROGRAM TAUTAN HATI

Program Tautan Kasih merupakan program di bawah Fasa 1 dalam kerangka pelaksanaan Pelan Transformasi PBT. Pelan yang diaplikasi mulai Mei 2015 hingga tahun 2018 ini adalah berobjektif untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PBT, kesejahteraan dan kelestarian persekitaran.

Dalam usaha untuk memberi penerangan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan program dalam pelan ini dan seterusnya mendapatkan sokongan untuk dilaksanakan selepas pelan dilancarkan, Urus Setia Jawatankuasa Pelan Transformasi PBT yang dipengerusikan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) selaku penasihat telah mengadakan lawatan dan sesi libat urus (*engagement*) dengan kerajaan-kerajaan negeri serta PBT.

Pada tahun 2015, sebanyak tujuh (7) Program Tautan Hati dilaksanakan melibatkan negeri-negeri yang berikut:

- | | |
|---------------------------------------|---|
| i. Negeri Sembilan pada 3 April 2015; | v. Perlis pada 5 September 2015; |
| ii. Perak pada 9 April 2015; | vi. Johor pada 12 Oktober 2015; dan |
| iii. Terengganu pada 27 April 2015; | vii. Pulau Pinang pada 20 Oktober 2015. |
| iv. Kedah pada 4 September 2015; | |



Berdasarkan pada maklum balas yang diberikan oleh negeri-negeri ini, semuanya menyokong penuh inisiatif Pelan Transformasi PBT untuk dilaksanakan di PBT masing-masing. Malah terdapat beberapa program yang dicadangkan dalam pelan ini telah dilaksanakan pada peringkat negeri. Ini menunjukkan program-program yang dibangunkan dalam pelan ini adalah selari dengan kehendak pemegang taruh (*stakeholder*) dan memenuhi aspirasi mereka dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan tempatan serta mensejahterakan kehidupan rakyat setempat.

PENYEDIAAN SENARAI SEMAK KEMUDAHAN AKSES BERDASARKAN REKA BENTUK SEJAGAT MS1184:2014

JKT telah menyediakan Senarai Semak Kemudahan Akses Berdasarkan Reka Bentuk Sejagat yang disediakan berdasarkan MS1184:2014 yang telah dikeluarkan pada Jun 2014 dan Undang-undang Kecil 34A, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984. Senarai semak ini telah diedarkan pada Julai 2015 kepada jabatan/agensi/teknikal dan badan profesional yang berkaitan untuk diguna pakai.

Tujuan utama senarai semak ini adalah bagi membantu dan memudahkan semua pihak berkaitan dalam merancang, mereka bentuk, menyediakan, menyelarar serta seterusnya mengaudit keperluan reka bentuk sejagat yang merangkumi golongan warga emas, kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU) di kawasan pentadbiran PBT.

Penggunaan senarai semak ini adalah langkah memastikan semua bangunan yang boleh diakses oleh orang awam dilengkapi dengan kemudahan akses bagi semua golongan masyarakat termasuk OKU. Ini selari dengan sokongan yang dinyatakan oleh Kerajaan Malaysia dan United Nations



Economic and Social Commission for Asia and The Pacific (UN ESCAP) untuk menerima pakai Ministrial Declaration mengenai Incheon Strategy to 'Make the Right Real' for Persons with Disabilities in Asia and Pacific pada November 2012. Salah satu startegi yang dinyatakan di bawah Incheon Startegi adalah melibatkan aksesibiliti kepada golongan OKU.



PROGRAM/AKTIVITI UTAMA
MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-69

Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-69 (MNKT ke-69) telah bersidang pada 26 Januari 2015 bertempat di Jabatan Perdana Menteri yang telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin (Timbalan Perdana Menteri) Mesyuarat telah mempertimbangkan empat (4) kertas daripada KPKT, iaitu:

- i. Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013;

ii. Cadangan Pemakaian Malaysia Private Entities Reporting Standards (MPERS) Sebagai Asas Penyediaan Penyata Kewangan Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata;

iii. Peraturan-peraturan Pengurusan Strata; dan

iv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-pulau dan Taman Laut.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KPKT:

i. Memohon Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dalam Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia; dan

ii. Status Sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan kepada Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWSPSPA) bagi Pembayaran Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.
- Mesyuarat juga mengambil maklum dua (2) kertas dari

MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR 2015

KPKT dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) dan Mesyuarat Penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) 2015 pada 15 Mac 2015 bertempat di Hotel Weil, Ipoh, Perak. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Pada majlis ini juga turut diadakan penyampaian Titian Kasih kepada Ketua Isi Rumah; Penyampaian Hadiah Pertandingan Bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 dan Penyampaian Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada kesemua 15 PBT di Negeri Perak. JPPBT ini dihadiri oleh 350 orang yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Pengerusi PBT, wakil Kerajaan Negeri dan beberapa agensi pusat yang berkaitan bagi

membincangkan isu-isu seperti yang berikut:

- i. penyampaian perkhidmatan di PBT yang boleh memberi impak kepada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan Pusat berhubung dengan Kerajaan Tempatan;

ii. penyediaan peluang kepada PBT untuk berkongsi
- pengalaman dan pandangan serta mendapatkan maklum balas bagi memperbaiki kualiti penyampaian perkhidmatan di PBT; dan

iii. sebagai forum untuk meningkatkan pemahaman Kerajaan Negeri dan PBT terhadap dasar-dasar serta program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan

Pusat bagi membolehkan PBT memberi perkhidmatan yang lebih efektif kepada penduduk setempat.

Sebanyak enam (6) kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat JPPBT kali ini, seperti dalam Jadual 44.

Jadual 44 Kertas Kerja yang Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2015		
Bil	Tajuk Kertas	Agensi
1.	Akta Pengurusan Strata	KPKT
2.	Cadangan Indikator dan Kaedah Baharu Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan (SPB-PBT) 2015	KPKT
3.	Projek Pembangunan BP1: Integriti dan Keefisienan dalam Perlaksanaan Projek	KPKT
4.	Transformasi Zoo Taiping dan Night Safari: Ke Arah Zoo Bertaraf Antarabangsa	Majlis Perbandaran Taiping
5.	Kerjasama PBT dalam Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
6.	Memohon Kerjasama PBT dalam Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Sekolah-sekolah	Kementerian Pendidikan Malaysia



SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA 2015

Sambutan Hari Tandas Sedunia 2015 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Ahmad Razif bin Abdul Rahman (Menteri Besar negeri Terengganu) pada 19 November 2015, bertempat di Dataran Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu, Terengganu.

Sambutan tahun ini dianjurkan oleh KPKT melalui JKT dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT). Terengganu dipilih sebagai lokasi sambutan kali ini atas komitmen sangat tinggi dan luar biasa yang dipamerkan oleh MBKT dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam mewujudkan tandas awam bersih.

Tema "Tandas Bersih, Rakyat Selesa" yang didefinisikan sebagaimemenuhi ekspektasi pelanggan di samping mengubah persekitaran perbandaran kepada yang lebih bersih ini dipilih adalah selaras dengan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang dilaksanakan oleh KPKT.

Antara aktiviti yang telah dijalankan bersempena dengan Sambutan Hari Tandas Sedunia tahun ini ialah:

- i. menjalankan audit kebersihan tandas awam di kawasan-kawasan PBT bertujuan memantau tahap kebersihan tandas awam di Malaysia;
- ii. mewujudkan Pelan Tindakan Tandas Bersih Kebangsaan;
- iii. mewujudkan Manual Pembersihan Tandas Awam bagi kegunaan PBT;
- iv. penyampaian Anugerah Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia kepada para pemenang bagi 12 kategori tandas yang dipertandingkan;
- v. Seminar Mengenai Kebersihan Tandas pada 18 November 2015; dan
- vi. pembukaan gerai pameran pada majlis perasmian yang mempamerkan barangan dan peralatan yang berkaitan dengan penjagaan tandas dan kebersihan.



PROGRAM PENARAFAN BINTANG (STAR RATING) TANDAS AWAM DI PBT

Menerusi Program Penarafan Bintang (*Star Rating*) Tandas Awam di PBT yang mula dilaksanakan pada tahun 2010, JKT membuat pemantauan kualiti tandas awam milik yang disediakan oleh PBT. Sehingga kini, hasil pemantauan mendapati tahap kebersihan tandas awam masih lagi tidak memuaskan yang mana hanya 56 peratus tandas awam mendapat penarafan tiga (3) bintang ke atas.

Melalui kajian yang dijalankan oleh JKT bersama-sama dengan pihak berkepentingan (badan bukan kerajaan, pihak industri, agensi-agensi pusat), telah dikenal pasti tiga (3) faktor utama yang menyumbang kepada keadaan tandas yang tidak bersih iaitu pengurusan, reka bentuk dan etika pengguna.

Sehubungan dengan itu, langkah proaktif telah diambil oleh KPKT dan JKT iaitu dengan menyalurkan peruntukan untuk menaik taraf dan baik pulih tandas-tandas awam sedia ada.

Pada tahun 2015, KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM23.6 juta untuk menaik taraf dan membaik pulih sejumlah 325 buah tandas awam.

Kerajaan menerusi KPKT sentiasa menjalankan aktiviti bersama kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Pelancongan Malaysia bagi memastikan tandas di kawasan tarikan pelancong seperti taman negara, zoo, pusat membeli-belah dan pintu-pintu masuk negara seperti lapangan terbang sentiasa berada di tahap yang terbaik.



PERSIDANGAN KESIHATAN PERSEKITARAN PBT 2015

Persidangan Kesihatan Persekitaran PBT Peringkat Kebangsaan bersempena dengan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia 2015 telah diadakan pada 8 dan 9 September 2015 bertempat di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan Labuan.

Persidangan yang bertemakan "Kanak-kanak adalah Masa Hadapan Kita, Bersama Kita Lindungi Persekitaran dan Kesihatan Mereka" ini dianjurkan oleh JKT dengan kerjasama Perbadanan Labuan dan dirasmikan oleh YBr. Dr. AB Rahman bin Awang (Ketua Pengarah, JKT).

Sepanjang dua (2) hari persidangan, sebanyak 10 kertas kerja telah dibentangkan, seperti dalam Jadual 45.

Jadual 45 Kertas Kerja yang Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2015	
Tajuk Kertas	Pembentang
Sesi 1 : Sanitari Bandar	
Pelan Tindakan Kebersihan Kebangsaan 2015-2020	Encik Norddin bin Daud Kementerian Kesihatan Malaysia
PBT di Hati Rakyat	Encik Mohamad Haniff bin Hashim JKT
Sesi 2: Kesihatan Awam	
Pembangunan Bandar Mampan ke Arah Persekitaran Sejahtera	Dr. Azmizam Abdul Rashid Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)
Pengurusan Banjir	Dr. Rosli bin Mohamad Majlis Perbandaran Kemaman
Sesi 3: Kawalan Penyakit Dan Vektor	
Outdoor Residual Spray (ORS) Sebagai Pencegahan dan Kawalan Denggi	Encik Topek bin Omar Kementerian Kesihatan Malaysia
Kejadian Denggi di Kelantan 2014	Tuan Haji Mustapha bin Ab Rahman Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Epidemiology and Current Situation of Leptospirosis in Malaysia	Dr. Zainudin bin Abdul Wahab Kementerian Kesihatan Malaysia
Sesi 4: Pengurusan Kesihatan Persekitaran	
Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam Kawasan PBT	Encik Ismail bin Mokhtar Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT
Pelan Transformasi Minda: Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera 2015 - 2020	Encik Ishanuddin bin Hussain, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
Creating an Awareness Among Consumers to Minimize Municipal Solid Waste Gearing Towards Vison 2020 in Malaysia	Dr. Indrakaran T. Karthigesu, Universiti Putra Malaysia



PROGRAM PEMANTAUAN AUDIT TEKNIKAL (PPAT) KESIHATAN PERSEKITARAN 2015

Pada tahun 2015, sejumlah 33 buah PBT telah dilawati oleh Pasukan Pemantauan Audit Teknikal (PPAT) Kesihatan Persekitaran, JKT.

Salah satu program yang dibuat penilaian adalah berkaitan program kawalan dan keselamatan makanan yang dijalankan oleh anggota di PBT. Pemantauan yang dijalankan adalah untuk memastikan peruntukan yang diagihkan kepada PBT telah dimanfaatkan sepenuhnya. Selain itu, PPAT juga akan memastikan kaedah perolehan dan pembayaran telah dilaksanakan mengikut tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

Pemantauan dari aspek aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PBT seperti pemeriksaan dan penggredan premis makanan, pemantauan penjualan makanan di luar pagar sekolah serta pemeriksaan kawasan mesra bayi juga dilakukan.



PROGRAM PEMERIKSAAN PANTAI DI KAWASAN PBT YANG BERISIKO TERCEMAR

Pada tahun 2015, JKT telah menjalankan program sambungan bagi pemeriksaan pantai di kawasan PBT yang berisiko tercemar. Tujuan utama diadakan program ini adalah untuk:

- i. memeriksa dan mengenal pasti punca-punca risiko yang berpotensi menyebabkan kejadian pencemaran di kawasan pantai;
- ii. memeriksa dan mengenal pasti fasiliti-fasiliti yang disediakan di kawasan pantai untuk kegunaan orang ramai; dan
- iii. mendapatkan maklumat mengenai pengurusan pantai.

Jadual 46 menunjukan enam (6) lokasi pantai bagi Program Pemeriksaan Pantai di Kawasan PBT yang Berisiko Tercemar pada tahun 2015



Jadual 46 Lokasi Pantai bagi Program Pemeriksaan Pantai di Kawasan PBT yang Berisiko Tercemar pada tahun 2015

Bil	Lokasi Pantai	PBT	Tarikh Pemeriksaan
1.	Pantai Leman, Kedah	Majlis Bandaraya Alor Setar	16 – 19 Mac 2016
2.	Pantai Kuala Sanglang, Kedah	Majlis Daerah Kubang Pasu	
3.	Pantai Teluk Kemang, Negeri Sembilan	Majlis Perbandaran Port Dickson	10 - 11 Mac 2016
4.	Pantai Teluk Gemuk, Negeri Sembilan		
5.	Pantai Tanjung Bidara, Melaka	Majlis Perbandaran Alor Gajah	26 - 27 Mac 2016
6.	Pantai Pengkalan Balak, Melaka		

PERTANDINGAN ANUGERAH MEDAN SELERA BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

Sebagai inisiatif memastikan medan selera di seluruh negara sentiasa menyediakan makanan yang bersih, sihat dan selamat, JKT telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia buat julung kalinya menganjurkan Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Sihat dan Selamat Peringkat Kebangsaan Tahun 2015.

Salah satu objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan pengendali makanan di medan selera mengenai kepentingan membudayakan amalan kebersihan dan keselamatan dalam penyediaan makanan. Sebanyak lima (5) kategori dipertandingkan, iaitu:

- i. Kategori A: Medan selera di bawah PBT/agensi kerajaan yang mempunyai bilangan premis makanan 30 dan ke bawah;
- ii. Kategori B: Medan selera di bawah PBT/agensi kerajaan yang mempunyai bilangan premis makanan 31 dan ke atas;
- iii. Kategori C: Medan selera swasta yang beroperasi di dalam kompleks membeli-belah/hypermarket atau bangunan sendiri;
- iv. Kategori D: Medan selera yang beroperasi di terminal pengangkutan awam; dan
- v. Kategori E: Medan selera yang beroperasi di kawasan rehat dan rawat.



Media selera yang menjadi johan bagi setiap kategori akan dinilai untuk menentukan pemenang johan keseluruhan. Keputusan pertandingan adalah seperti dalam Jadual 47.

Jadual 47 Keputusan Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Sihat dan Selamat Peringkat Kebangsaan Tahun 2015

Kategori	Johan	Naib Johan	Ketiga
Pemenang Keseluruhan	Medan Selera TESCO Lembah Sireh, Kota Bharu, Kelantan	Medan Selera R&R Hentian Gua Musang, Kelantan	Medan Selera Terminal Bas Port Dickson, Negeri Sembilan
A	Medan Selera Kiosk Saujana Walk, Port Dickson, Negeri Sembilan	Medan Selera Kota Kinabalu, Sabah	Medan Selera Kompleks Niaga Fasa 1, Jerantut, Pahang
B	Medan Selera Kompleks Bukit Gedung, Bayan Lepas, Pulau Pinang	Medan Selera Taman Setiawangsa, K.Lumpur	Medan Selera Sri Selayang Baru, Selayang, Selangor

Kategori	Johan	Naib Johan	Ketiga
C	Medan Selera TESCO Lembah Sireh, Kota Bharu, Kelantan	Medan Selera Johor Premium Outlet Kulaijaya, Johor	Medan Selera TESCO Store, Bukit Tinggi, Klang, Selangor
D	Medan Selera Terminal Bas Port Dickson, Negeri Sembilan	Medan Selera Terminal Bas Segamat Johor	Medan Selera KLIA (Food Garden).
E	Medan Selera R&R Hentian Gua Musang, Kelantan	Medan Selera R&R Dengkil Arah Selatan, Selangor	Medan Selera R&R Juru Arah Selatan, Pulau Pinang

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr. S. Subramaniam (Menteri Kesihatan Malaysia) pada 25 November 2015 bertempat di R&R Dengkil Arah Selatan.

PELANCARAN APLIKASI I-KEPOH/CAKNA

Aplikasi i-Kepoh ataupun sebelum ini dikenali sebagai dengan nama Cakna merupakan satu inovasi baharu yang dibangunkan secara dalaman (*in-house*) Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT dan diselaraskan oleh JKT untuk memberi kemudahan kepada orang awam bagi membuat sebarang aduan bergambar kepada PBT melalui peranti mudah alih.

Aplikasi i-Kepoh ini juga membolehkan pemantauan dan pengendalian aduan secara lebih berkesan oleh pengurusan atasan PBT dan KPKT melalui satu sumber sistem yang sama dan mudah dicapai.

Majlis pelancaran aplikasi ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) yang diadakan bersekali dengan Seminar Kecemerlangan PBT pada 29

Oktober 2015 di A’Famosa Resort, Melaka.

Bagi fasa pertama pelaksanaan i-Kepoh, sebanyak tujuh (7) PBT telah terpilih sebagai perintis iaitu:

- i. Majlis Bandaraya Johor Bahru;
- ii. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah;
- iii. Majlis Perbandaran Alor Gajah;
- iv. Majlis Perbandaran Jasin;
- v. Majlis Perbandaran Hang Tuah;
- vi. Majlis Perbandaran Bentong; dan
- vii. Majlis Daerah Tanjung Malim.



Walau bagaimanapun, orang awam masih boleh membuat aduan yang berkaitan PBT yang bukan perintis. Semua aduan ini akan disalurkan kepada PBT terlibat dan dipantau oleh JKT. Terdapat 10 kategori aduan yang disediakan dalam i-Kepoh iaitu kerosakan jalan, tumbuhan/ rumput, lampu/lampu isyarat, papan tanda/iklan, serangga/ haiwan, sampah, parkir/binaan, pembakaran terbuka, tandas dan longkang/parit.

SEMINAR KECEMERLANGAN PBT

Bersekali dengan pelancaran Aplikasi i-Kepoh/CAKNA, turut

melancarkan Seminar Kecemerlangan PBT oleh YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam seminar yang dianjurkan oleh JKT ini, tiga (3) kertas kerja telah dibentangkan seperti dalam Jadual 48.



Jadual 48 Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Seminar Kecemerlangan PBT

Bil	Tajuk Kertas Kerja	Agensi
1.	Inisiatif-inisiatif Kemampanan dan Komponen Teknologi Hijau Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
2.	Penyertaan Awam dalam Pembangunan Komuniti	Majlis Perbandaran Seberang Perai
3.	Pemeriksaan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)	Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT

PENYERAHAN PERUNTUKAN KHAS BP.1 TAHUN 2015

Majlis Penyerahan Peruntukan Khas BP.1 Tahun 2015 kepada 95 buah PBT telah berlangsung pada 9 September 2015 di Dewan Kristal, KPKT. Majlis yang disempurnakan oleh YBhg. Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) ini merupakan simbolik bagi penyerahan surat kelulusan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi pelaksanaan projek BP.1 melibatkan sebanyak 966 buah projek.



PROGRAM/AKTIVITI
BERKAITAN NKEA/NKRA

PROJEK PEMASANGAN SISTEM
PEMANTAUAN KAMERA LITAR
TERTUTUP (CCTV) DI BAWAH
PROGRAM BANDAR SELAMAT

Projek Pemasangan Sistem Pemantauan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di bawah Program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh KPKT merupakan salah satu daripada inisiatif mengurangkan jenayah, yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). JKT telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek pemasangan CCTV di PBT terpilih seluruh negara dengan memberi fokus kepada kawasan *hotspot* yang dikenal pasti oleh pihak KDN berdasarkan kepada rekod jenayah yang dicatatkan di sesuatu kawasan berkenaan.

Pelaksanaan projek pemasangan CCTV di bandar kawasan *hotspot* seluruh negara adalah bertujuan untuk:

- i. membantu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengurangkan indeks jenayah jalanan di bandar terutamanya di kawasan *hotspot* sebanyak lima (5) peratus;
- ii. membantu pihak PBT dalam kawalan, penguatkuasaan dan pengurusan terhadap

masalah lalu lintas, lot parkir kenderaan, pembuangan sampah dan lokasi-lokasi lain dalam bandar; dan

- iii. membantu meningkatkan persepsi dan keyakinan rakyat terhadap kawalan keselamatan di tempat umum dan terbuka.

Skop projek ini termasuk untuk membekal, memasang, menguji terima dan menyelenggara CCTV yang dibahagikan kepada dua (2) fasa.

Projek fasa 1 bermula pada bulan Februari 2010 sehingga April 2016, sementara projek fasa 2 bermula pada November 2013 dan akan berakhir pada April 2021. Tempoh kontrak projek ini melibatkan 12 bulan tempoh pemasangan dan 60 bulan tempoh perkhidmatan CCTV secara sewaan. Secara keseluruhannya, projek ini melibatkan pemasangan 992 unit CCTV di 45 PBT di seluruh negara.

Oleh kerana kejayaan projek ini, pihak berkuasa negeri dan PBT di seluruh negara juga, dengan menggunakan kos pembiayaan sendiri, telah memasang tambahan 3,247 unit CCTV yang akan meningkatkan lagi tahap pemantauan dan kawalan keselamatan di kawasan awam.



NKEA GREATER KL/KLANG
VALLEY (EPP #5: RIVER OF
LIFE)

River of Life (RoL) merupakan salah satu Entry Point Project (EPP) di bawah NKEA: Greater Kuala Lumpur / Klang Valley bertujuan untuk mentransformasikan Sungai Klang sebagai kawasan yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Transformasi Sungai Klang dalam projek RoL ini melibatkan tiga (3) komponen penting:

- i. Pembersihan Sungai (River Cleaning Task Force);
- ii. Pelan Induk Sungai (River Masterplan Task Force); dan
- iii. Pembangunan Sungai (River Development Task Force).

Penglibatan KPKT menerusi JKT dalam projek RoL ini adalah di bawah komponen Pembersihan Sungai yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

JKT telah dilantik untuk mengetuai *Sub-Task Force Key Initiative No. 10: Promote, Enforce, and Manage River Cleanliness and Health – Restaurants, Workshops and other Commercial Outlets (KI-10)*. JKT bertindak sebagai penyelaras kepada PBT yang terlibat iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi pemasangan perangkap minyak berpusat.

Objektif penglibatan JKT dalam program ini ialah:

- i. mengawal selia PBT yang terlibat dalam melaksanakan program pemasangan perangkap minyak bagi mengurangkan kadar pencemaran Fat, Oil and Grease (FOG) ke sungai dalam kawasan RoL; dan
- ii. menyumbang kepada mengurangkan pencemaran ke sungai serta saliran dalam

merealisasikan kehendak objektif RoL untuk meningkatkan kualiti air di sepanjang 110km Sungai Klang dan Sungai Gombak daripada Kelas III-V (tidak sesuai untuk sentuhan badan) kepada Kelas IIb (sesuai untuk sentuhan badan) pada tahun 2020.

Jadual 49 menunjukkan senarai PBT dan bilangan pemasangan perangkap minyak yang dipasang oleh PBT pada tahun 2014 dan 2015 yang menerima peruntukan pembangunan.

Jadual 49 senarai PBT dan bilangan pemasangan perangkap minyak yang dipasang oleh PBT pada tahun 2014 dan 2015

Tahun	PBT	BiL Perangkap Minyak	BiL Lokasi
2014	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	0	0
	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	8	5
	Majlis Perbandaran Selayang	24	16
2015	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	44	7
	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Dalam kajian	6
	Majlis Perbandaran Selayang	Dalam kajian	8

ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

ISU: TAHAP KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN YANG MASIH RENDAH

Tahap kebersihan premis makanan di Malaysia menjadi salah satu isu yang sentiasa diperkatakan oleh masyarakat negara ini. Pelbagai aduan berkaitan premis makanan yang kotor sering diterima oleh pihak kerajaan, malah masih ada premis makanan yang tidak mencapai gred C.

Penyelesaian

Pada tahun 2015, JKT telah bekerjasama dengan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menganjurkan Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Sihat dan Selamat. Ini bagi memastikan semua medan selera di seluruh Malaysia menjaga kebersihan premis masing-masing. Di samping itu, penganjuran pertandingan ini juga akan dapat mempromosikan kepada masyarakat agar memilih premis yang bersih sahaja, iaitu premis bergred A dan B.



JABATAN LANDSKAP NEGARA

LATAR BELAKANG

Penubuhan Jabatan Landskap Negara (JLN) adalah hasil daripada satu evolusi penyediaan perkhidmatan landskap di Malaysia yang bermula dengan tertubuhnya Unit Landskap di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 1981. Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 24 Mei 1995 telah memutuskan supaya diwujudkan sebuah jabatan yang diketuai oleh seorang pegawai kanan, khusus bertanggungjawab ke atas usaha-usaha untuk melandskapkan seluruh negara. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kementerian Kewangan diminta untuk menyediakan peruntukan khusus bagi landskap.

Seterusnya, mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 November 1995 telah meluluskan penubuhan

VISI

Menjadi peneraju dan pusat kecemerlangan dalam pembangunan landskap untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti, mampan dan beridentitikan Malaysia

MISI

Mempastikan pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti bagi menyediakan persekitaran hidup yang kondusif

JLN dan diletakkan di bawah pentadbiran KPKT. Secara rasminya, JLN ditubuhkan pada 1 Januari 1996.



OBJEKTIF

- Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat
- Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap seluruh negara melalui penggubalan dan penguatkuasaan dasar, peraturan dan akta berkaitan
- Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan sekitar melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan
- Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan 'kos efektif'
- Meningkatkan profesionalisma dalam amalan perancangan, pembangunan, dan pengurusan landskap negara
- Mengenal dan memperkayakan sumber landskap negara untuk faedah akan datang;
- Menggalak pembangunan industri landskap

PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

- Merancang, menyelaras, melaksana dan mengawal selia pembangunan landskap, keperluan kawasan lapang,

kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara

- Penguatkuasaan perundangan, perlaksanaan dasar dan garis panduan pada pelbagai peringkat dalam perancangan, perlaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap
- Menjana pembangunan dan pengembangan industri landskap
- Melaksana dan menyelaras aplikasi program penyelidikan

pada pelbagai bidang berkaitan landskap

- Menyediakan kepakaran teknikal yang mantap untuk pembangunan sumber landskap negara yang efisien
- Menjadi penasihat kepada pelbagai peringkat kerajaan dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap
- Sebagai pusat akreditasi landskap negara



PENCAPAIAN

PENGGUBALAN DASAR

Pada tahun 2015, JLN telah menggubal dua (2) akta yang dalam proses perlaksanaan iaitu Akta Arkitek Landskap dan Akta Landskap.

PROJEK DI BAWAH RMK-10

JLN telah diperuntukkan sebanyak RM126,286,396.00 untuk projek-projek pembangunan bagi tahun 2011 hingga 2015 di bawah siling peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia ke-10

(RMK-10). Sebanyak RM112,512,312.21 (sehingga Januari 2016) telah dibelanjakan selama tempoh lima (5) tahun tersebut. Bagi tahun 2015, prestasi perbelanjaan kewangan adalah 95.55 peratus yang mana prestasinya perbelanjaannya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 50.

Jadual 50 Prestasi Perbelanjaan Mengikut Program JLN				
Butiran	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM) (hingga 11 Jan 2016)	Peratus (%)
02101	Pembangunan Taman Awam	29,978,300.00	29,639,076.17	98.87
02102	Pembangunan Landskap	14,810,000.00	12,978,821.94	87.64
02104	Penyelidikan dan Pemuliharaan	4,800,000.00	4,765,535.65	99.28
02105	Pengurusan Landskap	198,000.00	187,509.76	94.70
Jumlah Keseluruhan		49,786,300.00	47,570,943.52	95.55

Prestasi perbelanjaan JLN mengikut tahun dari tahun 2011 hingga adalah seperti dalam Jadual 51.

Jadual 51 Prestasi Perbelanjaan JLN Mengikut Tahun				
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (hingga 11 Jan 2016) (RM)	Jumlah	
			Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM) (hingga Januari 2016)
2011	18,069,100.00	13,065,293.58	126,286,396.00	112,512,312.21
2012	13,892,300.00	12,597,896.33		
2013	17,378,200.00	13,137,099.43		
2014	27,160,496.00	26,141,079.65		
2015	49,786,300.00	47,570,943.52		



PEMBANGUNAN APLIKASI MY UJANA


My Ujana merupakan aplikasi peranti mudah alih yang dibangunkan oleh JLN berperanan sebagai rujukan pengguna untuk mendapatkan lokasi dan maklumat taman-taman landskap. Aplikasi ini dibangunkan untuk mempromosikan gaya hidup sihat dengan penyediaan taman awam, kawasan hijau dan pembangunan landskap yang boleh dicapai melalui gajet seperti telefon pintar dan tablet secara mudah dan cepat.

Aplikasi ini merupakan sebahagian daripada Program Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) melalui

1GovApps yang dibangunkan bertujuan untuk:

- i. menggalakkan rekreasi dan interaksi orang awam dengan memperkenalkan pembangunan landskap dan taman melalui teknologi maklumat;
- ii. memupuk kesedaran orang awam terhadap keperluan pembangunan landskap bagi mewujudkan Malaysia Negara Taman Terindah; dan
- iii. mempromosikan pembangunan landskap dan taman di Malaysia melalui aktiviti rekreasi keluarga dan pelancongan

Pembangunan aplikasi ini mengguna pakai maklumat data sistem maklumat geografi (GIS) dan menggunakan teknologi sistem pengesan global (GPS) yang menyenaraikan taman-



taman landskap berhampiran. Aplikasi ini juga menyediakan platform kepada orang ramai untuk menyuarakan aduan dan pandangan dengan kemudahan taman rekreasi. Selain itu, My Ujana juga dibangunkan dengan skop dan fungsi yang berikut:



- i. membolehkan pengguna mendapatkan maklumat dan gambar taman;
- ii. memberi petunjuk arah (navigasi) ke lokasi taman melalui aplikasi peta dan GPS sedia ada; dan
- iii. membolehkan pengguna berkongsi maklumat taman seperti gambar dan lokasi taman melalui media sosial.

Majlis *Soft Launch* Aplikasi My Ujana telah diadakan pada 7 April 2015 bersempena dengan Sambutan HLN 2015.

PROJEK MENAIK TARAF KAWASAN LANDSKAP

Pada tahun 2015, sebanyak 15 projek menaik taraf kawasan landskap di bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7): Kejiranan Indah (MyBN) telah siap dibina oleh JLN. Projek menaik taraf kawasan landskap ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan kemudahan rekreasi bagi peningkatan akses penduduk setempat kepada ruang landskap.

Senarai lokasi projek menaik taraf kawasan landskap ini yang dilaksanakan oleh JLN pada tahun 2015 adalah seperti yang berikut:

- | | | |
|--|---|--|
| i. Taman Puri Warisan, Kalansanan, Kota Kinabalu, Sabah; | iii. PPR Sri Wangi, Kuching, Sarawak; | vii. Rumah Pangsa Awam Taman Dahlia, Langkawi, Kedah; |
| ii. Rumah Pangsapuri Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah; | iv. PPR Taman Dahlia, Kuching, Sarawak; | viii. Perumahan Awam Kos Rendah Sri Kemuning, Temerloh, Pahang; |
| | v. Pangsapuri Pulau Duyung, Kuala Terengganu, Terengganu; | ix. Program Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pak Mahat, Kuantan, Pahang; dan |
| | vi. Rumah Pangsa Desa Keluarga Kemaman, Kg. Fikri, Kemaman, Terengganu; | x. Flat Taman Bersatu, Kluang, Johor. |

Program Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pak Mahat, Kuantan, Pahang



Sebelum



Selepas

Pangsapuri Pulau Duyung, Kuala Terengganu, Terengganu



Sebelum



Selepas

Pangsapuri Pulau Duyung, Kuala Terengganu, Terengganu



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

PROGRAM /AKTIVITI UTAMA

SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2015

Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2015 telah diadakan selama enam (6) hari bermula daripada 3 hingga 8 Mac 2015 di Zon Rekreasi Keluarga Lembah Kiara, Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Kemuncak sambutan ialah Majlis Pelancaran Sambutan HLN 2015 pada 7 Mac 2015 yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Dalam majlis pelancaran sambutan ini turut diraikan negeri-negeri yang berjaya mencapai sasaran penanaman pokok dalam Program Kempen Taman Pokok dan Peratus



Program

Tertinggi Taman Awam Yang Memuaskan bagi tahun 2014.

Tema sambutan HLN 2015 ialah 'Taman Awam Wadah Gaya Hidup Sihat'. Tema ini dipilih bertepatan dengan usaha Jabatan untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan taman awam sebagai ruang rekreasi awam bagi memenuhi keperluan gaya hidup sihat dan integrasi sosial di kawasan bandar bagi mengatasi risiko penyakit tidak berjangkit yang mengancam nyawa seperti obesiti, diabetes (tekanan darah tinggi) dan penyakit jantung. Ini juga diharap dapat mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai, mencintai dan

membudayakan landskap bagi memacu usaha ke arah Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020.

Pengisian sambutan HLN 2015 tertumpu kepada aktiviti rekreasi seperti senamrobik dan zumba, pameran dan konsultasi awam Taman Persekutuan Bukit Kiara, program kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, ceramah landskap, persembahan buskers, pertandingan mural, mewarna dan melukis serta pelbagai aktiviti lain. JLN buat julung-julung kalinya telah mengadakan Arboretum Workshop pada 3 Mac 2015 yang menfokus kepada sesi penglibatan awam.



Sesi Khas Pembangunan Profesional Berterusan

Bersempena dengan Sambutan HLN 2015, JLN juga telah menganjurkan beberapa sesi Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga JLN dan orang awam mengenai bidang landskap. Dalam sesi ini, sebanyak lima (5) telah diadakan, seperti dalam Jadual 52.

Jadual 52 Sesi Khas Pembangunan Profesional Berterusan		
BiL	Tajuk dan Pengisian	Pembentang
1.	'Modern Playground' Peralatan yang moden dan futuristik ini menjadikan Playpoint sebagai salah satu syarikat pengeluar alatan permainan dikenali di dalam dan luar negara. Contoh-contoh projek yang telah dihasilkan menggunakan produk dan bahan keluaran Playpoint juga ditunjukkan.	Puan Joana Ong Syarikat Playpoint Malaysia Sdn Bhd.
2.	'Edible Garden' Pengenalan dan perkongsian teknik penanaman tanaman herba khususnya dalam mengurangkan perbelanjaan isi rumah dan menghijaukan lagi kawasan-kawasan terbiar.	Encik Muhammad Adli Salihin bin Samsudin Jabatan Pertanian Malaysia
3.	Buah-buahan Nadir Pengenalan dan kegunaan buah-buahan nadir yang terdapat di Malaysia.	Encik Mohd Nor Jamalul Lail bin Mohd Dasuki Perbadanan Putrajaya
4.	Taman Awam sebagai 'Horticulture Therapy' Fungsi sesuatu taman dalam memberi terapi secara mental dan fizikal sekaligus membina persekitaran yang sihat dalam kalangan pengguna taman.	Puan Norazah binti Abdul Aziz Institut Latihan KPKT
5.	'Kitchen Art' Penggunaan barangan dari dapur seperti kacang dan bahan masakan sebagai salah satu reka bentuk seni secara DIY (<i>Do It Yourself</i>).	Cik Shaziatul binti Mat Kasiri JLN

PECAH TANAH PROJEK PEMBANGUNAN LANDSKAP DATARAN KOTA BELUD, SABAH

Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Landskap Dataran Kota Belud, Sabah telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 18 Oktober 2015 bertempat di Dewan Tun Said, Kota Belud, Sabah.

Majlis dimeriahkan dengan Pameran Cadangan Pembangunan Landskap di Bulatan Kota Belud dan Taman Awam, Kota Belud.





PAMERAN LANDSKAP

Pada tahun 2015, JLN telah menyertai enam (6) pameran landskap melibatkan penyertaan di Program Transformasi Sosial (PTS), Majlis Pelancaran

Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) dan Hari Habitat Sedunia. JLN menyertai pameran-pameran ini dengan tujuan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat



tentang fungsi dan peranan Jabatan, mempromosikan program serta memupuk kesedaran masyarakat terhadap budaya cintakan landskap dan alam sekitar.



LAWATAN KERJA: EKSPERIASI HUTAN ROYAL BELUM TEMENGGUR, PERAK

Pada 8 hingga 10 September 2015, Ketua Pengarah dan 11 penjawat awam JLN telah mengadakan

lawatan kerja ke Royal Belum Temengor, Perak. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan amalan dan aktiviti pengurusan hutan yang telah dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Lawatan ini juga telah



memberi pendedahan kepada JLN mengenai Pelan Pengurusan Hutan, Pelan Pengezonan Kawasan serta Konsep Pembangunan Taman Negara secara menyeluruh.



PROGRAM PEMBUDAYAAN LANDSKAP DI SEKOLAH

Berteraskan Teras 1, Dasar Landskap Negara: Membudayakan Kecintaan terhadap landskap, JLN telah melaksanakan Program Pembudayaan Landskap dengan matlamat mempromosikan

program pembudayaan pada peringkat sekolah.

Berkonsepkan pembinaan projek kecil landskap yang ringkas dan selesa, program ini dilaksanakan bertujuan bagi meningkatkan kefahaman, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran pelajar



mengenai kepentingan landskap dalam menyumbang kepada persekitaran pendidikan yang lebih selesa dan mampan.

Sepanjang tahun 2015, JLN telah menjalankan Program Pembudayaan Landskap di 10 buah sekolah, seperti dalam Jadual 53.

Jadual 53 Program Pembudayaan Landskap di Sekolah bagi Tahun 2015		
Bil	Nama Sekolah	Tarikh Pelaksanaan
1.	SMKA Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor	25 Mei dan 25 Jun 2015
2.	Sekolah Menengah Teknik Sepang, Dengkil, Selangor	25 Mei dan 25 Jun 2015
3.	SMK Pandan Jaya, Ampang, Selangor	28 Mei dan 26 Jun 2015
4.	SMK Rantau Panjang, Klang, Selangor	27 Jul dan 27 Ogos 2015
5.	Sekolah Menengah Datok Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan	27 Jul dan 27 Ogos 2015
6.	SMK Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan	28 Ogos dan 27 Sep 2015
7.	SK Lembah Keramat, Hulu Kelang, Selangor	1 Sep dan 30 Sep 2015
8.	SMK Putrajaya Presint 14 (1), Putrajaya	12 Okt dan 11 Nov 2015
9.	SK Sultan Hisamuddin Alam Shah, Kuala Lumpur	12 Okt dan 11 Nov 2015
10.	Maahad Tahfiz Raudhatul Sakinah, Jenjarom, Selangor	19 Okt dan 17 Nov 2015



PROGRAM APRESIASI BERSAMA PELAJAR POLITEKNIK NILAI

Satu Program Apresiasi Alam dan Arboretum bersama para pelajar Diploma Landskap dan Hortikultur, Politeknik Nilai,

Negeri Sembilan telah diadakan pada 30 Disember 2015 di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Menerusi program ini, para pelajar telah didedahkan dengan keunikan Taman



Persekutuan Bukit Kiara yang kaya dengan sumber semula jadi dan penerangan mengenai pembangunan taman arboretum, pengurusan, penyelenggaraan, potensi dan aktiviti taman.



PROGRAM/AKTIVITI BERKAITAN NKEA/NKRA

MKRA – MEWUJUDKAN KAWASAN PERUMAHAN HARMONI YANG SESUAI DIDIAM: TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA – PERATUS PENYIAPAN ABORETUM DI ZON RIPARIAN

JLN dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan MKRA – Mewujudkan Kawasan Perumahan Harmoni Yang Sesuai Didiami: Taman Persekutuan Bukit Kiara – Peratus Penyiapan Aboretum di Zon Riparian, yang mana butirannya adalah seperti dalam Jadual 54.



Jadual 54 Butiran MKRA – Mewujudkan Kawasan Perumahan Harmoni Yang Sesuai Didiami: Taman Persekutuan Bukit Kiara – Peratus Penyiapan Aboretum di Zon Riparian

Kaedah Pengukuran	Zon Riparian adalah sebahagian daripada Taman Persekutuan Bukit Kiara yang telahpun diwartakan dan boleh dikawal oleh KPKT
Tren Pencapaian	Peratus Kemajuan Kerja Peratus Kemajuan yang disasarkan 1. Kerja-kerja awalan dan mobilisasi – 5% 2. Kerja-kerja pembersihan tapak dan 'setting out' – 15% 3. Pembekalan dan penanaman pokok – 20% x 100%
Sasaran	KPI baharu
Justifikasi	40% daripada Zon tersebut diselesaikan sehingga 31 Disember 2015
Dokumen Sokongan	Aboretum adalah antara fasa utama yang perlu diselesaikan dalam zon yang berkaitan dan KPI yang dicadangkan adalah peratus kemajuan yang disediakan
Frekuensi Laporan/Data	Laporan JLN
Status (hingga 31 Dis 2015)	44%

Sehingga 31 Disember 2015, JLN telah berjaya mencapai 44 peratus penyiapan Zon Arboretum di Zon Riparian. Pendekatan pemeliharaan Zon Riparian ini adalah melalui proses memperkayakan ekosistem yang melibatkan beberapa pecahan zon iaitu:

- Zon Koleksi Pokok Keluarga Leguminosae;
- Zon Pokok Buah-buahan;
- Zon Arboretum Koleksi Kayu Keras/Berat;
- Zon Arboretum Dipterokap; dan
- Zon Arboretum Non Dipterokap.

ISU UTAMA DAN PENYELESAIAN

ISU: PENGLIBATAN AWAM DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

Pembinaan pagar keselamatan untuk tujuan keselamatan telah mendapat bantahan dari pihak awam terutamanya penduduk di sekitar taman. Bantahan ini disuarakan kerana aktiviti penebangan pokok dan pembersihan hutan di taman rekreasi Bukit Kiara member kesan kepada pergerakan hidupan liar. Ini telah menimbulkan kerisauan di kalangan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk setempat.

Penyelesaian

Konsultasi bersama penduduk setempat telah dilakukan yang merangkumi:

- i. Mengadakan mesyuarat penyelarasan;
- ii. Sesi Bersama Pelanggan untuk Pembangunan Taman Persekutuan Bukit Kiara;
- iii. lawatan kerja YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Taman Persekutuan Bukit Kiara dan perbincangan bersama Ahli Trails Association of Kuala Lumpur and Selangor (TRAKS); dan
- iv. Sesi taklimat bersama Ahli TRAKS.



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

LATAR BELAKANG

Sebelum penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), fungsi pengurusan sisa pepejal terletak di bawah Bahagian Kejuruteraan Kesihatan Persekitaran serta Bahagian Implementasi Projek, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT.

JPSPN telah ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diluluskan

VISI

Menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif

Parlimen pada 17 Julai 2007 dan diwartakan pada 30 Ogos 2007, bagi mengintegrasikan sistem pengurusan sisa pepejal pada peringkat nasional. Akta ini memberi kuasa eksekutif kepada

MISI

Sentiasa meningkatkan mutu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melalui penggubalan dasar, strategi, pelan tindakan dan perundangan

Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan tanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Manakala Akta Perbadanan dan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673) adalah suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.



OBJEKTIF

- Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang lestari supaya kesihatan awam terjamin, alam sekitar dilindungi dan dipelihara serta sumber alam terpelihara
- Memastikan kebersihan persekitaran dan nilai estetik terjaga
- Memainkan peranan sebagai institusi yang bertanggungjawab ke atas penggubalan dasar, strategi, pelan tindakan dan perundangan mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Menyelaras kerjasama antara agensi-agensi kerajaan persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta dan masyarakat bagi melicinkan pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

FUNGSI DAN PERANAN

- Mewujudkan dasar, perancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Melaksana dan memantau pelaksanaan dan operasi fasiliti pengurusan sisa pepejal;



- Menetapkan peraturan, garis panduan, standard, spesifikasi, dan tata amalan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Melaksanakan fungsi pengawalseliaan di bawah Akta 672 dan mana-mana peraturan di bawahnya
- Memberi lesen dan kelulusan di bawah Akta 672

PENCAPAIAN

INVENTORI FASILITI PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI MALAYSIA

Tapak pelupusan sanitari adalah tapak pelupusan yang mempunyai teknologi untuk merawat air sisa dan melupus sisa pepejal. Sisa pepejal di tapak pelupusan ini diuruskan dengan

kaedah yang bersistematik (dilengkapi dengan loji rawatan air larut resap, paip pengumpulan gas dan lain-lain) dan disokong dengan penggunaan prinsip-prinsip reka bentuk kejuruteraan bagi memastikan rawatan dan pengendalian yang betul untuk mengelakkan ancaman kepada kesihatan dan keselamatan awam serta pencemaran alam sekitar.

Tapak pelupusan bukan sanitari adalah tapak pelupusan yang tidak mempunyai teknologi untuk merawat air sisa dan melupus sisa pepejal. Tapak ini tidak diuruskan secara sistematik dan mencemarkan alam sekitar melalui pelepasan air larut resap dan gas metana.

Stesen pemindahan sisa pepejal merupakan tempat atau kemudahan yang mana sisa

dipindahkan dari kenderaan kutipan yang kecil seperti lori kompaktor kepada kenderaan pengangkutan yang lebih besar untuk dihantar ke fasiliti bagi rawatan atau pelupusan sisa pepejal dan kebiasaannya ke tapak pelupusan.

Loji rawatan termal (insinerator) pula merupakan alternatif terbaik dalam melupuskan sisa pepejal kerana melibatkan ruang yang kecil berbanding tapak pelupusan, mengurangkan masalah bau, isu air larut resap (*leachate*) dapat ditangani.

Secara keseluruhannya, di Malaysia terdapat 169 buah tapak tapak pelupusan sisa pepejal yang beroperasi dan 114 buah tapak telah ditamatkan operasinya. Statistik tahap operasi tapak di setiap negeri adalah seperti dalam Jadual 55.



Jadual 55 Tahap Operasi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Mengikut Negeri

Negeri	Tapak yang Beroperasi					Tapak yang Telah Ditamatkan Operasi
	Tahap Operasi Tapak		Stesen Pemindahan	Insinerator	Jumlah	
	Sanitari	Bukan Sanitari				
Johor	1	13	1	-	15	23
Kedah	1	6	-	1	8	8
Kelantan	-	11	-	-	11	8
Melaka	1	-	-	-	1	7
Negeri Sembilan	1	5	-	-	6	13
Pahang	2	14	-	2	18	16
Perak	-	17	-	1	18	13
Perlis	-	1	-	-	1	1
Pulau Pinang	1	1	1	-	3	1
Sabah	1	18	-	-	19	2
Sarawak	3	46	-	-	49	14
Selangor	3	5	1	-	9	14
Terengganu	-	9	-	-	9	11
WP Kuala Lumpur	-	-	1	-	1	10
WP Labuan	-	1	-	-	1	-
Jumlah	14	147	4	4	169	114



PELESENAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

JPSPN berperanan untuk melesenkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang menggunakan pakai Akta 672. Penyedia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal merujuk pada perkara-perkara seperti yang berikut:

- i. mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmtan menguruskan sisa pepejal;
- ii. menguruskan atau mengendalikan apa-apa kemudahan pengurusan sisa pepejal; dan
- iii. mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pembersihan awam.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 250 kontraktor telah berdaftar dengan JPSPN sebagai penyedia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

dan statistiknya mengikut kategori perkhidmatan adalah seperti dalam Jadual 56.

Jadual 56 Statistik Pendaftaran Penyedia Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Tahun 2015

BiL	Kategori Perkhidmatan	BiL Kontraktor Berdaftar
1.	Pemungutan Sisa Pepejal Komersial	69
2.	Pemungutan Sisa Pepejal Industri	70
3.	Pemungutan Sisa Pepejal Pembinaan	64
4.	Operasi Kemudahan Sisa Pepejal Selain yang Ditetapkan	47

JPSPN juga telah memproses dan meluluskan sebanyak 279 permohonan Lesen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Statistik pengeluar lesen mengikut jenis lesen adalah seperti dalam Jadual 57.

Jadual 57 Statistik Pengeluaran Lesen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Bagi Tahun 2015

BiL	Jenis Lesen	BiL Lesen Diluluskan
1.	Pembersihan Awam	235
2.	Pemungutan Sisa Pepejal Isi Rumah, Awam, Keinstitutional Awam dan yang Serupa Dengan Sisa Pepejal Isi Rumah	40
3.	Operasi Kemudahan Sisa Pepejal yang Ditetapkan	4
4.	Pengangkutan dengan Pengangkutan Jauh	-




PELESENAN IMPORT
SISA PLASTIK

Jabatan ini telah mengambil alih tanggungjawab mengeluarkan Lesen Import (AP) Sisa Plastik daripada Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) berkuatkuasa pada 2 Februari 2015 seperti mana pewartaan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2015.

Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan) 2015 telah meletakkan sisa plastik dengan kod tarif HS 3915 dalam Bahagian I, Jadual Kedua yang mana semua pengimportan ke Malaysia dilarang kecuali mendapat Lesen Import (AP).

Dari bulan Mac hingga Disember 2015, JPSPN telah menerima sebanyak 6,307 permohonan AP sisa plastik dan daripada jumlah itu, 5,643 permohonan telah diluluskan, seperti dalam Carta 9.


Carta 9 Statistik Status Permohonan Lesen Import (AP) Sisa Plastik bagi Tahun 2015



Nota: Permohonan AP bagi Januari dan Februari 2015 adalah di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Dari bulan Mac hingga Disember 2015, JPSPN telah menerima permohonan untuk mengimport sebanyak 395,334.07 tan sisa plastik dan pecahan kuantiti import sisa plastik adalah seperti dalam Carta 10.

Carta 10 Kuantiti Permohonan Import Sisa Plastik bagi Tahun 2015



PROGRAM PEMBANGUNAN

Di bawah program pembangunan, JPSPN telah melaksanakan sebanyak 49 projek pembangunan, menaik taraf dan menutup selamat tapak pelupusan sisa pepejal sepanjang tahun 2015. Senarai tapak pelupusan yang termasuk dalam program pembangunan tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 58.

Jadual 58 Senarai Tapak Pelupusan Tutup Selamat di bawah Program Pembangunan Tahun 2015

BiL	Nama Tapak	Status
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kuala Perlis, Perlis	Siap
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sua Betong, Negeri Sembilan	Siap
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kuala Sawah, Negeri Sembilan	Siap
4.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Maasop, Negeri Sembilan	Siap
5.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Rimba Terjun, Pontian, Johor	Siap
6.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Chamang, Bentong, Pahang	Siap
7.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kubang Ikan, Terengganu	Siap
8.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu Empat, Kota Tinggi, Johor	Siap
9.	Tapak Pelupusan Temayor, Labis, Johor	Siap
10.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ulu Tualang, Temerloh, Pahang	Siap
11.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg Mat Kilau, Jerantut, Pahang	Siap
12.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Mak Cili Paya, Kemaman, Terengganu	Siap
13.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Gelugor, Kemaman, Terengganu	Siap
14.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jabor Jerangau, Kuantan, Pahang	Pembinaan
15.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang Cep, Simpang Renggam, Johor	Pembinaan
16.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pajam, Negeri Sembilan	Pembinaan
17.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Palong, Negeri Sembilan	Pembinaan

Jadual 59 Senarai Projek Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sedia Ada

BiL	Nama Tapak	Status
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Sertik, Bentong, Pahang	Siap
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Lipis, Lipis, Pahang	Siap
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Chuat Bera, Pahang	Siap
4.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jengka 10, Maran, Pahang	Siap
5.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal, Kg Feri, Rompin, Pahang	Siap
6.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Cheroh, Raub, Pahang	Siap
7.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sg Ikan, Kuala Terengganu, Terengganu	Siap
8.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pengkalan Keling, Besut, Terengganu	Siap

BiL	Nama Tapak	Status
9.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Batangan, Terengganu	Siap
10.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong, Melaka	Siap
11.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Bakri, Muar, Johor	Siap
12.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Wangi, Manjung, Perak	Siap
13.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu Tiga, Batu Gajah, Perak	Siap
14.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Kemunyang, Sibu, Sarawak	Siap
15.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak	Siap
16.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan	Pembinaan
17.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding, Perlis	Pembinaan
18.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kayu Madang, Sabah	Pembinaan
19.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Cina, Kulim, Kedah	Tender
20.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Belanga Pecah, Langkawi, Kedah	Tender
21.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Gemok Tawau, Sabah	Tender
22.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Perak	Tender semula
23.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP 1, Simpang Renggam, Johor	Tender semula

Jadual 60 Senarai Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Baharu yang Telah dan Sedang Dibina

BiL	Nama Tapak	Status
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang, Melaka	Siap
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Belenggu, Temerloh, Pahang	Siap
3.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Tertak Batu, Marang, Terengganu	Pembinaan
4.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Rimba Emas, Perlis	Pembinaan
5.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong, Batu Pahat, Johor	Tender

Jadual 61 Senarai Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Baharu yang Telah dan Sedang Dibina

BiL	Nama Tapak	Status
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bersepadu Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan	Operasi
2.	Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur (Waste-to-Energy)	Tender



KAJIAN YANG DIJALANKAN

Sepanjang tahun 2015, JPSPN telah selesai menjalankan sembilan (9) kajian kemungkinan mengenai kemudahan pengurusan sisa pepejal dan keberkesanan tahap perkhidmatan pembersihan awam, seperti yang berikut:

- i. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Pagoh dan Batu Pahat, Johor;
- ii. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Jelevu, Kuala Pilah dan Jempol;
- iii. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Tenggara Johor;
- iv. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Utara Perak;
- v. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Perak Selatan;

- vi. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Kuala Terengganu;
- vii. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Tanah Merah, Kelantan
- viii. Kajian Kemungkinan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Sungai Petani, Kedah; dan

- ix. Kajian Mengenai Keberkesanan Tahap Perkhidmatan Sedia Ada bagi Kerja-kerja Pembersihan Jalan, Pemotongan Rumput, Pembersihan Parit/Sungai dan Kerja-Kerja Lain yang berkaitan di bawah Selian Agensi Kerajaan.

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

PELAKSANAAN PROGRAM PENGASINGAN SISA DI PUNCA

Pihak kerajaan melalui KPKT telah mewajibkan pelaksanaaan pengasingan sisa pepejal isi rumah secara berperingkat mulai 1 September 2015. Pelaksanaan ini adalah berdasarkan peraturan di bawah Akta 672 yang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah.

Secara umumnya, proses pengasingan sisa pepejal isi rumah ini melibatkan pengasingan sisa pepejal mengikut komposisi sisa seperti sisa kitar semula, sisa baki dan sisa pukat/kebun. Sisa yang diasingkan ini akan dikutip setiap minggu mengikut jadual yang ditetapkan. Sistem kutipan



2 + 1 akan digerakkan bermula 1 September 2015 yang mana kutipan sampah bagi sisa baki dilakukan dua (2) kali seminggu manakala kutipan sisa kitar semula dan sisa pukal dilakukan sekali seminggu.

Sehingga Disember 2015, sebanyak 264.97 tan barangan kitar semula telah berjaya dikutip dan hasil penjualan barangan kitar semula tersebut adalah bernilai RM67,863.76.

Bersempena dengan ini, JPSPN dan SWCorp telah menganjurkan Majlis Pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1 September 2015 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor.

Sebagai simbolik penguatkuasaan pelaksanaan Pengasingan

Sisa Pepejal di Punca, Kementerian telah berjaya mencatatkan rekod Malaysia iaitu kejayaan pengumpulan 1.35 juta botol melalui kempen '1 Million Bottles One Dream' bagi menzahirkan inisiatif masyarakat untuk memelihara bumi dan menghargai alam sekitar. Hasil jualan botol-botol tersebut iaitu sebanyak RM12,000 telah disumbangkan kepada Majlis Kanser Negara (MAKNA) dan Persatuan Mata Hati Malaysia bagi membantu golongan yang memerlukannya.

PENGANJURAN MAKMAL PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

JPSPN dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal dari 27 Mei sehingga 17 Jun 2015 di Dewan Kristal, KPKT.

Makmal ini dianjurkan bagi menambah baik pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, menangani isu tadbir urus, polisi, perundangan serta garis panduan dan menyemak semula sasaran Makmal Pengurusan Sisa Pepejal

yang telah diadakan pada tahun 2012.

Makmal ini telah berjaya mengumpul input daripada 150 orang wakil dari pelbagai agensi seperti kementerian, jabatan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak industri.



PENGANJURAN GALLERY WALK LAPORAN MAKMAL PENGURUSAN SISA PEPEJAL 2015

Pada 27 November 2015, JPSPN telah mengadakan Gallery Walk Laporan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal 2015 bertempat di Ruang Legar, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra.

Sesi Gallery Walk ini telah dihadiri oleh YAB Perdana Menteri, YB Menteri-menteri Kabinet, Ketua-ketua Pengarah Agensi Pusat dan Ketua Setiausaha Kementerian-kementerian.

Hasil dapatan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal yang telah diadakan pada 27 Mei hingga 17 Jun 2015 telah dibentangkan oleh para pegawai daripada JPSPN, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan peserta yang terlibat dalam makmal tersebut.

Selain daripada pembentangan dapatan makmal, gallery walk ini juga menjadi medium kepada JPSPN untuk mendapatkan maklum balas dan komitmen kementerian dan agensi kerajaan berkaitan mengenai pelaksanaan cadangan-cadangan yang telah dibentangkan.



PENYERTAAN DALAM INTERNATIONAL SOLID WASTE ASSOCIATION (ISWA) WORLD CONGRESS 2015

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan delegasi telah menghadiri International Solid Waste Association (ISWA) World Congress 2015 di Antwerp, Belgium yang berlangsung pada 5 hingga 12 September 2015.

ISWA merupakan sebuah organisasi global, bukan bersifat komersil serta bebas yang mempromosikan pengurusan sisa pepejal secara profesional, mapan dan menyeluruh.

Persidangan pada tahun ini memfokuskan kepada pengurusan sisa pepejal dari perspektif global dengan memberi penekanan terhadap cabaran-cabaran dalam pengurusan sisa pepejal secara

mapan. Antara tajuk kertas kerja yang dibentangkan semasa persidangan ini ialah:

- The Global Waste Management Outlook;
- The Climate and Clean Air Coalition (CCAC);
- Technical Solution in Waste Management;
- Cleanliness of Public Space;
- Biological Treatment; dan
- Construction and Demolition Waste Workshop.



Selain pembentangan kertas, para peserta persidangan juga menyertai lawatan teknikal ke Loji ISVAG "Waste-to-Energy", Wilrijk, Belgium dan Mechanical Biology Treatment IOK Waste Management untuk melihat teknologi terkini kemudahan dan rawatan sisa pepejal.

Sepanjang berada di sana, YB Menteri juga berkesempatan untuk melawat Kedutaan Malaysia di Brussel bagi bertemu dengan rakyat Malaysia yang menetap di sana dan meluangkan masa untuk menerangkan isu-isu semasa yang sedang berlaku di Malaysia.

PENYERTAAN DALAM 6TH REGIONAL 3R FORUM IN ASIA AND THE PACIFIC

The 6th 3R Regional Forum iaitu Forum telah diadakan di Male, Maldives pada 16 hingga 19 Ogos 2015 dan telah disertai oleh tiga (3) orang wakil daripada JPSPN iaitu Encik Mohd Rosli bin Haji Abdullah (Ketua Pengarah), Ir Muhamad Zaini bin Hasnan (Pengarah) dan Dr. Muharrir binKamarudin (Ketua Penolong Pengarah).

Forum ini dianjurkan bertujuan untuk menangani dasar, program, langkah-langkah, peralatan dan teknologi dalam konteks bagi mencapai kecekapan penggunaan



Program

sumber, pengeluaran dan penggunaan sumber yang lestari, pengurusan sisa pepejal bersepadu, pengeluaran karbon yang rendah dan mencapai sisa sifar dalam masyarakat. Forum ini juga menyediakan platform perkongsian pengetahuan untuk menyebarkan dan berkongsi amalan terbaik dalam bidang 3R, termasuk isu-isu baru dalam pengurusan sisa pepejal.

PENYELARASAN LAWATAN TURUN PADANG

Dua (2) siri program lawatan turun padang oleh Pengurusan Tertinggi KPKT ke tapak-tapak projek berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah diselaraskan oleh JPSPN sepanjang tahun 2015.

Tujuan lawatan turun padang ini diatur adalah bagi membolehkan Pengurusan Tertinggi KPKT terutamanya YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha mengetahui lebih terperinci tentang masalah-masalah di lapangan serta status terkini projek-projek yang

dilaksanakan. Sesi lawatan yang telah diadakan sepanjang tahun 2015 ialah:

- i. Lawatan Kerja YB Menteri ke Mini Insinerator Pulau Pangkor, Perak pada 15 Mac 2015; dan



- ii. Lawatan Ketua Setiausaha ke Stesen Pemindahan dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal, Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur pada 25 Jun 2015



PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCORP)

LATAR BELAKANG

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), sebuah agensi di bawah KPKT merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang diperbadankan melalui Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 673]. Akta 673 ini telah diwartakan pada 30 Ogos 2007 dan Perbadanan ditubuhkan secara rasminya pada 1 Jun 2008 sebagai pelengkap bagi menjayakan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Secara amnya, dasar ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif dan lestari yang dikehendaki oleh masyarakat yang mementingkan pemuliharaan alam sekitar dan kesejahteraan awam.

OBJEKTIF

- i. Memastikan proses perundangan di Perbadanan Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam dilaksanakan dengan adil, teratur serta berkesan
- ii. Meningkatkan kesedaran awam ke arah perubahan



VISI

Ke arah meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera menjelang 2020.

- iii. Memastikan penggunaan teknologi dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terkini dan mesra alam
- iv. Memastikan semua operator memiliki lesen yang sah mengikut kriteria perundangan bagi tujuan pengurusan sisa

MISI

Melaksanakan dasar-dasar dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu, efektif, lestari dan menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup masyarakat melalui pendidikan, kesedaran awam, penguatkuasaan undang-undang, kecekapan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan penggunaan teknologi yang efektif.

- v. Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal

dan pembersihan awam yang teratur dan berkesan bagi meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih dan sihat

FUNGSI

- i. Mengesyorkan dasar, perancangan dan strategi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- ii. Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- iii. Menerapkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa di sumber secara sistematik di samping menekankan ciri-ciri pembangunan yang mampan

- meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial
- iv. Memproses permohonan baharu, pembaharuan dan pembatalan/penggantungan lesen pembekal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sehingga pengesyoran kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- v. Mengawal selia prestasi syarikat-syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- vi. Mengenal pasti teknologi yang mesra alam, selamat dan kos efektif serta menjalankan penyelidikan berhubung dengan pembangunan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- vii. Melaksana dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

PENCAPAIAN

PENCAPAIAN PRESTASI SYARIKAT KONSESI

SWCorp bertanggungjawab untuk mengawal selia prestasi tiga (3) syarikat konsesi yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan


- pembersihan awam iaitu:
- i. Syarikat konsesi SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM);
 - ii. Environment Idaman Sdn. Bhd. (EISB); dan
 - iii. Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB).

Prestasi perkhidmatan syarikat konsesi diukur melalui pemantauan ke atas ketidakpatuhan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Perbandingan bilangan ketidakpatuhan KPI mengikut syarikat konsesi bagi tahun 2015 dengan tahun sebelumnya adalah seperti dalam Carta 11.



Carta 11 Perbandingan Bilangan ketidakpatuhan KPI Perkhidmatan Kutipan dan Pembersihan Awam Mengikut Syarikat Konsesi bagi Tahun 2014 dan 2015

SWMESB
EISB
AFSB



Berdasarkan Carta 11, perbandingan jumlah KPI bagi tahun 2014 dengan 2015 menunjukkan berlakunya penurunan jumlah KPI bagi kedua-dua perkhidmatan untuk ketiga-tiga syarikat konsesi namun terdapat peningkatan sebanyak 387 jumlah KPI ditemui pada syarikat konsesi AFSB bagi perkhidmatan kutipan pada tahun 2015. Ini dapat dibuktikan apabila pelaksanaan KPI penuh telah dijalankan bagi perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam.

Bagi perkhidmatan kutipan, syarikat konsesi perlu menyediakan bilangan kenderaan kutipan yang mencukupi, mengemukakan jadual perkhidmatan secara manual atau dalam talian kepada SWCorp dan menjalankan perkhidmatan mengikut standard perkhidmatan 2 + 1 yang mana dua (2) kali kutipan dalam masa seminggu bagi sisa baki dan satu kali

kutipan dalam masa seminggu bagi sisa kebun, pukal dan kitar semula.

Bagi perkhidmatan pembersihan awam pula, syarikat konsesi perlu mengemukakan jadual perkhidmatan secara manual atau dalam talian dan mengemukakan senarai jentera/ peralatan kepada SWCorp.

PENGUATKUASAAN DAN KAWAL SELIA

Sepanjang tahun 2015, SWCorp telah mengeluarkan sebanyak 1,691 Notis Pemberitahuan Kesalahan dan 58 kertas siasatan terhadap terhadap pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan di bawah Akta 672.

Dalam tempoh yang sama, SWCorp telah mengeluarkan surat peringatan terhadap orang awam yang membuat kesalahan



littering iaitu sebanyak 652 kes dan sampah haram sebanyak 43 kes melalui maklumat 'My Sikap.

SWCorp telah mengeluarkan sebanyak 42,627 surat peringatan mesra terhadap penghuni premis yang tidak melaksanakan pengasingan sisa pepejal sepanjang tempoh 1 September hingga 31 Disember 2015, seperti dalam Jadual 62.

Jadual 62 Notis Pemberitahuan Kesalahan yang Dikeluarkan pada Tahun 2015

Negeri	Notis Pemberitahuan Kesalahan	Kertas Siasatan	Surat Peringatan		Surat Peringatan Mesra
			Littering	Sampah Haram	
Wilayah Persekutuan	48	9	8	3	7,479
Negeri Sembilan	249	33	33	4	4,620
Melaka	88	1	33	8	6,900
Johor	1,149	9	195	26	10,939
Kedah	100	2	29	2	4,695
Pahang	49	3	302	-	7,678
Perlis	8	1	52	-	316
Jumlah	1,691	58	652	43	42,627

PENGESYORAN LESEN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

Sepanjang tahun 2015, SWCorp telah menerima 577 permohonan Lesen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 546 permohonan lesen telah dinilai dan disyorkan ke Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan 31 permohonan dalam proses pengesahan dokumen sokongan dan penilaian SWCorp. Statistik status permohonan lesen ini bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 63.

Jadual 63 Statistik Permohonan Lesen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi tahun 2015

BiL	Jenis Lesen	Jumlah Permohonan	Jumlah Disyorkan Ke JPSPN	Jumlah Sedang Diproses SWCorp
1.	Perkhidmatan Pemungutan Sisa Pepejal Isi Rumah	85	83	2
2.	Perkhidmatan Pembersihan Awam	275	265	10
3.	Pembaharuan Perkhidmatan Pemungutan Sisa Pepejal Isi Rumah	39	36	3
4.	Pembaharuan Perkhidmatan Pembersihan Awam	163	147	16
5.	Perkhidmatan Pengangkutan Jarak Jauh	1	1	-
6.	Pengusahaan Mengoperasi Kemudahan Sisa Pepejal Yang Ditetapkan	14	14	-
Jumlah		577	546	31

PEMANTAUAN PROJEK TAPAK PELUPUSAN

Pemantauan Projek Tapak Pelupusan Sanitari

Sepanjang tahun 2015, SWCorp telah meneruskan pemantauan ke atas projek tapak pelupusan sisa pepejal (*landfill*). Pelaksanaan terhadap pemantauan projek ini dibuat berdasarkan tiga (3) kategori/fasa yang berlainan iaitu:

- i. Projek bagi Tapak Penutupan Selamat;
- ii. Projek bagi Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sediaada; dan
- iii. Projek bagi Bina Baharu Tapak Pelupusan Sanitari

Sebanyak 28 projek yang terdiri daripada 43 tapak pelupusan di seluruh Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) berada di bawah pemantauan pihak SWCorp yang bertindak selaku Pengurus Projek dalam memberi perkhidmatan profesional berkaitan bidang-bidang sivil, mekanikal, elektrik dan ukur bahan. Kesemua 43 buah tapak pelupusan yang dibuat pemantauan ini adalah di bawah kelulusan JPSPN yang merupakan Pegawai Penguasa Utama pelaksanaan projek tersebut.

Jadual 64 menunjukkan senarai projek yang telah dilaksanakan dan berada di bawah pemantauan SWCorp mengikut kategori yang berbeza.

Jadual 64 Senarai Projek yang Dilaksanakan

BiL	Kategori	BiL Projek	Nilai Projek (RM Juta)
1.	Tapak Penutupan Selamat dan Pemulihan 16 Tapak	1	483.1
2.	Naik Taraf Tapak Pelupusan Sedia Ada	22	361.9
3.	Bina Baru Tapak Pelupusan Sanitari	4	224.1
4.	Reka dan Bina Leachate Treatment Plant di Taman Beringin, Kuala Lumpur	1	5.7
Jumlah		28	1,074.8

Status Kemajuan Pelaksanaan Projek

Merujuk kepada rekod pemantauan dan pelaksanaan projek tapak pelupusan sisa pepejal yang merangkumi ketiga-tiga fasa di atas, sehingga tahun 2015 lebih kurang 72 peratus daripada jumlah keseluruhan tapak telah berjaya disiapkan. Daripada jumlah peratusan tersebut, sebanyak 31 projek tapak pelupusan telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion", CPC) iaitu bermula pada tahun 2012 sehingga tahun 2015.

Secara keseluruhannya, daripada 43 tapak projek pelupusan yang dikendalikan, 30 tapak projek telah berjaya disiapkan dan dikeluarkan CPC. Manakala baki 13 lagi tapak projek yang belum siap masing-masing masih berada dalam pemantauan pihak SWCorp dengan enam (6) tapak daripadanya adalah berstatus 'on track', lima (5) tapak lagi mengalami kelewatan siap dan satu (1) tapak dalam kategori projek bermasalah.

PENGESYORAN TERHADAP PERMOHONAN KELULUSAN MENGIMPORT SISA PLASTIK

Berkuat kuasa 1 Januari 2015, SWCorp telah diberi tanggungjawab untuk membuat pengesyoran terhadap permohonan kelulusan mengimport sisa plastik di bawah kod HS:3915 (kod kastam). Kelulusan permohonan ini merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi bagi mendapatkan kelulusan permit (AP) mengimport sisa plastik. Oleh itu, pemeriksaan di premis dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk pelabuhan Malaysia telah dijalankan bagi membuat pengesyoran tersebut. Pemeriksaan ketat telah dijalankan oleh SWCorp bagi memastikan sisa plastik yang dibawa masuk ke Malaysia adalah bersih dan tidak tercemar dengan sisa toksik dan berbahaya.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 328 permohonan telah diterima dengan jumlah kelulusan permit import (AP) sebanyak 5,610 yang telah dikeluarkan, yang mana anggaran jumlah sisa yang diimport masuk ke Malaysia bagi tahun 2015 adalah sebanyak 368,541 MT.

OPS MATA HELANG

Dalam usaha memperkasakan pemantauan perkhidmatan syarikat-syarikat konsesi yang menguruskan sisa pepejal, SWCorp telah memperkenalkan Ops Mata Helang untuk menjalankan pemeriksaan kebersihan dengan lebih teliti. Operasi ini merupakan operasi turun padang ke seluruh pelusuk kawasan untuk mengenal pasti punca masalah kebersihan di seluruh kawasan sama ada di bawah seliaan SWCorp atau sebaliknya.

Operasi ini yang bermula sejak Oktober 2014 diteruskan sepanjang tahun 2015 untuk mengurangkan peratusan aduan tentang perkhidmatan syarikat-syarikat konsesi. Melalui pelaksanaan operasi ini, didapati berbanding tahun 2011 yang mencatatkan kadar purata penerimaan aduan bulanan



sebanyak 2,183 kes, penurunan ketara sebanyak 281 aduan sahaja (87 peratus) pada tahun 2015.

OPS MATA HATI PENGASINGAN SISA PEPEJAL DI PUNCA

SWCorp telah melaksanakan Ops Mata Hati Pengasingan Sisa Pepejal di Punca secara serentak di semua negeri yang menerima pakai Akta 672 pada 1 Julai 2015. Tujuan utama operasi ini adalah untuk melihat tahap kesediaan masyarakat untuk mengamalkan pengasingan sisa pepejal yang dikuatkuasakan pada 1 September 2015.

Lawatan dari rumah ke rumah telah diadakan bagi meninjau sejauh mana pengasingan sisa pepejal ini dilaksanakan. Surat peringatan mesra telah diberikan kepada penghuni rumah yang didapati belum melaksanakan pengasingan sisa pepejal bagi memastikan masyarakat dapat membiasakan diri dengan penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal di punca kelak. Menerusi operasi ini juga,

Program

adalah diharapkan masyarakat mengambil serius dan melihat isu kebersihan melalui pandangan mata hati supaya masyarakat dapat membuat perubahan yang signifikan terhadap isu-isu alam sekitar yang sedang dihadapi pada masa sekarang.

Jelajah Mata Hati
Tahun 2015 buat julung kalinya SWCorp mengadakan program Jelajah Mata Hati (JMH) dengan konsep penjelajahan ke 13 lokasi di seluruh negara sepanjang bulan Mac sehingga Ogos 2015 bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan keprihatinan mesyarakat setempat berhubung kebersihan alam sekitar dan pengurusan sisa pepejal secara berhemah.

Selain itu, bagi meneruskan kesinambungan program tanggungjawab sosial korporat (CSR), SWCorp sekali lagi telah bekerjasama dengan pihak Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) 2014. ABPBH bersama-sama rombongan JMH telah ke tiga (3) lokasi Kedah, Johor dan Pahang sebagai lokasi

para finalis bertemu peminat dan mengajak para peminat untuk mengamalkan gaya hidup yang mementingkan kebersihan dan bertanggungjawab kepada bumi ini.



PELAKSANAAN PROGRAM 3R

Dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang mengamalkan kitar semula, SWCorp telah melaksanakan Program 3R (kurangkan, guna semula, kitar semula) pada pelbagai peringkat masyarakat. Jadual 65 menunjukkan pencapaian bagi Program 3R yang telah dilaksanakan bagi tahun 2015.

Jadual 65 Pelaksanaan Program 3R Tahun 2015		
Bil	Program 3R	Pencapaian
1.	Kitar Semula di Sekolah (3R@edu)	Dilaksanakan di 147 buah sekolah
2.	Kitar Semula di Tadika (3R@kids)	Dilaksanakan di 242 buah tadika
3.	Kitar Semula di Pejabat Kerajaan (3R@gov)	Dilaksanakan di 210 buah pejabat kerajaan
4.	Kitar Semula di Pasar Raya (3R@dt thru)	Dilaksanakan di 63 buah pasar raya
5.	Kitar Semula di Komuniti (3R@com)	Dilaksanakan di 144 komuniti



PENUBUHAN KELAB KITAR SEMULA

Kelab Kitar Semula merupakan sebuah kelab yang berkonsepkan amalan 3R yang ditubuhkan bagi membudayakan amalan kitar semula ke arah melahirkan generasi sisa sifar dalam kalangan golongan muda khususnya para pelajar sekolah. Penubuhan kelab ini juga bertujuan mewujudkan satu platform khusus bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan sisa pepejal dan 3R dengan terancang dan sistematik.

Secara keseluruhannya, sebanyak 3,813 buah Kelab Kitar Semula telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,471 buah kelab ditubuhkan pada tahun 2015.

KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Senarai kajian yang dijalankan oleh SWCorp sepanjang tahun 2015 ialah:

- i. Teknologi Magnetic Heat Decomposition Waste Treatment dengan Syarikat Alam Avani Sdn. Bhd.;
- ii. Teknologi Gasification untuk sisa pepejal dengan Syarikat Comintel Green Technology Sdn. Bhd.;
- iii. Kajian Komposisi Sisa Pepejal Dan Kajian Littering di Festival Belia Putrajaya 2015;
- iv. Teknologi Organocycler dengan Syarikat Mariwealth Sdn. Bhd.;
- v. Memperluaskan Kajian Penanaman Rumpun Terpilih di kawasan bahu jalan bagi mengukur keberkesanan yang merangkumi kos penyelenggaraan dan frekuensi pemotongan rumput;
- vi. Kajian Pembangunan Bahan Sekunder Daripada Sisa Pepejal Pembinaan; dan
- vii. Kajian Pembangunan Smart Recycle Bin.



PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

PENGANJURAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2015

Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015 telah dirasmikan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 12 Disember 2015 bertempat di Taman Tasik Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur.

Sambutan ini dianjurkan dengan usaha sama JPSPN, SWCorp,



Malaysian Enviromental NGOs (MENGO) dan syarikat-syarikat konsesi.

Tema Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015 ialah '#Asingkan' bertepatan dengan kempen/peraturan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang telah dijalankan pada 1 September 2015. Sejak Program Pengasingan Sisa di Punca dilaksanakan, sebanyak 396,000 kilogram (kg) sisa kitar semula berjaya dikutip oleh syarikat konsesi.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan semasa majlis pelancaran antaranya ialah Program Upcycle, Treasure Hunt, pameran dan demonstrasi, program derma darah, pertandingan mewarna, pertandingan pengumpulan barangan kitar semula, car boot sale dan bazar 3R. Selain itu, aktiviti zumba diadakan bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta cabutan bertuah kepada pengunjung yang hadir.



Pertandingan Pidato Alam Lestari antara Institusi Pengajian Tinggi 2015

Pertandingan Akhir Pidato Alam Lestari antara Institusi Pengajian Tinggi (PALIPT) dengan tema 'Alam Sekitar Lestari – Lihatlah Dengan Mata Hati' juga telah diadakan pada 28 November 2015 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Program yang dianjurkan secara kerjasama strategik antara SWCorp dan Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia ini bertujuan untuk



menyediakan platform kepada para pelajar untuk mengutarakan isu-isu berkaitan alam sekitar, memupuk semangat mencintai alam sekitar dan menjana daya saing yang positif.

Forum Perdana Hal Ehwal Islam

Bersempena dengan Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2015, Program Forum Perdana Hal Ehwal Islam 2015 telah diadakan pada 26 November 2015 di Masjid Saidina Othman Ibnu Affan, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dengan tajuk 'Melarut Nafsu'.



PENJENAMAAN SEMULA PPSPPA

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah melancarkan Penjenamaan Semula PPSPPA kepada SWCorp pada 27 Januari 2015 di Hotel Everly, Putrajaya. Melalui penjenamaan semula ini, SWCorp berhasrat untuk

menjadi sebuah organisasi yang dekat di hati masyarakat dan memperkenalkan SWCorp di persada antarabangsa.

Pada majlis yang sama, SWCorp buat julung-julung kalinya telah melancarkan 3R Marathon and Carnival yang diadakan pada 18 dan 19 April 2015 serta disertai oleh peserta-peserta dari dalam dan luar negara.

Selain itu, Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS) 2015 turut dilancarkan. YB Menteri juga menyempurnakan pelepasan Road Tour Mata Hati sebagai simbolik kepada Siri Jelajah untuk mendidik dan melahirkan masyarakat yang menghargai dan memelihara alam sekitar.



PELANCARAN PELAN TRANSFORMASI MINDA (PTM) 2015-2020

Pelan Transformasi Minda (PTM) 2015-2020 merupakan dokumen holistik yang strategik disediakan oleh SWCorp sebagai panduan kepada semua agensi untuk melaksanakan strategi dan tindakan transformasi minda bagi membentuk minda rakyat kelas pertama yang cintakan kebersihan persekitaran dan pemuliharaan alam sekitar serta membudayakan amalan kebersihan untuk kelangsungan kehidupan sejagat.

Pelan ini telah dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin (Mantan Timbalan Perdana Menteri) pada 24 Februari 2015 di Hotel Everly, Putrajaya.

PROGRAM 3R MARATHON AND CARNIVAL 2015

Program 3R Marathon and Carnival telah dianjurkan khususnya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan dengan 3R. Melalui penganjuran program ini, amalan 3R diperkenalkan dengan mempromosikan program baharu yang berbentuk 'eco-awareness'.

Program ini telah diadakan selama dua (2) hari pada 18 hingga 19 April 2016 di Dataran Putrajaya, Presint 3.



SAMBUTAN ULANG TAHUN SWCORP KE-7 DAN KONVENSYEN BANDAR BERSIH

Sambutan Ulang Tahun SWCorp ke-7 diadakan bersekalikan dengan Konvensyen Bandar Bersih pada 1 Jun 2015 di Hotel Alson Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan dan dirasmikan oleh YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan). Majlis telah dihadiri oleh seramai 1,000 orang peserta yang terdiri daripada wakil kementerian, syarikat konsesi, agensi kerajaan, NGO, PBT, Persatuan Kontraktor (PERKON) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).



Konvensyen Bandar Bersih diadakan bagi tujuan berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pandangan berkaitan Program Bandar Bersih yang giat dijalankan. Program ini adalah inisiatif SWCorp untuk menjadikan 53 buah bandar di bawah seliaan SWCorp sebagai bandar bersih, seterusnya merealisasikan visi Malaysia agar tersenarai di dalam kelompok antara 10 negara terbersih di dunia dapat dicapai. Pada majlis ini juga telah dilancarkan Pelan Tindakan Winning The Hearts and Minds (WHM) dan Program Green Campus dan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Anugerah Taman Perumahan Bersih dan Anugerah Penyelia Syarikat Konsesi Terbaik.

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA DAN KEMPEN PROMOSI PENGASINGAN SISA PEPEJAL DI PUNCA PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

Program Gotong-royong Perdana telah diadakan pada 15 November 2015 bertempat di PPR Taman Mulia, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek, (Ketua Setiausaha, KPKT) bertujuan membuktikan keseriusan Kementerian dalam memastikan



budaya gotong-royong ini dijadikan amalan kehidupan masyarakat demi menjaga persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera.

Pelbagai program telah dilaksanakan antaranya, Mata Hati Walk iaitu pengedaran risalah mengenai kaedah



Program

pengasingan sisa pepejal di punca yang betul kepada penduduk setempat, gotong royong membersihkan kawasan sekitar PPR Taman Mulia, mengecat dinding aras bawah dan mencuci tangga blok kediaman bertingkat. Taklimat Pengasingan Sisa Pepejal di Punca dan penyerahan Cycle Cage turut dilaksanakan.

PENGANJURAN TAKLIMAT DAN SEMINAR

Sepanjang tahun 2015, SWCorp juga telah menganjurkan beberpa siri taklimat, forum dan seminar untuk mempromosikan program-program berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, seperti dalam Jadual 66.

Jadual 66 Pelaksanaan Program 3R Tahun 2015

BiL	Aktiviti	Tarikh
1.	Taklimat Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan kepada Agensi Kerajaan	27 Apr, 19 Ogos, 24 Ogos dan 26 Ogos 2015
2.	Seminar Food Waste Management for Sustainable Future	18 Ogos 2015
3.	Seminar Pengurusan Sisa Pepejal Perindustrian 2015	13 Mei 2015
4.	Seminar Antarabangsa Berkonsepkan Pelan Transformasi Minda ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera	24 Feb 2015
5.	Taklimat berkaitan Pelan Transformasi Minda kepada Agensi-agensi Kerajaan	15 Sep 2015



PENGANJURAN KEMPEN KESEDARAN

Sepanjang tahun 2015, SWCorp telah menjalankan beberapa kempen kesedaran dengan kerjasama pelbagai pihak khususnya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pembudayaan amalan kebersihan dan 3R.



Jadual 67 Pelaksanaan Kempen Kesedaran dengan kerjasama Agensi bagi tahun 2015		
BiL	Aktiviti	Tarikh
1.	Kempen Penggunaan Mangkuk Tingkat Sempena Bulan Ramadhan	Perbadanan Putrajaya (PjH)
2.	Kempen Pembudayaan 3R Ke Arah Ekosistem Kondusif	Jabatan Pendaftaran Negara
3.	Kempen <i>Value Food No Waste</i>	Persatuan Hotel Malaysia (MAH)
4.	Kempen Kebersihan Stadium Tanggungjawab Bersama	Persatuan Bola Sepak Malaysia
5.	Program POLYGreen	Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi
6.	Kempen "Ke Arah Malaysia Bersih Indah dan Sejahtera"	Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB)

ISU DAN PENYELESAIAN

Tunggakan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (KWPSPPA) oleh pihak berkuasa tempatan (PBT)

Setelah perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dikuatkuasakan sejak September 2011, trend terimaan bayaran sumbangan pihak PBT hanyalah mencapai sebanyak 85 peratus setahun sahaja, manakala 15 peratus lagi masih tertunggak. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif telah diambil oleh SWCorp untuk memastikan pihak PBT membayar tuntutan sumbangan KWPSPPA dan memastikan kedudukan aliran tunai bagi menampung bayaran perkhidmatan kepada syarikat konsesi adalah mencukupi.



Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. mengadakan "Pit Stop" bersama dengan PBT dan Kerajaan Negeri yang mempunyai masalah dalam membuat bayaran;
- ii. menghantar surat peringatan mengenai jumlah tunggakan yang direkod kepada PBT-PBT yang tidak membayar jumlah yang dituntut;
- iii. membahagikan PBT mengikut kebolehpayaan dan kesungguhan PBT membuat bayaran kepada empat (4) kategori seperti dalam Jadual 68;

Jadual 68 Kategori PBT Mengikut Keboleh upayaan Bayaran			
Kategori PBT	Keterangan Kategori	Bilangan PBT	
		Hingga 31 Dis 2014	Hingga 31 Dis 2015
A	Membuat bayaran dengan baik	29	32
B	Bersetuju dengan tuntutan tetapi lewat membuat bayaran	17	15
C	Tidak bersetuju dengan tuntutan	0	0
D	Mempunyai masalah kewangan	7	6
Jumlah		53	

Nota:

- Hasilnya, PBT di bawah Kategori A telah meningkat kepada 32 PBT berbanding lapan (8) PBT sahaja yang membuat bayaran dengan baik pada tahun 2013 dan tiada lagi PBT yang tidak bersetuju dengan amaun yang dituntut.
- SWCorp telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan dengan PBT di Kategori B bagi menjelaskan tanggungjawab dan kepentingan PBT tunggakan sumbangan pada tempoh yang ditetapkan.
- bagi mengatasi isu PBT dalam Kategori D iaitu yang tidak berkemampuan untuk membuat bayaran, KPKT telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan bagi meneliti kedudukan kewangan PBT berkenaan. KPKT melalui JPSPN pula sedang mengkaji bentuk-bentuk bantuan yang bersesuaian untuk mengurangkan bebanan PBT berkenaan.

- iv. pertemuan dengan PBT- PBT yang mempunyai keboleh upayaan yang tinggi untuk membuat bayaran juga telah diadakan agar PBT dapat membuat bayaran segera;
- v. mempercepatkan tempoh penghantaran bil tuntutan kepada PBT bagi memastikan PBT dapat memproses bayaran tersebut dengan cepat;
- vi. Meminta PBT yang mempunyai tunggakan untuk memberikan jadual komitmen bayaran tunggakan kepada SWCorp sebagai jaminan kepada penyelesaian tunggakan; dan
- vii. SWCorp telah mempercepatkan pengesahan tuntutan perkhidmatan di kawasan baharu kepada pihak PBT bagi meningkatkan kecekapan penghantaran tuntutan KWPSPPA kepada PBT dan akan turut mempercepatkan proses bayaran oleh pihak PBT kepada pihak SWCorp;
- Mengambil tindakan proaktif untuk mengatasi tunggakan tinggi oleh PBT di Negeri Melaka;
- Mengadakan rundingan bersama pihak pengurusan tertinggi PBT, SUK dan Exco Negeri Melaka; dan
- Menghentikan penerimaan kawasan baharu.

PROGRAM LATIHAN KPKT

INSTITUT LATIHAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

LATAR BELAKANG

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 13 Jun 2007 telah mengambil maklum akan keperluan penubuhan institut latihan untuk melatih penjawat awam pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dianggarkan berjumlah lebih 60,000 orang dalam semua bidang tugas yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan PBT. Perkara ini termasuk inisiatif-inisiatif baharu bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam PBT seperti penubuhan Pusat Setempat (OSC) dan Pesuruhjaya Bangunan (COB) serta meningkatkan kecekapan pelaksanaan fungsi-fungsi sedia ada PBT iaitu berkaitan Perancangan Bandar dan Urbanisasi, Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Landskap dan Penguatkuasaan Undang-undang.

VISI

Pusat Kecemerlangan dalam bidang latihan, rujukan dan khidmat nasihat bagi aspek perancangan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mampan bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembangunan penempatan manusia yang memenuhi sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan oleh pihak berkuasa tempatan

Lanjutan daripada mesyuarat tersebut, melalui kelulusan Waran Perjawatan Bil. S146 Tahun 2007 bertarikh 10 Ogos 2007, Pasukan Core-Team Institut telah ditubuhkan dengan 10 perjawatan. Pasukan ini diberi tanggungjawab membuat persiapan awal bagi menubuhkan sebuah institut seperti penyediaan bajet, memberi input reka bentuk kampus serta membangunkan modul-modul kursus/latihan.

MISI

- Membangunkan modul dan melaksanakan program latihan bersistematik ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti selaras dengan wawasan negara
- Berperanan sebagai pakar rujuk dan khidmat nasihat dalam bidang perbandaran, perumahan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta pengurusan Kerajaan Tempatan
- Menyelaras dan mengendalikan taklimat mengenai akta, undang-undang kecil dan peraturan-peraturan serta dasar/polisi semasa yang dikeluarkan oleh KPKT



Pada 3 Oktober 2011, Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT) telah beroperasi sepenuhnya di kampus tetapnya di Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang. Kampus tersebut mengandungi tujuh (7) blok bangunan dilengkapi pelbagai prasarana. Bagi mengukuhkan lagi pengoperasian ILPKT, sebanyak 29 perjawatan telah diluluskan pada 22 November 2011 daripada pelbagai skim perjawatan.

Penjenamaan semula nama ILPKT kepada Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) adalah selaras dengan pengumuman

oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Mei 2013 yang mana fungsi baharu 'Kesejahteraan Bandar' dimasukkan ke dalam fungsi asal KPKT bagi memperkukuh dan memperluas fungsi KPKT.

Perubahan Waran Perjawatan selepas pengstrukturkan semula KPKT dan secara zero-based melalui Waran Perjawatan Bil.S130 Tahun 2014 telah menjadikan perjawatan I-KPKT sebanyak 36 jawatan.

OBJEKTIF

- Melaksanakan latihan dalam semua aspek berkaitan Kerajaan Tempatan,

- perancangan dan penempatan manusia kepada anggota PBT
- Mewujudkan pusat rujukan yang responsif bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan PBT
- Menyediakan khidmat nasihat kepada PBT dari segi teknologi, bahan/produk, projek untuk pelaksanaan oleh PBT bagi jangka masa panjang

FUNGSI UTAMA

- Melaksanakan latihan mengenai penempatan manusia, persekitaran dan kualiti hidup, perancangan dan pengurusan bandar serta perkhidmatan perbandaran melalui kajian ke atas demografi, migrasi, sosio budaya, ekonomi, pembangunan teknologi, pengurusan, perubahan teknologi dan perkembangan semasa pentadbiran negara
- Menyediakan kertas-kertas kajian untuk dibentangkan pada peringkat kebangsaan dan persidangan antarabangsa dalam menangani isu-isu berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan.
- Membantu mengenal pasti isu dan masalah semasa dalam konteks perbandaran negara dan seterusnya

- memperakukan kaedah perancangan dan cadangan dasar
- iv. Menawarkan khidmat nasihat dan pakar runding bagi penggubalan dasar, perancangan dan strategi pelaksanaan program serta aktiviti dalam sektor berkaitan
- v. Melaksanakan program latihan kepada semua peringkat individu dalam sektor berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran
- teknikal dan pentadbiran
- vi. Menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan pada peringkat tempatan dan antarabangsa
- vii. Menyalurkan maklumat terkini berhubung dengan perubahan dasar dari semasa ke semasa
- viii. Menggubal kurikulum, merancang, melaksana, menyediakan garis panduan pelaksanaan kursus dan laporan penilaian kursus yang berkaitan

PENCAPAIAN DAN PROGRAM/ AKTIVITI UTAMA

PELAKSANAAN KURSUS, SEMINAR DAN BENGKEL

I-KPKT telah berjaya melaksanakan kursus, seminar dan bengkel yang telah dirancang bagi tahun 2015 walaupun jabatan ini mengalami kekangan berkaitan pengisian perjawatan. Senarai kursus, seminar dan bengkel yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 69.

Jadual 69 Pelaksanaan Kursus, Seminar dan Bengkel

BiL	Pusat Pengajian	Kursus, Seminar dan Bengkel yang Dilaksanakan
1.	Pengurusan Sisa Pepejal	i. Kursus Reka Bentuk dan Pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (Siri 1 dan 2) ii. Seminar Kelestarian Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam iii. Kursus Asas Pengurusan Projek dan Pentadbiran Kontrak untuk Tapak Pelupusan (Siri 1 dan 2) iv. Kursus Kajian Komposisi Sisa Pepejal v. Bengkel Mengurus Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam (<i>Lesson Learned</i>) vi. Kursus Penutupan Selamat dan Pengurusan Pasca Penutupan Tapak Pelupusan (Siri 1 dan 2) vii. Kursus Amalan Terbaik Pengurusan Sisa Pepejal dan Tapak Pelupusan viii. Ceramah Eksekutif Pengurusan Sisa Pepejal dari Perspektif Perniagaan
2.	Kerajaan Tempatan	i. Kursus Kebersihan Pasar Awam 2015 ii. Kursus Penarafan Bintang Tandas di PBT Awam (Siri 1 dan 2) iii. Kursus Kawalan Tikus di PBT (Siri 1, 2 dan 3) iv. Kursus Promosi Keselamatan Makanan di PBT (Siri 1, 2 dan 3) v. Kursus Panel Penilai Pertandingan Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia
3.	Pengurusan Landskap	i. Kursus Master Gardener Modul 1: Penanaman dan Penyelenggaraan Pokok Ameniti ii. Kursus Pengurusan Landskap Modul 1: Kursus Pengurusan Aset Hidup iii. Kursus Master Gardener Modul 2: Kawalan Penyakit dan Perosak Pokok Ameniti

BiL	Pusat Pengajian	Kursus, Seminar dan Bengkel yang Dilaksanakan
		iv. Kursus Master Gardener Modul 3: Memanjat Pokok Ameniti v. Kursus Pengurusan Landskap Modul 2: Pengurusan dan Penyelenggaraan Taman vi. Kursus Pengurusan Landskap Modul 3: Pengurusan dan Penyelenggaraan Badan Air vii. Kursus Master Gardener Modul 4: Kursus Kawalan Penyakit dan Perosak Pokok Ameniti (Siri 2) viii. Kursus Master Gardener Modul 5: Kursus Pemangkasan Pokok Ameniti ix. Kursus Pengurusan Landskap Modul: Perancangan Reka Bentuk Landskap untuk Taman Awam, Landskap Perbandaran dan Landskap Perbandaran x. Kursus Master Gardener Modul 6: Penyelenggaraan Mesin dan Peralatan Landskap xi. Kursus Master Gardener Modul 7: Pembajaan Pokok Ameniti xii. Kursus Pengurusan Landskap Modul 5: Pengurusan di Tapak Bina yang Efektif xiii. Kursus Teknikal Landskap Modul 1: Proses Reka Bentuk Landskap xiv. Kursus Teknikal Landskap Modul 2: Penilaian Tahap Risiko Pokok xv. Kursus Teknikal Landskap Modul 3: Arborikultur xvi. Kursus Teknikal Landskap Modul 1: Proses Reka Bentuk Landskap (Siri 2)
4.	Perancangan Bandar dan Urbanisasi	i. Kursus Pemahaman Best Planning Practices (Siri 1 dan 2) ii. Kursus Pemahaman Transit Oriented Developmet (TOD) (Siri 1 dan 2) iii. Kursus Analisa Laporan-laporan Teknikal Bagi Kebenaran Merancang (Siri 1 dan 2) iv. Kursus Aspek-aspek Pengurusan Perbandaran v. Kursus Pelaksanaan Caj Pemajuan vi. Bengkel Perancangan dan Tanah Tinggi: Pengurusan Bencana dan Indikator Pembangunan Mampan vii. Bengkel Pelaksanaan Caj Pemajuan viii. Program CityTalk@Bukit Tinggi
5.	Perumahan	i. Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Bangunan Berstrata (Siri 1, 2, 3 dan 4) ii. Kursus Pemfailan Jadual Petak di bawah Akta 757 (Siri 1 dan 2) iii. Kursus Pengurusan Mesyuarat Agung JMB/MC iv. Kursus Panduan Tadbir Urus v. Kursus Hak Milik Strata vi. Kursus Asas Penilaian
6.	Perundangan dan Penguatkuasaan Undang-undang	i. Bengkel Teknik Pendakwaan Pelbagai Jabatan (Siri 1 dan 2) ii. Kursus Asas Pengenalan Kepada Kontrak Kerajaan iii. Bengkel Penggubalan Asas Teks Perundangan (Siri 1 dan 2)



KURSUS ANJURAN KPKT DAN AGENSI KERAJAAN LAIN DI I-KPKT

I-KPKT juga membenarkan fasiliti I-KPKT diguna pakai oleh KPKT dan agensi kerajaan yang lain lain. Berikut adalah pecahan untuk kursus KPKT dan kursus agensi kerajaan lain yang dianjurkan di I-KPKT:

- i. 65 kursus melibatkan 66,601 peserta kursus anjuran jabatan/bahagian/unit di bawah KPKT; dan
- ii. 73 kursus melibatkan 3,314 peserta kursus agensi kerajaan yang lain.





KEJIRANAN INDAH (MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD, MYBN)

KPKT telah memulakan Projek Kejiranan Indah (My Beautiful Neighbourhood, MyBN) pada 28 Julai 2012 yang dijayakan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (ICU), Kerajaan Negeri, PBT, sukarelawan belia iM4U dan persatuan penduduk. Inisiatif MyBN ini telah ditambah baik dari tahun ke tahun dan sehingga kini, terdapat tiga (3) program yang dilaksanakan di bawah inisiatif ini, iaitu:

MEMBAIK PULIH PERUMAHAN AWAM

Program Membaik Pulih Perumahan Awam ini dilaksanakan bertujuan untuk mengubah persekitaran kejiranan perumahan awam yang tidak terurus kepada persekitaran yang indah, mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih dan indah secara mampan dan mewujudkan perasaan cintakan persekitaran kejiranan dalam kalangan penduduk setempat. Inisiatif ini diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Bandar

dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dan disokong oleh jabatan dan bahagian di bawah KPKT serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Terdapat tujuh (7) komponen baik pulih di bawah program ini, iaitu:

- penyelenggaraan bangunan
- menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam
- menaik taraf landskap dan projek mengindahkan persekitaran;
- Program Bandar Selamat;
- rondaan keselamatan oleh

- PDRM, RELA, ATM dan penduduk;
- pembersihan kawasan; dan
 - Program Transformasi Sosial.

Pada tahun 2015, KPKT telah berjaya membaik pulih 18 buah perumahan awam di seluruh negara di bawah program ini, seperti yang berikut:

- Rumah Pangsa Awam Taman Dahlia, Langkawi, Kedah;
- Rumah Pangsa Pengkalan Rama, Melaka;
- Rumah Pangsa Bandar Hilir III, Melaka;

- Rumah Pangsa Gajah Berang, Melaka;
- Rumah Pangsa Taman Anika, Melaka;
- Rumah Pangsa Taman Bersatu, Kluang, Johor;
- Rumah Pangsa Jalan Hj Manan (Blok E), Kluang, Johor;
- Program Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pak Mahat, Kuantan, Pahang;
- Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Sri Kemuning, Temerloh, Pahang;
- Rumah Pangsa Pulau Duyung, Kuala Terengganu;
- Desa Keluarga Kemaman, Kg. Fikri, Kemaman, Terengganu;
- Rumah Pangsa Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah;
- Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Puri Warisan, Kalansanan, Sabah;
- PPR Sri Wangi, Kuching, Sarawak;
- PPR Taman Dahlia, Kuching, Sarawak;
- RPR Sg. Plan, Bintulu, Sarawak;
- PPR Taman Ixora Indah, Kapit, Sarawak; dan
- RPR Taman Susur Jamu, Sarikei, Sarawak.



Sebelum



Selepas

PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL

Bagi mengekalkan konsep Kejiranan Indah selepas projek disiapkan, Program Transformasi Sosial (PTS) diwujudkan di kawasan MyBN. Objektif pelaksanaan PTS adalah untuk:

- mewujudkan satu mekanisme kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program serta aktiviti yang dijalankan;
- mewujudkan nilai kebertanggungjawaban (*sense of belonging*) terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan;
- memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik dari fizikal, mental dan sosial; dan

- menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program/aktiiti kesukarelawan.

PTS dilaksanakan melalui program sedia ada di bawah jabatan/bahagian KPKT iaitu Bomba Komuniti, Kitar Semula (3R), Kesihatan Persekitaran, Rakan Taman dan Bandar Selamat (*Omnipresence*). Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB), KPKT dipertanggungjawab untuk menyelaraskan inisiatif ini dan pelaksanaannya setiap program akan diterajui oleh jabatan dan bahagian di bawah KPKT.

Sepanjang tahun 2015, PTS telah dilancarkan di lapan (8) lokasi MyBN, seperti dalam Jadual 72.

Jadual 70 Senarai Program Transformasi Sosial yang Dilancarkan Sepanjang Tahun 2015

BiL	Lokasi	Agensi pelaksana	Tarikh Majlis Pelancaran	Perasmi
1.	RP Bandar Baru Teluk Kumbar, Pulau Pinang	JBPM	14 Mac 2015	YB Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya (Timbalan Menteri Kesihatan merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau)
2.	Flat Seri Taman Batu 3½, Sandakan, Sabah	JPBD	9 Mei 2015	YB Datuk Zakaria Bin Mohd Faris (Pembantu Menteri II, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah)
3.	RP Larkin, Johor	SWCorp	22 Mei 2015	YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan)
4.	RP Kinta Height, Ipoh, Perak	JLN	7 Jun 2015	Encik Mohammad Ridzwan bin Abidin (Setiausaha Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, KPKT)
5.	RP Kos Rendah Taman Setia Jaya, Alor Setar, Kedah	JKT	9 Okt 2015	YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan)
6.	Pangsapuri Kiara, Batu Berendam, Melaka	BKB	31 Okt 2015	YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan
7.	RP Senawang 1, Seremban, Negeri Sembilan	SWCorp	7 Nov 2015	YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique
8.	PAKR Sri Kemuning, Temerloh, Pahang	JPSPN	20 Dis 2015	YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri Pahang)



PROGRAM HOUSE BUILD

Program House Build ialah program pembinaan semula rumah terbakar atau rumah usang untuk golongan berpendapatan rendah. Kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan sumbangan

peruntukan adalah daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW), Tenaga Nasional Berhad (TNB), pemaju, Majlis Agama Islam dan agensi kerajaan dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Saiz rumah yang dibina adalah berukuran 20' x 30' dengan kos

RM40,000.00 di Semenanjung Malaysia dan RM50,000.00 di Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 2015, JBPM telah membina semula sebanyak 20 unit rumah terbakar dan 10 unit rumah miskin, seperti dalam Jadual 71.

Jadual 71 Senarai Program House Build

BiL	Lokasi	
	Rumah Terbakar yang Dibina Semula	Rumah Usang yang Dibina Semula
1.	Kg. Padang Temusu, Mukim Derang, Pokok Sena, Kedah	Kg. Rambai, Padang Siding, Pauh, Arau, Perlis
2.	Kg. Pondok Labu Hujung, Keladi, Kulim, Kedah	362, Permatang Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang
3.	No. 71-A, Kg. Makmur, Sg. Siput (U), Perak	Kg. Sumpitan, Lenggong, Perak
4.	No 44, Jln. 3, Taman Changgang Jaya, Banting, Selangor	No.86,Kg. Batu Tiga,Tapah, Perak
5.	Lot 1643/C, Batu 9, Kg. Medan, Teluk Panglima Garang, Selangor	Kg. Ulu Lakai, Simpang Durian, Jelevu, N. Sembilan
6.	Lot 541, Batu 16 ½ Jalan Sg. Tiram, Kg. Sempadan, Ulu Tiram, Johor	No. H-6, Kg. Anak Air Petai, Batu 46, Jalan Tampin, Kuala Pilah, N.Sembilan
7.	SPL Sungai Pulai, Parit, Jawa, Muar, Johor	Batu 7 ½ Solok Jenuang, Ayer Molek, Melaka
8.	Kg. Jeram Bangkin, Dong, Raub, Pahang	No.143, Jalan Bunga Teratai, Felda Kemendor, Jasin, Melaka
9.	Kg. Baru Bintang, Temerloh, Pahang	Kg. Padang Kemunting, Kuala Terengganu, Terengganu
10.	Kg. Benting Lintang, Kg. Raja, Besut, Terengganu	Kg. Padang Lalang, Binjai, Chukai, Kemaman, Terengganu
11.	Lot 1628 Batu 6, Jalan Tumpat Chabang 4, Tumpat, Kelantan	
12.	Kg. Tasek Bakong, Guar Periok, Rantau Panjang, Kelantan	
13.	Kg. Gong Mengkelih, Pasir Puteh, Kelantan	
14.	Kg. Lohan Skim 1, Ranau, Sabah	
15.	Kg. Saga Laut, Tenom, Sabah	
16.	Kg. Malati Burut, Tawau, Sabah	
17.	Kg. Lingkodon, Kota Belud, Sabah	
18.	Kg. Sebigo, Lundu, Sarawak	
19.	Bom Oya, Mukah, Sarawak	
20.	Kg. Lubok Lasas, Limbang, Sarawak	



MALAYSIAKU INDAH (MY BEAUTIFUL MALAYSIA, MYBM)

Malaysiaku Indah (My Beautiful Malaysia, MyBM) mula diperkenalkan pada 21 Mei 2014 bertujuan untuk menangani isu-isu berkaitan fasiliti awam terutamanya tandas awam, perumahan Kerajaan serta rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah yang berada dalam keadaan daif, usang dan kotor kerana tidak diselenggara dengan baik. MyBM merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu:

- a. Program Penyenggaraan Perumahan; dan
- b. Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia

Kategori kos rendah dan sederhana ditentukan melalui nilai belian asal unit kediaman tersebut, seperti dalam Jadual 72.

Jadual 72 Pengkategorian Perumahan Kos Rendah dan Sederhana

Lokasi	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah
Semenanjung Malaysia	≤ RM42,000	RM42,000 ≥ RM80,000
Sabah/Sarawak/Labuan	≤ RM59,000	RM59,000 ≥ RM100,000



Sebelum



Selepas

PROGRAM PENYENGKARAAN PERUMAHAN KOS RENDAH DAN KOS SEDERHANA RENDAH

Di bawah insiatif yang diselenggarakan oleh KPKT melalui Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) ini, terdapat dua (2) program yang dilaksanakan untuk membaik pulih rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah yang berada dalam keadaan daif, usang dan kotor, iaitu:

Program Penyenggaraan Perumahan

Pada tahun 2015, KPKT telah menyelaras sebanyak 18 projek bagi Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) Awam Kos Rendah dengan peruntukan berjumlah RM23.2 juta dan seramai 35,205 orang penghuni telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini. Skop kerja di bawah program ini adalah seperti yang berikut:

- membaiki atau mengganti lif;
- membaiki atau mengganti tangki air dan sistem ratikulas;
- membaiki atau mengganti paip sanitari;
- membaiki atau mengganti bumbung;
- membaiki atau mengganti tangga dan *handrail*;
- mengecat bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun);
- pendawaian semula dan elektrik; dan

- membaiki kerosakan umum pada kemudahan awam harta bersama yang menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni

Statistik 18 projek yang telah di baik pulih di bawah PPP pada tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 73.

Jadual 73 Statistik Projek Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) Awam Kos Rendah Mengikut Negeri bagi Tahun 2015

Negeri	Bilangan Projek	Kos PPP (90%) (RM)
Johor	2	3,197,335.21
Kedah	1	913,922.33
Melaka	4	1,296,904.58
Pahang	2	5,705,088.71
Sabah	2	952,995.60
Sarawak	5	6,440,972.11
Terengganu	2	4,703,653.00
Jumlah	18	23,210,871.54

Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia

Pada tahun 2015, di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang melibatkan penyenggaraan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah swasta, BPP telah menyelaras sebanyak 60 projek dan seramai 80,596 orang penghuni telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini. Statistik projek di lapan (8) negeri yang dilaksanakan inisiatif TP1M ini bagi tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 75.


Jadual 74 Statistik Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) Mengikut Negeri bagi Tahun 2015

Negeri	Bilangan Projek	Kos Sebenar / Kos Kontrak (RM)	Kos TP1M (90%/70%) (RM)
Johor	30	1,556,280.90	1,089,396.63
Melaka	3	1,545,936.00	1,209,942.40
Negeri Sembilan	3	314,490.00	283,041.00
Perak	5	1,288,622.00	1,159,759.80
Pulau Pinang	9	6,245,650.00	5,397,782.00
Selangor	6	4,980,150.10	4,176,474.67
Terengganu	1	67,000.00	60,300.00
WP Kuala Lumpur	3	1,213,356.00	1,045,296.00
Jumlah	60	17,211,485.00	14,421,992.50

PENYENGGARAAN KUARTERS KERAJAAN

Di bawah Program Penyenggaraan Kuarters Kerajaan, BPP telah menyelaras sebanyak 126 projek dengan peruntukan berjumlah RM104.6 juta dan seramai 4,523 orang penjawat awam telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini. Statistik projek yang terlibat di bawah program ini adalah seperti dalam Jadual 75.

Jadual 75 Statistik Program Penyenggaraan Kuarters Kerajaan Mengikut Agensi Pemilik bagi Tahun 2015		
Agensi Pemilik Kuarters	Bilangan Projek	Kos Penyenggaraan (RM)
Jabatan Penjara Malaysia	17	9,934,671.36
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	18	1,972,668.28
Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	15	12,852,763.07
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)	1	149,995.92
Jabatan Pertahanan Awam (JPAM)	3	802,867.45
Agensi Anti-Dadah Kebangsaan(AADK)	10	9,662,949.83
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	5	8,481,916.12
Institut Tadbiran Awam Negera (INTAN)	2	654,760.00
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	20	8,879,272.68
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	14	226,167.75
Kementerian Pertahanan Malaysia	7	33,430,000.00
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	2	1,493,298.02
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	5	4,768,669.52
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	6	10,660,000.00
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1	630,000.00
Jumlah	126	104,600,000.00



PEMBAIKAN TANDAS AWAM DI BAWAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Pada tahun 2015, sebanyak 325 tandas telah disiapkan dengan peruntukan berjumlah RM23.6 juta. KPKT merancang akan meneruskan pelaksanaan program ini di tahun-tahun berikutnya sehingga bilangan tandas awam PBT yang dibaik pulih dan dinaik taraf mencapai 1310 buah atau 50 peratus daripada jumlah tandas awam PBT di seluruh negara berdasarkan banciaan tahun 2013.



BANDAR BELIA 1MALAYSIA (1MALAYSIA YOUTH CITY, 1MYC)

Bandar Belia 1Malaysia (1Malaysia Youth City, 1MYC) merupakan inisiatif kerjaan untuk mewujudkan satu ekosistem komprehensif yang disertai belia untuk meningkatkan keupayaan dan memajukan diri dalam pekerjaan dan keusahawanan serta dapat menikmati kemudahan perumahan dan rekreasi.

Matlamat 1MYC ialah mentransformasikan kawasan pinggir bandar yang kurang membangun dengan konsep 1MYC menerusi kolaborasi efektif serta mengoptimumkan infrastruktur dan sumber sedia ada. Konsep 1MYC ialah “live, learn, work and play”.

Inisiatif ini diterajui oleh KPKT, Kementerian Kemaajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Semasa pembentangan Bajet 2015, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi membiayai tiga (3) projek perintis 1MYC di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

- Tanjung Malim, Perak merupakan lokasi perintis 1MYC yang pertama. Komponen pembangunan yang telah dilaksanakan di Tanjung Malim ialah Go-Kart Circuit, Arena Square, Sarang Art Hub dan Knowledge and Skill House (UPSII). Manakala, komponen pembangunan yang akan dilaksanakan di sana ialah:
- i. Perumahan Mampu Milik;
 - ii. Town Park;
 - iii. Rumah Transit;
 - iv. 1Malaysia Entrepreneurship Hub (1MET Hub) dan One-Stop Business Service Office (BSOs);
 - v. Sungai Bernam Beautification;
 - vi. Town Square;

- vii. Mini Sport Complex; dan
- viii. Youth Central.



PENYERTAAN DALAM PAMERAN BERSEMPENA DENGAN HARI NBOS 2015

Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi telah menganjurkan Hari Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 2015 pada 23 dan 24 Mei 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (Perdana Menteri)

Tujuan Hari NBOS ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat lanjut serta berkongsi informasi mengenai lebih daripada 80 inisiatif NBOS yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan demi kesejahteraan rakyat. Pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan oleh setiap kementerian dan agensi yang terlibat dengan inisiatif NBOS seperti pameran dan persembahan pentas.

KPKT juga turut terlibat dengan pameran Hari NBOS 2015 di bawah kluster 'Urban' dengan mempamerkan tiga (3) program KPKT di bawah inisiatif NBOS iaitu Kejiranan Indah (MyBN), Malaysiaku Indah (MyBM) dan Bandar Belia 1Malaysia (1MYC).



(Photo Hiasan)

PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (DASAR DAN PEMBANGUNAN)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK

LATAR BELAKANG

Bahagian Perancangan Dasar dan Pembangunan (BPDP) telah ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Am Bil.2 Tahun 1982 (Organisasi Kementerian-kementerian). Bahagian ini kemudiannya telah disusun semula pada Jun 2003 dan diletakkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dengan berkuat kuasa Waran Perjawatan yang dikeluarkan pada tarikh tersebut.

Pada tahun 2007, Bahagian Pembangunan telah digabungkan dengan Bahagian Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek (PIMB) di bawah Jabatan Perumahan Negara dan diberi nama baharu iaitu Bahagian Pembangunan dan

VISI

Semua projek-projek pembangunan dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna

Pelaksanaan Projek (BPPP), dan diletakkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan). Dengan penggabungan ini, BPPP berfungsi sebagai agensi pelaksana di peringkat Kementerian bagi projek-projek pembangunan KPKT.

Pada tahun 2014, penstrukturan semula diluluskan sekali lagi melalui waran perjawatan baharu iaitu Waran Perjawatan Bil.130/2014. Dengan penstrukturan semula ini

MISI

Merancang, melaksana, memantau dan menilai semua projek pembangunan dengan menggunakan kaedah yang berkesan. Secara keseluruhannya, BPPP terdiri daripada tiga (3) cawangan utama iaitu Cawangan Pembangunan, Cawangan Pengurusan Projek dan

sebanyak 518 jawatan yang terdiri daripada pegawai pengurusan profesional dan anggota pelaksana telah diwujudkan di BPPP. Secara keseluruhannya, BPPP turut disokong oleh enam (6) Pejabat Wilayah yang menyelaras dan melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut negeri tertentu, seperti yang berikut:



- i. Pejabat Wilayah 1 – merangkumi Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis;
- ii. Pejabat Wilayah 2 – merangkumi Negeri Perak;
- iii. Pejabat Wilayah 3 – merangkumi Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan sebahagian Negeri Melaka;
- iv. Pejabat Wilayah 4 – merangkumi Negeri Johor dan sebahagian Negeri Melaka;
- v. Pejabat Wilayah 5 – merangkumi Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang; dan
- vi. Pejabat Wilayah 6 – merangkumi Negeri Sabah dan Sarawak.

FUNGSI UTAMA

- i. Merancang dan menyelaras bajet pembangunan bagi projek-projek pembangunan di bawah KPKT
- ii. Merancang, melaksana dan menyelenggara projek-projek pembangunan KPKT supaya mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- iii. Memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan KPKT
- iv. Menilai program/projek pembangunan yang siap bagi mendapatkan *outcome* dan impak projek

PROGRAM/ AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

PRESTASI FIZIKAL

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 266 projek dilaksanakan oleh KPKT mengikut fasa yang berbeza. Secara keseluruhannya, KPKT telah berjaya menyiapkan sepenuhnya sebanyak 62 projek. Status projek-projek pembangunan di bawah BPPP mengikut status projek adalah seperti dalam Jadual 76.

Jadual 76 Prestasi Fizikal Pelaksanaan Projek Pembangunan Tahun 2015

Jabatan/ Bahagian	Jumlah Projek	Status Projek				
		Simpan Dalam Perhatian	Lewat Jadual	Ikut Jadual	Dahulu Jadual	Siap Sepenuhnya
Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	24	-	2	20	2	-
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)	34	3	4	15	1	11
Jabatan Perumahan Negara (JPN)	75	6	-	20	36	13
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)	24	-	-	-	4	20

Jabatan/ Bahagian	Jumlah Projek	Status Projek				
		Simpan Dalam Perhatian	Lewat Jadual	Ikut Jadual	Dahulu Jadual	Siap Sepenuhnya
Jabatan Landskap Negara (JLN)	31	1	-	19	8	3
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	70	-	1	54	-	15
Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB)	5	-	-	5	-	-
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP)	3	-	-	2	1	-
Jumlah	266	10	7	135	52	62

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2015, KPKT telah memperoleh peruntukan sebanyak RM1,494,146,088.00. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM1,494,146,041.93 (100.00 peratus) telah dibelanjakan. Jadual 77 menunjukkan prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2015.

Jadual 77 Prestasi Kewangan Peruntukan Pembangunan KPKT Tahun 2015		
Jabatan/Bahagian	Peruntukan Pindaan (RM)	Perbelanjaan (RM)
JKT	306,957,085.00	306,957,084.44
JPSPN	132,495,661.00	132,495,660.28
JPN	609,535,735.00	609,535,728.12
JPBD	11,502,025.00	11,502,022.30
JLN	47,570,945.00	47,570,943.52
JBPM	193,571,562.00	193,571,558.93
BKB	48,111,504.00	48,111,503.91
BPP	144,401,541.00	144,401,540.43
Jumlah	1,494,146,088.00	1,494,146,041.93

PENAMBAHBAIKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KPKT

Dalam usaha bagi memastikan pelaksanaan program dan projek RMK-10 berjalan dengan lancar, BPPP telah melaksanakan beberapa penambahbaikan, antaranya ialah:

- i. Melaksanakan tindakan pengesanan dan penyelesaian masalah melalui pemantauan secara berterusan terutamanya bagi projek-projek yang berkemungkinan mengalami

masalah lewat jadual. Ini bagi memastikan projek-projek yang mempunyai masalah dapat dikesan lebih awal untuk mengelakkan projek tersebut tergolong dalam kategori sakit;

- ii. Berlandaskan teras Misi Nasional, pelaksanaan projek-projek dalam RMK-10 akan lebih menekankan kepada 'cost benefit analysis', pelaksanaan projek mengikut keutamaan dan analisis penilaian outcome serta impak yang komprehensif bagi memastikan perbelanjaan pembangunan dibuat secara berhemah;
- iii. Kawalan peruntukan dan perbelanjaan yang lebih tegas dan menyeluruh bagi memastikan siling dan peruntukan tahunan bagi setiap projek dan program yang dilaksanakan adalah mencukupi bagi mengelakkan berlakunya kekurangan atau lebihan peruntukan yang akan memberi kesan kepada prestasi perbelanjaan Kementerian;
- iv. Penggunaan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) diberikan penekanan dalam sistem perancangan dan pemantauan pelaksanaan projek terutamanya dari segi kewangan dan fizikal projek serta masalah yang dihadapi bagi memastikan maklumat adalah terkini, tepat dan

mudah dirujuk oleh pihak pengurusan dan agensi yang berkaitan; dan

- v. Menggiatkan peranan, meningkatkan kerjasama serta menyatupadukan tindakan dan penyelarasan antara jabatan dan bahagian dengan menggembelingkan


tenaga serta kepakaran dalam mengemas kini, menyumbang dan berkongsi maklumat terkini mengenai pelaksanaan sesuatu program/projek untuk memastikan pelaksanaan program dan projek pembangunan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

LAWATAN TURUN PADANG

Mesyuarat Majlis Tindakan Negara Bil. 2/2009 pada 29 Oktober 2009 telah memutuskan agar YB Menteri mengadakan program turun padang bagi melawat sekurang-kurangnya satu (1) projek setiap bulan, manakala Ketua Setiausaha pula perlu mengadakan program turun padang sekurang-kurangnya ke tiga (3) projek setiap bulan dengan tumpuan diberikan kepada projek-projek yang bermasalah dan keputusan ini telah mula dilaksanakan oleh KPKT sejak bulan November 2009 sehingga kini.

Sehubungan dengan itu, BPPP telah diberi tanggungjawab sebagai penyelarass Laporan Lawatan Turun Padang YB Menteri dan Ketua Setiausaha kepada YAB Perdana Menteri dan Buletin Prestasi Pelaksanaan Projek RMK-10 setiap bulan. Jadual 78 menunjukkan prestasi lawatan turun padang sepanjang tahun 2015.

Jadual 78 Ringkasan Laporan Lawatan Turun Padang KPKT Tahun 2015





BAHAGIAN DASAR DAN INSPEKTORAT

LATAR BELAKANG

Bahagian Dasar dan Inspektorat (BDI) terbentuk hasil daripada penggabungan Bahagian Dasar dan Bahagian Inspektorat melalui Waran Perjawatan Bil. S130 Tahun 2014 bagi Penstrukturan Semula KPKT Tahun 2014 berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2014.

OBJEKTIF

- Memastikan dasar-dasar yang dirancang dan dilaksanakan pada peringkat jabatan, agensi dan bahagian selaras dengan visi, misi dan matlamat Kementerian
- Memenuhi tuntutan dan hala tuju nasional melalui inisiatif Kerajaan seperti konsep Gagasan 1Malaysia, Program

VISI

Peneraju dasar yang mantap dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP)

- Memastikan penyampaian perkhidmatan Kementerian dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mematuhi dasar dan peraturan yang dikuatkuasakan melalui aktiviti lawatan inspektorat ke jabatan / agensi / bahagian Kementerian dan PBT

MISI

Menjadi penasihat, penyelaras dan rujukan dalam perancangan penggubalan dasar-dasar pembangunan persekitaran hidup yang berkualiti, sejahtera dan mampan selaras dengan wawasan negara

- Memastikan penerbitan perangkaan dan analisis data yang berkaitan program dan aktiviti Kementerian adalah sahih, tepat dan terkini

FUNGSI UTAMA

- Memberi khidmat nasihat kepada jabatan, agensi dan bahagian dalam proses penggubalan dasar
- Menyedia dan memantau prestasi pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian
- Menyelaras proses penyediaan dan memantau prestasi pelaksanaan sasaran kerja tahunan Kementerian
- Melaksanakan proses penilaian dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian



- v. Melaksanakan proses penilaian dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan PBT
- vi. Melaksanakan proses bimbingan dan pemantauan ke atas cadangan penambahbaikan yang disyorkan dalam laporan penilaian inspektorat

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

PENYELARASAN KE ATAS DASAR DAN PERATURAN KEMENTERIAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan, KPKT

Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP), KPKT merupakan sebuah jawatankuasa tertinggi yang membuat keputusan dasar utama Kementerian secara holistik dan selaras dengan hala tuju Kementerian dan dasar-dasar negara.

Jawatankuasa yang diurusetiaikan oleh BDI ini telah melaksanakan mesyuarat sebanyak lima (5) kali bagi tahun 2015 dan sebanyak 23 kertas pertimbangan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan

Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (GRP) yang diselaraskan oleh BDI adalah melalui pembudayaan proses Analisis Impak Peraturan (RIA) dalam penggubalan dasar dan peraturan Kementerian. Pelaksanaannya adalah selaras dengan Pekeliling Am BIL1/2013 iaitu Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia pada 15 Julai 2013.

Ini merupakan suatu proses untuk menghasilkan peraturan yang berkesan dan berkualiti. Seramai 25 orang Penyelaras Peraturan (RC) telah dilantik sebagai *focal person* Jabatan / Bahagian dalam pelaksanaan proses ini. Sebagai susulan kepada Bengkel RIA yang telah diadakan pada 2014 bagi meningkatkan kompetensi pegawai yang terlibat dalam penggubalan dasar di Kementerian, pada tahun 2015 pembudayaan pelaksanaan RIA dipantau dalam sesi *pre-council* Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP), KPKT.

Pelan Strategik KPKT 2016-2020

KPKT telah mengambil inisiatif dengan menyediakan Pelan Strategik KPKT 2016-2020 agar KPKT dapat melaksanakan peranan dan fungsinya sejajar dengan perubahan semasa serta menyumbang secara lebih signifikan ke arah pencapaian Wawasan 2020.



Sehubungan dengan itu, Bengkel Pelan Strategik KPKT 2016-2020 telah diadakan pada 11 hingga 12 Mei 2015 dan proses pemurnian telah diselaraskan oleh BDI.

Pelan Strategik KPKT 2016-2020 telah dilancarkan oleh YB Menteri pada 7 Disember 2015.

Pelan strategik ini mengandungi lima (5) teras strategik iaitu:

- i. meningkatkan pembangunan perumahan berkualiti, kawal

- selia dan penyelesaian pertikaian perumahan yang cekap dan berkesan ke arah masyarakat yang sejahtera;
- ii. meningkatkan penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang berkesan untuk kesejahteraan rakyat;
- iii. merekayasa pertumbuhan persekitaran yang mampan bagi meningkatkan daya huni;
- iv. mengukuhkan pembangunan inklusif ke arah masyarakat

- bandar yang saksama; dan
- v. membangunkan modal insan yang berintegriti bagi memantapkan tadbir urus.

PEMANTAUAN KE ATAS PRESTASI PROGRAM / AKTIVITI KEMENTERIAN / NASIONAL

Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Sasaran Kerja Tahunan (SKT) KPKT secara keseluruhan dibincangkan dan dipantau

melalui Mesyuarat SKT pertengahan dan penghujung tahun. Bagi tahun 2015, BDI telah mengurusetiaikan Mesyuarat SKT bagi pencapaian sehingga 30 Jun 2015 pada 11 hingga 13 September 2015 serta Mesyuarat Pencapaian SKT 2015 dan Perancangan SKT 2016 pada 16 hingga 17 Januari 2016. Jadual 79 menunjukkan skor pencapaian keseluruhan SKT 2015 dan perancangan SKT 2016 KPKT.

Jadual 79 Skor Pencapaian Keseluruhan bagi SKT 2015 dan Jumlah Perancangan SKT 2016 KPKT

Skor Pencapaian	Skor Pencapaian Program/Aktiviti/Inisiatif SKT 2015				Jumlah Program/Aktiviti/Inisiatif SKT 2015	Jumlah Program/Aktiviti/Inisiatif SKT 2016
	≥ 90%	≥ 90%	≥ 90%	≥ 90%		
	a	b	c	d	e=a+b+c+d	
Bil. Pencapaian bagi Program/Aktiviti/Inisiatif SKT 2015	593 (90.12%)	26 (3.95%)	13 (1.97%)	26 (3.95%)	658 (100.00%)	706



Sistem Pemantauan Inisiatif Rancangan Malaysia Kesepuluh Sistem Pemantauan Inisiatif (SPI) Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) merupakan satu sistem untuk mengemas kini pencapaian semasa pelan tindakan / petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kementerian berdasarkan RMK-10. Pengemaskinian pencapaian semasa akan diadakan dua (2) kali setahun dan pencapaian akan dilihat berdasarkan peratus pelaksanaan oleh KPKT.

Pada tahun 2015, BDI telah membuat pengemaskinian sebanyak dua (2) kali dan pencapaian keseluruhan KPKT untuk tahun 2015 adalah sebanyak 85 peratus.



Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

Pada tahun 2015, tiada Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) dilakukan kerana terdapat keperluan untuk melaksanakan

penambahbaikan indikator bagi SPB-PBT Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Aktiviti SPB-PBT pada tahun 2015 adalah lebih kepada Sesi Handholding dan Prapenilaian SPB-PBT bagi menguji indikator yang telah ditambah baik tersebut.

Bengkel Semakan Semula Indikator SPB-PBT Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan bersama-sama dengan PBT telah

diadakan di I-KPKT pada 1 hingga 3 Mac 2015 yang melibatkan 51 wakil daripada PBT susulan daripada beberapa sesi rundingan dan bengkel yang telah diadakan pada tahun 2014 dan awal 2015. Hasil daripada bengkel penambahbaikan indikator tersebut, terdapat perubahan bilangan indikator daripada 320 indikator kepada 345 indikator. Ringkasan perbezaan indikator adalah seperti pada Jadual 80.

Jadual 80 Ringkasan Perbezaan Indikator Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) bagi Tahun 2013 dan 2015		
Kriteria	Bilangan Indikator	
	2013	2015
1. Pengurusan	101	81
2. Perkhidmatan Teras	133	160
3. Pengurusan Pelanggan	53	55
4. Penglibatan Komuniti dan Pandangan Penduduk	33	49
Jumlah	320	345

Dalam usaha untuk terus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT, lawatan Penilaian SPB-PBT seterusnya akan diadakan sepanjang tahun 2016 di 101 PBT di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menilai tahap pencapaian PBT bagi tahun 2015. Untuk

tujuan tersebut, KPKT telah mengadakan Sesi Pencerahan Indikator Baharu (SPIB) kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT yang terlibat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 81.

Jadual 81 Jadual Pelaksanaan Sesi Pencerahan Indikator Baharu (SPIB) di Tujuh (7) Zon PBT				
Zon	Negeri	BiL PBT	Lokasi	Tarikh
1	Kelantan	12	Pejabat SUK Kelantan	9 Jun 2015
2	Perlis	1	Pejabat SUK Kedah	9-10 Jun 2015
	Kedah	11		
	Pulau Pinang	2		
3	Melaka	4	Pejabat SUK Melaka	11 Jun 2015
	Negeri Sembilan	8		
4	Selangor	12	Pejabat SUK Selangor	15 Jun 2015
	Wilayah Persekutuan	3		
5	Terengganu	7	Pejabat SUK Terengganu	28 Julai 2015
	Pahang	11		
6	Perak	15	Pejabat SUK Perak	28 Julai 2015
7	Johor	15	Pejabat SUK Johor	29 Julai 2015

Seterusnya, bagi meningkatkan bilangan PBT di seluruh Malaysia yang mencapai penarafan empat (4) bintang dan ke atas menjelang tahun 2020, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh BDI termasuklah:

- i. Melaksanakan Taklimat Pencerahan Indikator kepada PBT;
- ii. Melaksanakan Sesi *Handholding* kepada 23 PBT pada tahun 2015; dan
- iii. Melaksanakan Prapenilaian SPB-PBT kepada 20 PBT pada tahun 2015 untuk menguji indikator baru yang ditambah baik (*pilot test*).

Hasil daripada sesi Prapenilaian terhadap 20 PBT yang terlibat menunjukkan bahawa terdapat:

- i. sebuah PBT mencapai penarafan lima (5) bintang;
- ii. 10 PBT memperoleh penarafan empat (4) bintang;
- iii. enam (6) PBT mencapai penarafan tiga (3) bintang; dan
- iv. tiga (3) PBT mencapai penarafan dua (2) bintang.

Terdapat 13 PBT yang menunjukkan peningkatan markah manakala tujuh (7) PBT yang lain menunjukkan penurunan markah. Sampel ini telah dijadikan asas (*baseline*) bagi melaksanakan SPB-PBT di 101 PBT di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2016.

Jawatankuasa Perumahan Negara

Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) merupakan jawatankuasa yang berperanan untuk meneliti, membincang dan mengesyorkan sebarang perkara berkaitan sektor perumahan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN). Selain itu, jawatankuasa ini berperanan untuk memantau dan menyelaraskan penyediaan Rumah Mampu Milik agar selaras dengan dasar dan sasaran yang telah ditetapkan di samping meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan penggiat industri perumahan. Pada tahun 2015, BDI telah mengurusetiakan mesyuarat JPEN Bil. 1/2015 pada 4 Jun 2015 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Pelan Transformasi
Perkhidmatan Awam KPKT**

Tahun 2015 merupakan tahun pertama pelaksanaan Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam (PTPA) KPKT yang mana sebanyak 10 daripada 12 inisiatif telah mencapai tahap 100 peratus siap bagi fasa-fasa pelaksanaan yang disasarkan dalam tahun yang sama.



PTPA KPKT telah berjaya memupuk semangat perpaduan dan muhibbah, kerjasama, kepunyaan, interaksi aktif serta kebertanggungjawaban antaranya melalui inisiatif My Green Thumb dan Jom 3RI!. Inisiatif My Green Thumb juga telah mengurangkan kebergantungan penduduk kepada PBT dalam penyelenggaraan di taman perumahan masing-masing yang mana banyak aktiviti gotong-royong telah dilaksanakan dalam kalangan penduduk. PTPA KPKT juga memupuk kesediaan menghadapi bencana berkaitan

dengan api terutamanya di bawah inisiatif Bomba Komuniti dan 1Rumah 1Alat Pemadam Api (1RAPi).

**PENERBITAN PERANGKAAN
KPKT**

Perangkaan KPKT

Pada tahun 2015, Perangkaan KPKT 2014 dan tiga (3) siri Perangkaan Terpilih KPKT iaitu perangkaan sehingga 31 Mac 2015, 30 Jun 2015 dan 31 September 2015 telah diterbitkan. Penerbitan ini melibatkan perangkaan terpilih daripada jabatan dan bahagian di bawah KPKT. Selain edaran penerbitan versi cetakan, penerbitan juga boleh dimuat turun daripada laman web KPKT.



MyKPKT

MyKPKT merupakan penerbitan bersaiz poket yang pertama kali diterbitkan pada tahun 2014. Penerbitan ini mengandungi perangkaan utama berkaitan program-program KPKT dan maklumat-maklumat am lain kepada pihak pengurusan KPKT sebagai rujukan pantas dan mudah dibawa dalam tugas rasmi. Penerbitan ini melibatkan maklumat dalaman KPKT dan juga input sekunder daripada agensi luar yang berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC). Dua siri MyKPKT telah diterbitkan pada tahun 2015.



**BAHAGIAN KEURUSETIAAN STRATEGIK
DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA**

LATAR BELAKANG

Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa merupakan penjenamaan semula Bahagian Korporat pada pertengahan tahun 2014. Penjenamaan ini bertujuan untuk menunjukkan peranan dan fungsi sebenar bahagian ini.

OBJEKTIF

- i. Memastikan semua urusan mesyuarat utama kementerian dan maklum balas dilaksanakan dengan cekap dan berkesan
- ii. Memastikan penglibatan aktif kementerian dalam program dan aktiviti hal ehwal antarabangsa
- iii. Mewujudkan dan memantapkan pembudayaan inovasi di kementerian dengan jayanya
- iv. Memastikan semua urusan soalan, jawapan dan soalan tambahan Parlimen berkaitan kementerian ini diuruskan dengan cekap

PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

- i. Menyelaras dan menyediakan Memorandum dan Nota Jemaah Menteri

- ii. Menyelaras dan menyediakan maklum balas Jemaah Menteri dan mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan yang dihadiri oleh Anggota Pentadbiran dan Pengurusan tertinggi KPKT
- iii. Menyediakan ulasan Memorandum Jemaah Menteri
- iv. Mengurusetiaikan mesyuarat-mesyuarat utama KPKT
- v. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti, program dan maklum balas hal ehwal antarabangsa yang melibatkan KPKT
- vi. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti serta program inovasi KPKT
- vii. Menyelaras jawapan-jawapan Parlimen
- viii. Menjadi urus setia National Focal Point bagi United Nations Human Settlement Programme (UN-HABITAT) di Malaysia
- ix. Menyelaras penyertaan KPKT dalam organisasi antarabangsa (UN-HABITAT, Commonwealth Local Government Forum [CLGF], Eastern Regional Organisation for Planning and Housing [EAROPH])
- x. Menyelaras lawatan kerja Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi KPKT ke luar negara

**PENCAPAIAN DAN PROGRAM/
AKTIVITI UTAMA**

**SAMBUTAN HARI HABITAT
SEDUNIA 2015**

Hari Habitat Sedunia disambut pada Isnin pertama setiap bulan Oktober di seluruh dunia secara tahunan. Pada tahun 2015 tema sambutan yang telah ditetapkan pihak UN-HABITAT ialah "Public Spaces for All" (Tempat Awam Untuk Semua).

Sebagai National Focal Point UN-HABITAT, pihak KPKT telah menganjurkan Sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini di One City Mall, Subang Jaya pada 5 Oktober 2015. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohammad bin Menteri (Ketua Setiausaha KPKT) serta ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan delegasi asing yang mewakili kedutaan masing-masing.



Habitat Awareness Mobile Team

Habitat Awareness Mobile Team adalah satu program untuk memberi kesedaran dan penerangan kepada Rakyat Malaysia mengenai kepentingan Hari Habitat dan program-program yang akan diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Habitat 2015.

Program ini bertindak untuk mempromosikan Hari Habitat Sedunia 2015 kepada masyarakat melalui pembukaan gerai pameran antaranya ialah 3R International Marathon and Carnival pada 18 hingga 19 April 2015, Festival Belia bersempena dengan Sambutan Hari Belia Negara 2015 pada 21 hingga 24 Mei 2015 dan semasa Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015 pada 3 hingga 5 Oktober 2015.



Pertandingan Analisis Senario Habitat

Penganjuran Pertandingan Analisis Senario Habitat merupakan platform bagi para pelajar pada peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi untuk menyumbangkan idea dan pandangan mereka melalui proses analisis serta pemikiran secara kritikal.

Pada 4 Oktober 2015, pertandingan peringkat akhir Analisis Senario Habitat ini telah dilaksanakan di Ruang Legar, One City Mall, Subang Jaya dan sebanyak 12 buah institusi pendidikan tinggi/ sekolah telah membentangkan slaid persembahan mereka. Pertandingan telah dinilai melalui tiga (3) kategori iaitu:



- i. Kategori Institut Pengajian Tinggi;
- ii. Kategori Menengah Atas; dan
- iii. Kategori Menengah Rendah.

Johan bagi Kategori Institut Pengajian Tinggi ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan Johan Kategori Menengah Atas dan Menengah Rendah ialah SMK Agama Johor Bahru.

Perancang Malaysia (MIP), Institut Jurutera Malaysia (IEM), Pertubuhan Aitek Malaysia (PAM) dan MPSJ.

Majlis pembukaan forum ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin

Dahlan, dan majlis penutupnya disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Forum ini merupakan satu bentuk sokongan kepada proses pembangunan bandar di negara ini serta menyumbang kepada dialog dan strategi Dasar Bandar Antarabangsa.

- Forum yang berlangsung selama dua (2) hari ini telah membincangkan dan mengupas pelbagai topik berkaitan perbandaran, antaranya ialah:
- i. Urban Planning and Inclusive Communities;
 - ii. Built Environment, Culture and Identity;
 - iii. Our Urban Futures;
 - iv. Urban Parks, Public Spaces and City Resilience; dan
 - v. Infrastructure and Resource Management.

National Urban Forum

Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015, KPKT dengan kerjasama EAROPH telah menganjurkan National Urban Forum dengan tema "Sustainable Urban Futures" pada 5 dan 6 Oktober 2015, bertempat di Grand Ballroom The Place@One City. Forum ini juga mendapat sokongan daripada Institut



**SAMBUTAN HARI INOVASI
KPKT 2015**

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015 telah diadakan pada 22 Oktober 2015 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Sambutan pada kali ini diadakan bersekali dengan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2015. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin

Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Majlis dimulakan dengan lawatan YB Menteri ke tapak pameran Anugerah Inovasi Menteri (AIM), Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) dan Pameran KIK, diikuti dengan ucapan perasmian dan upacara penyampaian hadiah kepada

pemenang dan penerima anugerah.

Antara aktiviti dan pertandingan inovasi yang telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2015 ialah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT), Pertandingan Pejabat Terbaik 2015 dan Anugerah Inovasi Menteri (AIM) 2015.



**LAWATAN ANGGOTA
PENTADBIRAN DAN PIHAK
PENGURUSAN KE LUAR NEGARA**

Sepanjang tahun 2015, Unit Antarabangsa telah mengaturkan tujuh (7) lawatan anggota pentadbiran dan pengurusan ke program di beberapa negara, seperti yang berikut:

- i. Sesi UN-Habitat Governing Council ke-25 di Nairobi Kenya;

- ii. Lawatan kerja ke Gaborone bagi menghadiri Persidangan CLGF;
- iii. The Sixth Regional 3R Forum in Asia and The Pacific di Male Maldives;
- iv. Misi Teknologi Kayu ke New Zealand dan Australia;
- v. International Solid Waste Association World Congress 2015 di Antwerp, Belgium;
- vi. Lawatan teknikal pembinaan rumah secara industrialised

building system (IBS) oleh Housing Development Board dan Tadbir Urus Insinerator, Singapura; dan

- vii. Lawatan Practical Knowledge Sharing bersama Penganjur World Urban Forum ke-6 ke Rome dan Naples, Italy.



**LAWATAN DELEGASI LUAR
NEGARA KE KPKT**

Bahagian ini juga telah menyelaras sebanyak lapan (8) kunjungan hormat dan lawatan delegasi kerajaan serta badan antarabangsa ke KPKT, seperti yang berikut:

- i. Vise President, Dong Energy Power A/S, Denmark;
- ii. Spokesperson and Chief, Advocacy, Outreach and Communication, UN-Habitat;
- iii. Chairman of Sharjah Housing, Emiriah Arab Bersatu;
- iv. High Commissioner of the Republic of Singapore to Malaysia;
- v. Deputy Chief Executive Officer Support Services and Head of Delegation Botswana;
- vi. Chief Director, Republic of Ghana;
- vii. Chairman of the Section 79 Committee on Economic Development Councillor (Johannesburg City Council Republic South Africa); dan
- viii. CMG MVO British High Commissioner to Malaysia.



PENYELARASAN INDEKS PENARAFAN BINTANG (INDEKS SSR)

Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) merupakan salah satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi agensi sektor awam berdasarkan keputusan yang diperoleh dalam Mesyuarat Panel Merakytakan Perkhidmatan Awam (MPA) yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 10 Julai 2015.

Model Indeks SSR merangkumi aspek-aspek penilaian yang dibahagi kepada dua (2) komponen iaitu:

- i. Perkhidmatan Sokongan; dan
- ii. Perkhidmatan Teras.

Setiap komponen memberi penekanan kepada empat (4) bidang fokus iaitu Transformasi, Inovasi, Kualiti dan Pematuhan. Setiap bidang fokus pula memberi tumpuan kepada aspek 'outcome-based', 'customer-centric' dan 'stakeholder's aspiration'.

KPKT telah mencapai prestasi cemerlang dalam Penilaian Star Rating (SSR) pada tahun 2012 dengan mendapat penarafan 5 bintang. Sesi penilaian penarafan bagi tahun 2014/2015 telah dijalankan pada 28 dan 29 September 2015. Mesyuarat Pembukaan Penilaian Indeks SSR telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).



PENYELARASAN AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2008 DAN ISO MS 1900:2005

KPKT telah dipersijilkan dengan MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 sejak tahun 2013. Tempoh sah sijil MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 adalah 13 September 2013 hingga 12 September 2016.

Bagi tahun 2015, SIRIM telah menjalankan Audit Pemantauan Kedua pada 15 dan 16 Oktober 2015. Pasukan Audit SIRIM diketuai oleh Puan Hanida binti Ghazali, bersama tiga (3) juru audit SIRIM iaitu YBhg. Datin Hajah Aine Jamaliah binti Mohamad Zain, YBrs. Ir Sohaimi bin Samad dan YBrs. Dr Irwan bin Sobri.

Audit Pemantauan dimulakan dengan Mesyuarat Pembukaan Audit pada 15 Oktober 2015 dan diakhiri dengan Mesyuarat Penutup pada 16 Oktober 2015 yang dipengerusikan oleh YBrs. Puan Norinchun binti Mohamed Salleh (Timbalan Ketua Setiausaha [Pengurusan], KPKT).



PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (PENGURUSAN)



BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Kewangan dan Perolehan (BK&P) bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan khususnya peruntukan menguruskan dan perolehan Kementerian dan jabatan serta memastikan semua program dan aktiviti KPKT dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Bahagian ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha Bahagian serta 15 orang pegawai pengurusan dan profesional yang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan satu jawatan Akauntan. Selain itu, terdapat 34 orang staf pada peringkat kumpulan pelaksana. Bilangan perjawatan BK&P adalah seramai 49 orang dan terdapat lima (5) unit di Bahagian ini, iaitu:

VISI

Mewujudkan perkhidmatan pengurusan Kewangan dan Perolehan yang cemerlang sebagai pelengkap kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan agensi-agensi di bawahnya

- Unit Kewangan;
- Unit Pembangunan;
- Unit Akaun;
- Unit Perolehan; dan
- Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan.

OBJEKTIF

- Merancang semua aktiviti pengurusan kewangan dan perolehan KPKT dengan teratur dan efisien
- Melaksanakan pengurusan kewangan dan perolehan dengan cekap dan berkesan

MISI

Mewujudkan perkhidmatan pengurusan kewangan dan perolehan yang terbaik di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan, ketelusan, akauntabiliti dan integriti

- berdasarkan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa
- Membuat kawalan dan pemantauan prestasi perbelanjaan serta kutipan hasil
- Menguatkuasakan semua peraturan kewangan berdasarkan Akta Acara Kewangan 1957, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, 1Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Pegawai Pengawal, Pekeliling



Kewangan serta arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa

FUNGSI UTAMA

- Menyedia, mengawal dan menyelaraskan Peruntukan Mengurus (B.43) terutama

dalam aspek agihan dan pemantauan perbelanjaan

- Menguruskan pembayaran bil dan tuntutan bagi Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan serta pelarasan gaji dan elaun kakitangan bagi Pusat Kos di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) KPKT

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

LATAR BELAKANG

Bahagian Sumber Manusia (BSM) yang sebelum itu dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Personel, melalui Waran Perjawatan Bil.S.68 Tahun 2001 mempunyai empat (4) unit di Bahagian ini iaitu Unit Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi, Unit Perkhidmatan, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Manusia serta Unit Pengurusan Prestasi dan Tatatertib. .

Pada 1 Ogos 2014, berikutan penyusunan semula kementerian, Jabatan Perkhidmatan Awam

- Menguruskan pindah peruntukan bagi Peruntukan Mengurus (B.43) dan Peruntukan Pembangunan (P.43)
- Menguruskan perolehan bekalan / kerja / perkhidmatan dan perunding secara sebut harga / tender bagi Kementerian
- Memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan dan perolehan
- Menguruskan perakaunan dan penyediaan penyata / laporan berkaitan kewangan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan

MISI

Merancang, mengurus dan membangunkan modal insan yang berprestasi tinggi bagi menjayakan visi dan misi kementerian

VISI

Peneraju kecemerlangan perancangan, pengurusan dan pembangunan modal insan

(JPA) telah meluluskan pertambahan perjawatan sebanyak 79 perjawatan dan peluasan fungsi BSM. Penguatkuasaan struktur dan perjawatan baharu ini adalah melalui Waran Perjawatan Bil.S130 Tahun 2014 yang mana terdapat tujuh (7) unit di bawah BSM iaitu:

- Unit Perkhidmatan;
- Unit Pembangunan Organisasi;
- Unit Prestasi dan Naik Pangkat;
- Unit Pengurusan Latihan dan Kompetensi;
- Unit Perancangan Strategik Sumber Manusia;
- Unit Pengurusan Psikologi; dan
- Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan.

OBJEKTIF

- i. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang mencukupi dan digunakan secara optimum
- ii. Memastikan KPKT mempunyai tenaga manusia yang berilmu, berdisiplin dan berdedikasi agar program kementerian dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014

Majlis Anugerah Pekhidmatan Cemerlang (APC) 2014 telah berlangsung pada 25 Mei 2015 bertempat di Putrajaya Marriott Hotel dan disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) .

Majlis ini merupakan tanda pengiktirafan dan penghargaan kepada warga KPKT yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2014. Selain itu, majlis penghargaan ini juga diadakan bertujuan untuk memberikan motivasi dalam mengekalkan momentum kecemerlangan pada masa akan datang dan menjadikan penerima



anugerah sebagai model peranan (*role model*) dan dorongan kepada warga KPKT yang lain untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada Kementerian.

Seramai 166 orang warga telah terpilih untuk menerima anugerah ini berdasarkan komitmen yang mantap, disiplin dan kecemerlangan kerja sepanjang tahun 2014.

PENCAPAIAN

PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 17,447 (93.02 peratus) daripada 18,756 perjawatan di Kementerian telah diisi dan bilangan kekosongan adalah 1,309 (6.98 peratus) daripada jumlah perjawatan. Maklumat terperinci perjawatan, pengisian dan kekosongan Kementerian mengikut perbadanan / jabatan / bahagian / unit adalah seperti dalam Jadual 82.

Jadual 82 Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan KPKT sehingga 31 Disember 2015

Nama agensi	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN			
ANGGOTA PENTADBIRAN			
Pejabat Menteri	11	11	-
Pejabat Timbalan Menteri	6	6	-
STAFF-FUNCTION			
Pejabat Ketua Setiausaha	3	3	-
Bahagian Undang-undang	30	24	6
Bahagian Audit Dalam	26	20	6
Unit Komunikasi Korporat	17	16	1
Unit Integriti	12	11	1
Unit KPI	2	2	-
SEKTOR PENGURUSAN			
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)	2	2	-
Bahagian Sumber Manusia	79	74	5
Bahagian Kewangan dan Perolehan	50	44	6
Bahagian Khidmat Pengurusan	67	66	1
Bahagian Teknologi Maklumat	48	47	1
Bahagian Akaun	24	21	3
SEKTOR DASAR DAN PEMBANGUNAN			
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)	2	2	0
Bahagian Dasar dan Inspektorat	54	41	13
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek	518	462	56
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa	39	36	3
SEKTOR KESEJAHTERAAN BANDAR			
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)	2	2	-
Bahagian Kesejahteraan Bandar	230	120	110
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran	57	48	9
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai	74	64	10
Jumlah di Kementerian	1,353	1,122	231
Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata	107	96	11
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	725	625	100
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	110	68	42
Jabatan Kerajaan Tempatan	504	329	175

Nama agensi	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Jabatan Perumahan Negara	332	284	48
Jabatan Landskap Negara	174	153	21
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	14,089	13,561	528
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	36	30	6
Jumlah di Jabatan / Agensi	16,041	15,116	925
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	1,326	1,179	147
Jumlah di Bandar Berkanun Persekutuan	1,326	1,179	147
Jumlah Keseluruhan	18,756	17,447	1,309
Peratus	100%	93%	7%



PENEMPATAN

Seramai 401 orang penjawat awam telah diberikan penempatan sepanjang tahun 2015 di KPKT. Daripada jumlah tersebut, seramai 153 orang penjawat awam terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan bakinya, 248 orang penjawat awam adalah dari Kumpulan Sokongan 1.



PERSARAAN

Seramai 40 orang penjawat awam KPKT telah bersara pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 16 orang telah memilih bersara pilihan dan 24 orang bersara wajib pada usia 55 / 56 / 58 dan 60 tahun.



PROGRAM/AKTIVITI LATIHAN

Antara teras aktiviti BSM adalah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pembangunan sumber manusia melalui program latihan/ kursus kepada semua peringkat Penjawat Awam KPKT.

Perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti latihan berteraskan kepada enam (6) kategori latihan yang meliputi semua skim dan klasifikasi perkhidmatan, iaitu:

- i. kursus wajib;
- ii. kursus umum;
- iii. kursus fungsional;
- iv. kursus jangka pendek luar negara;

- v. kursus kerajaan; dan
- vi. kursus anjuran swasta.

Bagi tahun 2015, pecahan kursus dan pecahan penjawat awam KPKT yang menghadiri kursus adalah seperti dalam Jadual 83, 84 dan 85.



Jadual 83 Bilangan Kursus Anjuran BSM, Luar Negara dan Swasta bagi Tahun 2015

Kursus	Siri	Peserta
Wajib	1	29
Umum	63	2,717
Fungsional (Sumber Manusia)	18	533
Luar Negara	19	27
Swasta	7	44
Jumlah	108	3,350

Jadual 84 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Anjuran BSM dan Swasta Sepanjang Tahun 2015

Penganjur	Kursus			Jumlah
	Wajib	Umum	Fungsional	
BSM	29	2,717	533	3,279
Swasta	-	44	-	44
Jumlah	29	2,761	533	3,323

Jadual 85 Bilangan Pegawai Menghadiri Kursus Mengikut Kumpulan Perjawatan bagi Tahun 2015

Penganjur	Kursus			Jumlah
	Wajib	Umum	Fungsional	
Pengurusan & Profesional	3	376	99	478
Sokongan	26	2,341	434	2,801
Jumlah	29	2,717	533	3,279



KAUNSELING DAN PSIKOLOGI

Pelaksanaan program di bawah Unit Pengurusan Psikologi (UPP) adalah berdasarkan empat (4) aplikasi psikologi seperti yang berikut:

- i. Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel;
- ii. Aplikasi Psikologi dalam Pembangunan Personel;
- iii. Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan; dan
- iv. Aplikasi Psikologi dalam Intervensi.

Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel

Aplikasi ini bertujuan untuk membantu pengurus sumber manusia dan individu dalam mengenal pasti potensi, minat,

bakat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian. Bagi tahun 2014, secara lazimnya, penggunaan ujian dibuat bagi menilai sendiri individu dan keperluan penilaian kepada klien dalam sesi kaunseling. Penyertaan warga KPKT dalam Ujian Psikologi di bawah aplikasi ini adalah seperti dalam Jadual 86.

Jadual 86 Bilangan Warga KPKT yang Mengambil Ujian Psikologi Mengikut Jenis Inventori bagi Tahun 2015	
Kursus	Peserta
Ujian Perwatakan Unggul	67 orang
Ujian The Depression Anxiety Stress Scales (DASS)	11 orang
Inventori Personaliti Warna Sidek (IPW)	30 orang
Jumlah	108 orang

Aplikasi Psikologi dalam Pembangunan Personel

Aktiviti yang dilaksanakan di bawah aplikasi ini adalah berbentuk “psychoeducation” yang menjadi platform dalam perkongsian input berkaitan psikologi khususnya untuk meningkatkan motivasi dan celik minda. Aspek utama ditekankan adalah berkaitan pembangunan, pemulihan dan pencegahan di organisasi. Jadual 87 menunjukkan sembilan (9) program di bawah aplikasi ini yang telah dilaksanakan oleh BSM pada tahun 2015.

Jadual 87 Program di bawah Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel bagi Tahun 2015	
Program	Bilangan/Siri
Program Pembangunan	
Kursus Pengurusan Emosi	1
Program Pemulihan	
Kursus Peningkatan Prestasi Dalam Organisasi	1
Program Pencegahan	
Program Kendiri Unggul	2
Sambutan Hari Psikologi	1
Kursus Kesihatan dan Kecergasan	4

Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan

Melalui aplikasi ini, Unit Pengurusan Psikologi membantu pihak pengurusan dalam mendapatkan maklum balas warga kerja bagi tujuan penambahbaikan melalui dapatan soal selidik dan kajian berhubung isu-isu yang berkaitan dengan kepuasan bekerja dan tahap pengamalan nilai-nilai murni. Dua (2) jenis kajian / soal selidik telah dijalankan sepanjang tahun 2015. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 88.

Jadual 88 Kajian Aplikasi Psikologi dalam Penyelidikan		
Kursus	Bilangan Kajian	Peserta
Kajian Kepuasan Pekerja	1	1,053
Sistem Pengurusan Audit Nilai	1	862
Jumlah	2	1,915

Aplikasi Psikologi dalam Intervensi

Aplikasi ini dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan celik akal (*insight*) dan seterusnya memudah cara pegawai yang memerlukan bantuan dan bimbingan berkaitan peribadi dan kerjaya. Antara program / aktiviti yang berada di bawah aplikasi ini adalah Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), perkhidmatan kaunseling dan Program Pementoran. Kesemua program-program itu, telah dirangkumkan di dalam satu program yang dikenali sebagai Program Keupayaan Kendiri.

- **Perkhidmatan Kaunseling**
Sepanjang tahun 2015, Unit Pengurusan Psikologi telah mengendalikan perkhidmatan kaunseling kepada warga KPKT dan perinciannya adalah seperti dalam Jadual 89.

Jadual 89 Perkhidmatan Kaunseling bagi Tahun 2015	
Perkara	Bilangan/Siri
Kategori Kaunseling	
Kaunseling Individu	39
Jenis Kes	
Kes Dirujuk	10
Kes Sukarela	7
Klasifikasi Masalah	
Interpersonel/Kerjaya	2
Peribadi	10
Prestasi Rendah	5

- **Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam**
Sehingga Disember 2015, KPKT mempunyai seramai 131 orang ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) yang telah ditauliahkan semenjak tahun 2008 hingga 2015. Antara program AKRAB yang dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Psikologi sepanjang tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 90.



Jadual 90 Program AKRAB bagi Tahun 2015

BiL	Program	Tarikh
1.	Kursus Pra AKRAB Tahap 1	7-9 Apr 2015
2.	Kursus Pra AKRAB Tahap 2	12-14 Mei 2015
3.	Kursus Pemantapan AKRAB	26-28 Ogo 2015
4.	Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) 2015 : Bantuan Pasca Banjir Pantai Timur	9 dan 10 Jan 2015
5.	Program CSR 2015 : Projek Aidilfitri 2015	10 dan 11 Jul 2015

- **Program Pementoran**
Pada tahun 2014, program pementoran telah dilaksanakan khusus untuk skim Pembantu Operasi yang terlibat dengan tukar lantik dari gred dari N1 ke gred baharu N11. Sebanyak 11 pasangan telah terlibat dalam program ini. Mentor yang terlibat adalah dalam kalangan pegawai gred 27 dan ke atas. Antara program yang dilaksanakan sepanjang tempoh Program Pementoran

berlangsung adalah seperti dalam Jadual 93.

Jadual 93 Program Pementoran bagi Tahun 2015

BiL	Program	Tarikh
1.	Taaruf dan Binding Group SWOT Analysis Kekuatan Diri	17 Dis 2015
2.	Perbincangan Skop Hakiki dan Pengenalpastian Kompetensi	7 Jan 2015
3.	Psikologi Komunikasi	15 Feb 2016
4.	Group Binding dan Sesi Penutup	29 Feb 2016
5.	Digital Document Management System (DDMS)	21 Jan 2016
6.	Sistem Latihan Bersepadu (SLB)	3 Feb 2016

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

LATAR BELAKANG

Sejarah penubuhan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bermula dengan penubuhan Unit Teknologi Maklumat dan Komputer pada 1 April 1996 yang asalnya hanya mempunyai dua (2) perjawatan. Melalui penstrukturan semula organisasi di KPKT, Bahagian ini telah berkembang dan sehingga kini BTM mempunyai 48 perjawatan.

VISI

Sumber ICT yang optimum sebagai pemacu penyampaian perkhidmatan dan perkongsian maklumat yang mudah dicapai dan berkesan bagi meningkatkan kualiti persekitaran hidup yang seimbang

MISI

Pelaksanaan dan pembudayaan ICT ke arah kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan KPKT

OBJEKTIF

- Mempertingkatkan kecekapan jentera dan sistem pengurusan Kementerian melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT
- Mewujudkan satu sistem pengumpulan maklumat bersepadu Kementerian untuk kemudahan rujukan pihak Kementerian dan faedah kepada orang ramai
- Menyediakan pegawai / kakitangan yang mahir dan celik IT

PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

- Mengenal pasti potensi kegunaan teknologi maklumat dan menggalakkan penerapan teknologi maklumat terkini yang bersesuaian untuk KPKT
- Membantu pihak pengurusan KPKT melaksanakan teknologi maklumat bersistematik dengan kos yang berpatutan
- Membangun dan melaksanakan sistem-sistem berkomputer untuk KPKT
- Merancang dan mengurus projek-projek pengkomputeran yang diluluskan oleh pengurusan
- Mewujud dan menggalakkan penggunaan piawaian teknologi maklumat di KPKT
- Membantu pihak pengurusan KPKT melaksanakan dasar,

peraturan dan piawaian berhubung dengan teknologi maklumat yang ditetapkan oleh Kerajaan

PENCAPAIAN DAN PROGRAM/ AKTIVITI UTAMA

SEMAKAN SEMULA DKICT VERSI 3.1

BTM telah melaksanakan semakan semula Dasar Keselamatan ICT (DKICT) versi 3.1. Hasil semakan semula tersebut, DKICT versi 4.0 telah dibangunkan dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bil. 4/2015 pada 5 November 2015.

Semakan semula ini bertujuan menambahbaik serta mengemaskini dasar-dasar sedia ada agar selari dengan keperluan semasa dan juga dasar-dasar di peringkat agensi pusat seperti MAMPU. Semakan semula DKICT ini telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Semakan Semula dan Penambahbaikan DKICT KPKT 2015.

Selain semakan semula dasar sedia ada, 10 elemen baharu telah ditambah agar DKICT yang dibangunkan adalah relevan dan terkini mengikut keperluan semasa. Elemen baharu yang ditambah ialah Mobile



Application, Information Security Management System (ISMS), Unified Communication (UC), Cloud Computing, Green ICT, Open Data, Social Media, Bring Your Own Device (BYOD), Broadband dan Agihan ICT.

DKICT versi 4.0 ini akan digunakan sebagai rujukan bagi pelaksanaan persijilan ISO/IEC 27001:2013. Selain daripada menerangkan kepada semua pengguna mengenai tanggungjawab dan peranan pengguna dalam melindungi aset ICT KPKT, ianya menjadi panduan dalam menjamin kesinambungan KPKT dalam aspek keselamatan ICT.

JAWATANKUASA PEMANDU ICT KEMENTERIAN (JPICT)

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKT berperanan untuk menyelaras permohonan dan memantau urusan pelaksanaan projek ICT KPKT. Mesyuarat JPICT KPKT telah diadakan empat (4) kali mengikut sasaran pada tahun 2014 pada tarikh seperti yang berikut:

- i. 17 Februari 2015;
- ii. 23 April 2015;
- iii. 13 Ogos 2015; dan
- iv. 5 November 2015.


Bilangan kertas permohonan yang dibentangkan dan diluluskan oleh JPICT pada tahun 2015 adalah seperti yang berikut:

- i. 16 kertas permohonan dibentangkan;
- ii. 12 kertas permohonan diluluskan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM9,420,830.00; dan
- iii. empat (4) kertas permohonan diluluskan secara bersyarat dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,415,000.00.

PEMBANGUNAN DAN PENINGKATAN SISTEM

Pada tahun 2015, lima (5) sistem baharu dan empat (4) aplikasi mudah alih (*mobile*) telah dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman (*in-house*)

manakala 11 sistem telah diselenggara oleh BTM. Perincian bagi sistem yang telah dibangunkan dan diselenggara sepanjang tahun 2015 adalah seperti dalam Jadual 92.



Jadual 92 Sistem-sistem Yang Telah Dibangunkan dan Diselenggara

Bil.	Nama Sistem	Objektif Sistem	Pengguna Sistem
Sistem Baharu			
1.	Sistem Cakna KPKT	Cakna merupakan satu inisiatif pengurusan aduan awam bergambar merentasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan menggunakan pendekatan <i>artificial intelligence Geographical Information System (GIS)</i>	Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan pihak berkuasa tempatan (PBT)
2.	Sistem Prihatin KPKT	Satu inisiatif pengurusan aduan awam bergambar bagi memudahkan pihak BKP menguruskan aduan awam berkaitan KPKT	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
3.	Sistem Dasar Keselamatan ICT (DKICT)	Sistem bagi merekod akuan DKICT KPKT dan memantau pematuhan DKICT di KPKT	BTM
4.	Sistem Pengauditan Indeks Akauntabiliti (SPIA)	Sistem pemantauan audit akauntabiliti bagi semua pusat kos di kementerian	Unit Audit Dalam (UAD)
5.	eDirektori	Sistem direktori pegawai KPKT	Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Aplikasi Mudah Alih Baharu			
1.	Aplikasi Mudah Alih Cakna	Aplikasi yang menyediakan kemudahan penghantaran aduan awam bergambar merentasi PBT	JKT dan PBT
2.	Aplikasi Mudah Alih Prihatin	Aplikasi yang menyediakan kemudahan penghantaran aduan awam bergambar kepada pihak BKP	BKP
3.	Aplikasi Mudah Alih Pemantauan Pulangan Wang Pemegang Pajak Gadai atau Pemilik Pajak Gadai (eMAPS)	Aplikasi yang membantu pengguna membuat semakan Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) berlesen di Malaysia sebelum melakukan sebarang transaksi berkaitan pinjaman wang atau pajak gadai	Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG)
4.	Aplikasi Mudah Alih Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)	Aplikasi yang menyediakan semakan status/rekod semasa bagi setiap ahli JPP di seluruh Semenanjung Malaysia	Ahli-ahli JPP dan pegawai-pegawai BKB

BiL	Nama Sistem	Objektif Sistem	Pengguna Sistem
Sistem yang Diselenggara			
1.	Sistem Latihan Bersepadu (SLB)	Sistem pengurusan latihan / kursus secara bersepadu yang lebih komprehensif dan efisien bagi setiap jabatan / bahagian yang terlibat di KPKT dan berperanan sebagai pusat segentian dalam semua proses kerja pengurusan latihan/kursus	Semua jabatan / bahagian KPKT, PBT, agensi kerajaan, swasta dan orang awam
2.	SPIA	Merupakan satu sistem pemantauan audit akauntabiliti bagi semua pusat kos di kementerian	UAD
3.	Sistem <i>Electronic Corporate Response System</i> (eCORES)	Sistem pengurusan maklum balas bagi Mesyuarat Jemaah Menteri dan mesyuarat-mesyuarat utama KPKT	Semua jabatan / bahagian KPKT
4.	Sistem Aduan bersepadu (SAB)	Pengurusan aduan oleh semua jabatan dan bahagian yang mana aduan dan pertanyaan disalurkan oleh pelanggan secara dalam talian melalui salauran-saluran lain	Semua jabatan / bahagian KPKT dan orang awam
5.	Sistem Helpdesk Pembangunan	Sistem bagi merekod dan memantau projek-projek di bawah peruntukan pembangunan KPKT	Semua jabatan / bahagian KPKT
6.	Sistem <i>Electronic Outbound Customer Satisfaction Survey</i> (eOCSS)	Sistem soal selidik bagi Kajian Kepuasan Pelanggan KPKT	Semua jabatan / bahagian KPKT dan orang awam
7.	Sistem Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (eTTPR)	Sistem ini menguruskan proses tuntutan ganti rugi dan pampasan daripada pemaju perumahan bermula dari Borang 1 (tuntutan oleh pembeli) sehingga pengeluaran <i>award</i> .	Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS)
8.	Sistem Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (eTPPS)	Sistem yang menyimpan maklumat-maklumat berhubung pemfailan kes-kes strata	TPPS
9.	Sistem eParlimen	Sistem pengurusan soalan dan jawapan parlimen melibatkan bidang tugas KPKT	Semua jabatan / bahagian KPKT
10.	Sistem ePerolehan (eP/GFMS)	Sistem perolehan yang menggunakan persekitaran atas talian yang selamat untuk membolehkan agensi kerajaan dan pembekal membuat perolehan secara cekap dan telus	Semua jabatan / bahagian KPKT
11.	Sistem Pengurusan Aset (SPA)	Sistem ini bertujuan menguruskan semua aset Kerajaan	BKP

PELUPUSAN ASET ICT

Sepanjang tahun 2015, pelupusan aset ICT telah dijalankan sebanyak tiga (3) kali berdasarkan kelulusan pelupusan aset bertarikh 6 Januari 2015, 4 Ogos 2015 dan 6 Oktober 2015. Pelupusan ke atas 320 unit aset ICT ini melibatkan nilai pelupusan sebanyak RM1,692,904.56. Perincian bagi pelupusan aset ICT adalah seperti dalam Jadual 93

Jadual 93 Perincian Pelupusan Aset ICT			
BiL	Aset ICT	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Komputer <i>Dekstop</i>	187	529,673.70
2.	Pencetak	44	65,584.86
3.	Pencetak Barkod	4	8,910.00
4.	Peralatan Rangkaian	13	439,801.00
5.	Komputer Riba / <i>Laptop</i>	61	256,037.00
6.	<i>Server</i>	2	69,988.00
7.	Komponen <i>Server</i>	8	320,430.00
8.	Kamera Digital	1	2,480.00
Jumlah		320	1,692,904.56



PENGURUSAN ADUAN ICT

Sepanjang tahun 2015, BTM telah menerima dan menyelesaikan sebanyak 871 aduan ICT yang mana pecahan aduan mengikut kategori adalah seperti dalam Jadual 94.

Jadual 94 Penerimaan dan Penyelesaian Aduan ICT bagi Tahun 2015		
BiL	Kategori Aduan	BiL Aduan
1.	Aplikasi	125
2.	Teknikal	639
3.	Rangkaian	17
4.	Emel	2
5.	IGovuc	88
Jumlah		871

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan aset, dokumentasi dan protokol yang berkesan bagi memastikan objektif bahagian tercapai dengan jayanya.

VISI

Menjadi pemudah cara dan memberi perkhidmatan khidmat pengurusan terbaik ke arah mencapai teras-teras utama Kementerian

MISI

Menjadi bahagian yang terunggul, berintegriti, berwibawa dan cemerlang dalam memberi perkhidmatan khidmat pengurusan kepada semua jabatan dan bahagian di Kementerian

OBJEKTIF

Memastikan khidmat pengurusan Kementerian dilaksanakan secara holistik dan berkualiti berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa

FUNGSI DAN PERANAN UTAMA

- i. Menyelia urusan surat-menyurat dan menyelaras pengurusan fail di Kementerian
- ii. Memantau pengurusan aset alih Kerajaan di Kementerian
- iii. Menyelaras pengurusan ruang pejabat Kementerian
- iv. Menyelaras pengurusan

keselamatan di Kementerian dari aspek fizikal, dokumen dan individu

- v. Menguruskan hal ehwal protokol Kementerian
- vi. Menyelaras hal ehwal program / aktiviti dengan Kementerian-kementerian lain termasuk Sambutan Hari Pekerja, Hari Merdeka, Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.

- vii. Menyelaras hal ehwal program / aktiviti dalaman Perhimpunan bulanan dan majlis-majlis rasmi Kementerian
- viii. Mengurus kenderaan rasmi Kementerian

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

PENGANJURAN MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU OLEH YB MENTERI

Majlis Amanat Tahun Baharu 2015 oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah diadakan pada 9 Januari 2015 bertempat di Dewan Kristal, Aras B1, Bangunan KPKT.

Dalam majlis ini, YB Menteri telah menyuarakan harapan beliau bagi tahun 2015 agar setiap warga berganding bahu untuk bersama-sama mengekalkan kegemilangan KPKT dan terus memberikan perkhidmatan yang cekap dan relevan kepada pelanggan.

PENYELARASAN PENYERTAAN BAGI PERARAKAN DAN PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN

Istimewa pada tahun 2015, Sambutan Maulidur Rasul SAW telah dirai sebanyak dua (2) kali, iaitu:

Sambutan Maulidur Rasul SAW 1436H/2015M

Majlis Perarakan dan Perhimpunan Sambutan



Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M telah diadakan pada 3 Januari 2015 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya. Majlis anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertemakan "Perpaduan Nadi Transformasi Negara" ini telah disertai oleh 149 kontinjen melibatkan 12,325 peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Kontinjen KPKT yang diselaraskan penyertaannya oleh BKP telah dianggotai oleh seramai 100 orang penjawat awam. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin (Timbalan Perdana Menteri).

Sambutan Maulidur Rasul SAW 1437H/2015M

Majlis Perarakan dan Perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 1437H/2015M telah diadakan 24 Disember 2015 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia



Serdang (MAEPS). Kira-kira 12,000 orang telah menyertai sambutan dan perarakan. KPKT turut serta mengambil bahagian dalam sambutan pada tahun ini dengan penglibatan seramai 100 orang peserta.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke majlis tersebut yang turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi (Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri) dan menteri-menteri kabinet yang lain.

PENYELARASAN PENYERTAAN BAGI PERHIMPUNAN PERPADUAN BERSEMPENA DENGAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2015

Sambutan Hari Pekerja 2015 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 1 Mei 2015 di Pusat Konvensyen Borneo, Kuching, Sarawak. Tahun ini merupakan kali kedua sambutan diadakan di luar Kuala Lumpur dan buat pertama kali diadakan di negeri Sarawak.

Sambutan yang bertemakan 'Pekerja Sihat, Produktiviti Meningkatkan' telah dihadiri oleh seramai 10,000 orang. Kontinjen KPKT yang diketuai oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT pada ketika itu dan dianggotai oleh seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri



Sarawak dan Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai Zon Sarawak.

PENGANJURAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2015

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri, KPKT bagi tahun 2015 telah diadakan pada 5 Ogos 2015 bertempat di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya. Majlis yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penjawat awam KPKT ini telah berlangsung dalam suasana yang meriah dengan penglibatan semua jabatan dan bahagian di bawah KPKT. Majlis turut diserikan dengan persembahan oleh artis-artis jemputan seperti Hail Amir, Uji Rashid, Aris Ariwatan dan Nash.



PENYELARASAN PENYERTAAN BAGI PERBARISAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2015

Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-58, BKP telah menyelaras penyertaan pegawai-pegawai Kementerian dalam Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 yang telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 2015. KPKT telah diwakili oleh seramai 20 orang peserta yang terdiri penjawat awam daripada pelbagai gred dan diketuai oleh YBrs. Puan Nor Inchun binti Mohamed Salleh (Timbalan Ketua Setiausaha [Pengurusan]).



PENYELARASAN PENYERTAAN BAGI PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1437H/2015M

Majlis Perhimpunan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1437H/2015M telah berlangsung pada 14 Oktober 2015 bertempat di Masjid Negara, Kuala Lumpur dengan tema Perpaduan Nadi Transformasi Negara. Majlis sambutan dimulakan dengan perarakan kontinjen dari Dataran Merdeka menuju ke Masjid Negara. KPKT telah diwakili oleh seramai 40 orang peserta.



PENYELARASAN SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Bulan Bahasa Kebangsaan yang disambut setiap tahun bermula dari September hingga November merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk memperkukuh dan memantapkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam dan sebagai galakan kepada semua rakyat Malaysia untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan baik dan tepat bagi mencapai maksud dalam satu jalinan komunikasi yang berkesan. Tema Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun ini ialah '1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara'.

Bagi sambutan Bulan Bahasa KPKT pada tahun ini, KPKT telah diberi peranan sebagai urus setia bagi Sektor di Tempat Awam. Sehubungan dengan itu, BKP yang diberi tanggungjawab

selaku urus setia utama peringkat Kementerian bersama-sama dengan semua jabatan dan bahagian telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program kebahasaan. Antara program yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut ialah:

- Pertandingan Pidato;
- Pertandingan Berbalas Pantun;
- Kursus Pembinaan Munsyi Muda Bahasa;
- Pertandingan Debat;
- Pertandingan Menulis Esei;
- Pertandingan Papan Iklan;
- Kempen Kesedaran: Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul; dan
- Program Bicara Bahasa.

Penutup Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan telah diadakan pada 7 Disember 2015 dan disempurnakan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



BAHAGIAN AKAUN

LATAR BELAKANG

Bahagian Akaun (BA) telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2014 selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan. BA mempunyai perjawatan seramai 24 orang dengan melibatkan empat (4) seksyen iaitu Seksyen Perakaunan Kewangan, Seksyen Perakaunan Pengurusan, Seksyen Perundingan dan Pemantauan, dan Seksyen Pentadbiran dan Kewangan.

OBJEKTIF

- i. Memastikan pengurusan perakaunan dan kewangan kementerian mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa
- ii. Memberi khidmat nasihat kewangan dan perakaunan bagi menyokong semua aktiviti kementerian agar visi, misi dan objektif kementerian tercapai

PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

- i. Menguruskan latihan dan kursus berkaitan kewangan dan perakaunan kepada semua pegawai di Kementerian

VISI

melaksanakan program dan aktiviti bahagian dengan efisien dan efektif sehingga boleh menjadi *benchmark* kepada organisasi lain dari segi aspek pengurusan kewangan dan perakaunan yang cemerlang serta menjadikan integriti dan akauntabiliti sebagai nilai dalam semua urusan.

MISI

- i. Melaksanakan secara profesional sistem kewangan dan perakaunan kerajaan
- ii. Menyediakan laporan kewangan yang bersesuaian untuk membantu pengurusan tertinggi kementerian dalam membuat keputusan berkaitan pengurusan kewangan dan perakaunan
- iii. Memberi khidmat nasihat perakaunan dan kewangan untuk mempertingkatkan akauntabiliti pada peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ)

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

SESI TOWNHALL KETUA AKAUNAN BERSAMA WARGA PERAKAUNAN KPKT

Sesi Townhall Majlis Perjumpaan Ketua Akaunan bersama-sama dengan Warga Perakaunan KPKT telah diadakan pada 17 Ogos 2015 di Dewan Kristal, KPKT dan dihadiri oleh seramai 93 orang pegawai perakaunan kementerian. Majlis ini merupakan satu platform untuk setiap

jabatan atau bahagian mengutarakan sebarang isu dan permasalahan yang dihadapi khususnya berkaitan perakuanan, menyampaikan matlamat dan amanat Ketua Akaunan.



KURSUS MALAYSIAN PUBLIC SECTOR ACCOUNTING STANDARDS (MPSAS)

Kursus Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) telah diadakan pada 15 hingga 16 Jun 2015 di Dewan Kristal, KPKT dan dihadiri oleh 71 orang pegawai perakaunan kementerian. Kursus ini adalah bagi meningkatkan pemahaman pegawai perakaunan KPKT berkenaan piawaian perakaunan sektor awam Malaysia dan membantu pegawai mengaplikasikan piawaian-piawaian tersebut berdasarkan tugas masing-masing dipersekitaran akruan kelak.

PEMANTAUAN PRESTASI BAYARAN BIL DAN TUNTUTAN

Pemantauan prestasi bayaran bil dan tuntutan semua



Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian termasuk di negeri oleh Bahagian Akaun telah mula dilaksanakan pada bulan Julai 2015. 'Close monitoring' yang dilakukan secara harian ini dilakukan melalui Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB). PTJ akan dimaklumkan sebaik sahaja Bahagian ini mendapati terdapat baucar bayaran yang lewat diproses melebihi bilangan hari yang telah ditetapkan. Komunikasi dua hala di antara Bahagian Akaun dan PTJ ini membolehkan tindakan segera dilakukan oleh PTJ bila terdapat kelewatan baucar bayaran yang diproses.

Keberkesanan tindakan pemantauan ini dapat dilihat apabila terdapat perubahan positif kepada peratus prestasi bil yang disempurnakan pada

tahun 2015 berbanding tahun 2014. Peratusan prestasi bayaran dalam masa 14 hari bagi tahun 2015 adalah 99.99 peratus berbanding 99.68 peratus bagi tahun 2014. Manakala prestasi bayaran yang disempurnakan dalam tempoh tujuh (7) hari bagi tahun 2015 ialah 94.55 peratus berbanding hanya 88.82 peratus bagi tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 5.73 peratus.

Perubahan ketara juga dapat dilihat apabila bilangan PTJ yang mencapai 100 peratus bayaran dalam tempoh 14 hari meningkat iaitu dari hanya tujuh (7) PTJ bagi tahun 2014 kepada 21 PTJ bagi tahun 2015 daripada bilangan keseluruhan 29 PTJ.

PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN (STAFF FUNCTION)

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

LATAR BELAKANG

Bahagian Undang-undang (BUU) terdiri daripada tiga (3) unit iaitu Unit Pendakwaan dan Guaman, Unit Nasihat dan Gubalan, Unit Pentadbiran dan Khidmat Sokongan seramai 25 orang pegawai dan kakitangan.

OBJEKTIF

Memberi nasihat perundangan yang berkualiti, profesional dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Malaysia kepada KPKT, jabatan dan agensi-agensi di bawahnya

PERANAN DAN FUNGSI UTAMA

- Memberi nasihat undang-undang yang berkualiti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang serta mengambil kira dasar-dasar Kerajaan Malaysia, KPKT dan kepentingan awam

- Menggubal dan menyemak semua perundangan dan dokumen perundangan serta mengikut keperluan pelanggan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada KPKT, jabatan dan agensi-agensi di bawahnya

- Mengendalikan kes-kes pendakwaan di bawah bidang kuasa KPKT dengan adil dan saksama menurut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang di bawah bidang kuasa KPKT dengan mengambil kira kepentingan awam dan negara.

PROGRAM/AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

MENYELARAS PERKARA-PERKARA BERKAITAN PERUNDANGAN

BUU bersama-sama dengan jabatan dan bahagian di bawah KPKT telah menjayakan pelaksanaan projek/program yang dianjurkan oleh KPKT dengan memastikan perkara-perkara yang melibatkan perundangan adalah teratur di sisi undang-undang. Ini termasuklah penggubalan, penyemakan dan penelitian kontrak, perjanjian dan / atau instrumen serta penggubalan dan pewartaan undang-undang yang berkaitan di bawah KPKT.

Di antara projek/program utama yang terlibat adalah cadangan penganjuran World Urban Forum (WUF) di bawah Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) yang diterajui oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), pelaksanaan Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang telah bermula pada 1 September 2015 dan pelaksanaan penguatkuasaan di bawah Akta

Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] yang akan bermula pada 1 Jun 2016.



BAHAGIAN AUDIT DALAM

LATAR BELAKANG

Peranan dan tanggungjawab Bahagian Audit Dalam (BAD) ditetapkan melalui 1Pekeliling Perbendaharaan Tadbir Urus Kewangan 3.1/2013 Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bidang tugas pengauditan BAD merangkumi 28 Pusat Tanggungjawab yang meliputi semua program dan aktiviti pada peringkat Kementerian dan sembilan (9) jabatan / agensi di bawahnya

VISI

Menjadikan aktiviti BAD sebagai penyumbang ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian

MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Ketua Setiausaha KPKT ke arah meningkatkan akauntabiliti Kementerian

FUNGSI DAN PERANAN UTAMA

- Pelaksanaan tugas yang bertujuan untuk meningkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan yang dijalankan secara teratur serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan pada semua peringkat di Kementerian serta agensi di bawahnya
- Menentukan sumber, operasi dan aktiviti / program telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan ekonomik
- Membantu mengukuhkan kesempurnaan semua rekod, perakaunan, sistem maklumat pengurusan dan wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi
- Menyediakan Rancangan Kerja Tahunan yang menyeluruh meliputi pelbagai aktiviti utama ke arah mencapai visi, misi dan objektif Kementerian
- Menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Pusat Tanggungjawab yang belum dilawati
- Melaporkan kepada Ketua Setiausaha KPKT hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan

- vii. Membentangkan Laporan Audit Bahagian Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- viii. Mengemukakan sesalanan Laporan Audit Bahagian Audit Dalam kepada Ketua Audit Negara

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

PENYEDIAAN RANCANGAN TAHUNAN 2015 DAN LAPORAN TAHUNAN 2014

BAD telah menyediakan Rancangan Tahunan BAD bagi tahun 2015 dan Laporan Tahunan BAD bagi tahun 2014 yang mana pelaksanaan adalah seperti dalam Jadual 95.



Jadual 95 Penyediaan Rancangan Tahunan BAD bagi tahun 2015 dan Laporan Tahunan BAD bagi tahun 2014

BiL	Rancangan Dan Laporan	Tarikh Disediakan	Tarikh Diluluskan oleh Ketua Setiausaha	Tarikh Diluluskan oleh Ketua Setiausaha
1.	Rancangan Tahunan BAD 2015	20 Jan 2015	23 Jan 2015	28 Jan 2015
2.	Laporan Tahunan BAD 2014	18 Mac 2015	24 Mac 2015	26 Mac 2015

PEMANTAUAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

BAD telah menjalankan pemantauan terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tajuk-tajuk laporan yang berkaitan dengan KPKT, seperti dalam Jadual 96.

Jadual 96 Pemantauan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara

BiL	Tajuk laporan	Tarikh Mesyuarat dengan Auditi
1.	Pengauditan Terhadap Pembinaan dan Pengurusan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Sabah (PPR Taman Semarak, Tawau dan PPR Lintas Sibuga, Sandakan)	17 Mac dan 14 April 2015
2.	Pengauditan Khas Mengenai Pembinaan PPR Lembah Subang II	14 dan 21 Mei 2015
3.	Kajian Audit Terhadap Projek-projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	30 Jun 2015
4.	Pengauditan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Tahun 2014 – Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	15 Disember 2015



PENYELARASAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Sebanyak empat (4) siri Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) yang diurusetikan oleh BAD telah diadakan pada tahun 2015, pada tarikh yang berikut:

- i. 4 Februari 2015;
- ii. 24 April 2015;
- iii. 13 Julai 2015; dan
- iv. 28 Oktober 2015

PROGRAM PENGAUDITAN

BAD telah menjalankan sebanyak enam (6) program yang melibatkan 16 aktiviti pengauditan pada tahun 2015 yang mana perancangan dan pencapaian program pengauditan adalah seperti dalam Jadual 97.

Jadual 97 Perancangan dan Pencapaian Sebenar Program Pengauditan Tahun 2015

BiL	Rancangan Audit yang Telah Diluluskan		Pencapaian
	Jenis pengauditan	Bilangan	
1.	Rancangan Audit yang Telah Diluluskan		
	Pengurusan Kewangan di Jabatan Landskap Negara (JLN) *	-	1PTJ (100%)
	Analisis dan Pengauditan Pengurusan Kewangan Melalui Sistem Pengauditan Indeks Akauntabiliti (SPIA) Di Pusat Tanggungjawab (PTJ) di KPKT serta Jabatan dan Bahagian di Bawahnya	28 PTJ	28 PTJ (100%)
2.	Pemeriksaan Mengejut / Penampilan Audit / Susulan Penampilan Audit		
	Pemeriksaan Mengejut	10 pejabat	7 Pejabat (70%)
	Penampilan Audit	40 pejabat	37 Pejabat (92%)
	Susulan Penampilan Audit *	-	21Pejabat (100%)
3.	Pengauditan Prestasi		
	Penguatkuasaan Undang-undang Berkaitan Aktiviti Keselamatan Kebakaran di Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	1	100%
	Perkhidmatan <i>Response Time</i> Menghadiri Kebakaran dan Penyelamatan di JBPM		1 100%
	Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai di Jabatan Perumahan Negara (JPN)		1 100%



BiL	Rancangan Audit yang Telah Diluluskan		Pencapaian
	Jenis pengauditan	Bilangan	
	Pengurusan Projek Pembinaan PPR Jalan Bubul Lama, Semporna, Sabah	1	100%
	Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di KPKT *	1	100%
	Pengurusan Pelesenan di Bahagian Pinjaman dan Pajak Gadai	1	100%
4.	Pengauditan Perolehan		
5.	Pengauditan Khas		
	Pengesahan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti KPKT	1	100%
	Pemantauan ke atas Akaun Khusus Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Lawatan ke Tapak Projek/Peserta oleh Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB) bersama-sama dengan Ketua Audit Dalam *	1	100%
6.	Susulan Audit		
	Lawatan Audit Susulan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 Bagi Projek Loji Insinerator KPKT di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Wilayah Persekutuan Labuan *	1	100%

Catatan: * Pengauditan Tambahan

UNIT INTEGRITI

LATAR BELAKANG

Unit Integriti telah ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya pada Januari 2014 selaras Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 – Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam yang berkuat kuasa mulai 24 Julai 2013.

VISI

Memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme

MISI

Membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam

OBJEKTIF

- i. Meningkatkan integriti penjawat awam di KPKT melalui pelaksanaan program-program pengukuhan, pemantauan, pengurusan aduan berkaitan salahlaku/ jenayah dan pengurusan tatatertib yang berkesan.
- ii. Bekerjasama dan bergerak secara kolektif bagi memastikan objektif dan matlamat tercapai serta dapat memberikan satu impak yang lebih efektif dan berkesan kepada organisasi.

FUNGSI

- i. Pengukuhan Integriti - Memastikan pelaksanaan dan

- penginstitusian integriti dalam organisasi
- ii. Pengurusan Aduan - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salah laku dan pelanggaran integriti pegawai awam
- iii. Tadbir Urus - Memastikan pelaksanaan tadbir urus secara efektif
- iv. Pematuhan - Memastikan pematuhan terhadap sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan
- v. Pengesanan dan Pengesanan - Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku atau pelanggaran integriti. Salah laku bersifat jenayah hendaklah dilaporkan

- kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab
- vi. Tatatertib - Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

PENYELARSAAN PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN ADUAN

Sepanjang tahun 2015, Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai program pengukuhan integriti dan pengurusan aduan yang mana ringkasannya adalah seperti dalam Jadual 98.

Jadual 98 Program Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Aduan bagi Tahun 2015

BiL	Tajuk Program	Tarikh / Tempoh Pelaksanaan
1.	Ceramah Kesedaran Integriti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kepada warga Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Projek (BPPP), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) serta Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT)	Jan - Ogo 2015



BiL	Tajuk Program	Tarikh / Tempoh Pelaksanaan
2.	Kursus Asas Penyiasatan, Perisikan dan Perundangan oleh SPRM	25 - 27 Mei 2015
3.	Bengkel Kajian Semula Pelan Integriti Organisasi (PIO), KPKT 	29 - 30 Sep 2015
4.	Bengkel Kajian Semula Pelan Integriti Organisasi (PIO), KPKT	29 - 30 Sep 2015
5.	Forum dan Program Integriti bersempena dengan Sambutan Hari Integriti 2015 	16 Nov 2015
6.	Kursus Penyeliaan Berkesan: Pengurusan Tatakelakuan Penjawat Awam 	23 - 25 Nov 2015

PENYELARASAN PROGRAM TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

Unit ini juga bertanggungjawab untuk tiga (3) program tadbir urus dan pematuhan, iaitu:

- i. mengurussetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Integriti dan Tadbir Urus (JITU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat KPKT;
- ii. mengemukakan Laporan kepada SPRM secara berkala;
- iii. menyediakan Pelan Pengurusan Risiko bagi perkara yang melibatkan isu berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa bagi KPKT.

PENYELARASAN PROGRAM PENGESANAN, PENGESAHAN DAN TATATERTIB PENGURUSAN ADUAN

Sepanjang tahun 2015, Unit Integriti telah melaksanakan beberapa inisiatif di bawah program pengesanan, pengesanan dan tatatertib pengurusan aduan, antaranya ialah:

- i. pengurusan kes tatatertib dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh *prima facie*;

- ii. pemantauan tempoh waktu bekerja dan larangan merokok bagi penjawat awam KPKT telah dilakukan sebanyak 10 kali di Kafeteria KPKT dengan kerjasama Unit Integriti Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Pemantauan turut dilakukan di beberapa restoran sekitar Putrajaya;

- iii. Naziran Integriti telah dilakukan di JBPM (perolehan), JPN (Perlesenan dan Skim Pinjaman Perumahan), SWCorp (Tadbir Urus), I-KPKT (Perolehan dan Pengurusan Kenderaan) dan BPWG (Perlesenan) sepanjang tahun 2015 melibatkan aspek kewangan dan perolehan, pematuhan dan tatatertib; dan
- iv. Semakan profil 20 orang pegawai pelbagai kategori dan kumpulan perkhidmatan di KPKT melalui pengumpulan data pemilikan harta dan gaya hidup di luar kemampuan.

UNIT PETUNJUK PRESTASI UTAMA

LATAR BELAKANG

Pada September 2013, Seksyen Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah diletakkan di bawah seliaan Ketua Setiuasaha dan dikenali sebagai Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Unit ini berperanan sebagai penyelaras dalam merangka dan memantau KPI yang telah ditetapkan berdasarkan Bidang Hasil Utama Kementerian bagi YB Menteri dan Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Pemantauan tersebut adalah juga untuk memastikan KPI yang

VISI

Mencapai sasaran dan keberhasilan utama Kementerian dalam merealisasikan Transformasi Negara

ditetapkan selari dengan visi, misi, teras dan perancangan strategik Kementerian.

MISI

Memperkasakan kualiti produktiviti organisasi berpandukan Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan agar menjurus kepada impak dan keberhasilan yang nyata kepada pelanggan, rakyat dan pemegang taruh (*stakeholder*)

PERANAN

Berperanan sebagai unit perhubungan antara Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan agensi luar bagi perkara-perkara berkaitan KPI



FUNGSI UNIT

- i. Merangka dan menyediakan KPI berdasarkan Pelan Strategik Kementerian
- ii. Menyelaraskan program-program berkaitan KPI di kementerian / jabatan / agensi selari dengan visi Kementerian
- iii. Memantau dan menganalisis prestasi pelaksanaan dan pencapaian KPI yang ditetapkan
- iv. Menyelaras laporan KPI

Kementerian kepada PEMANDU dan JPA mengikut tarikh yang ditetapkan

- v. Menyelaras perkara-perkara berkaitan Program Transformasi Kerajaan (GTP) (Bidang Keberhasilan Utama Negara [NKRA] Mengurangkan Jenayah, Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar, Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Membanteras Rasuah,

Menangani Kos Sara Hidup)

- vi. Menyelaras perkara-perkara berkaitan Program Transformasi Ekonomi (ETP) (Bidang Ekonomi Utama Negara [NKEA] Greater Kuala Lumpur / Klang Valley, Komunikasi, Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi, Pelancongan, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan Perniagaan, Pemborongan dan Peruncitan)

PROGRAM / AKTIVITI UTAMA DAN PENCAPAIAN

PENGANJURAN BENGKEL DAN PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN

Unit KPI telah menganjurkan empat (4) siri bengkel dan program pembangunan profesional berterusan (CPD) berkaitan KPI sepanjang tahun 2015, seperti dalam Jadual 99.

BiL	Tajuk Progam	Tarikh	Pengisian / Objektif
2.	Bengkel KPI PPPTA Tier 2 (Fasa 2) Tahun 2015	10 Jul 2015	Merangka dan membangunkan senarai KPI Tahun 2015 bagi Ketua-ketua Jabatan sejajar dengan penetapan KPI Tier 1 dan Tier 2 (Fasa1) YB Menteri, Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha.
3.	Program CPD Siri #1 dan #2	7 Jul 2015	Memberi pendedahan kepada warga KPKT berhubung program-program utama Kementerian, termasuklah: i. Program Perumahan Rakyat (PPR); ii. Rumah Transit 1Malaysia (RT1M); iii. MyHome; iv. Skim Pinjaman Perumahan (SPP); v. Hak Pembeli dan Pemilik Strata; dan vi. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
4.	Program CPD Siri #3	22 Okt 2015	Sesi perkongsian ilmu bersama warga KPKT berhubung pencapaian keseluruhan KPI YBM KPKT, termasuklah: i. pembentangan berhubung perincian aktiviti-aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh jabatan dan bahagian yang terlibat dalam usaha mencapai KPI yang telah ditetapkan; dan ii. pembentangan laporan pencapaian status terkini setiap KPI.

Jadual 99 Bengkel dan Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) berkaitan KPI sepanjang tahun 2015

BiL	Tajuk Progam	Tarikh	Pengisian / Objektif
1.	Bengkel KPI PPPTA Tier 2 (Fasa 1) Tahun 2015	21Apr 2015	Merangka dan membangunkan senarai KPI Tahun 2015 bagi tiga (3) orang Timbalan Ketua Setiausaha KPKT sejajar dengan penetapan KPI Tier 1 bagi YB Menteri dan Ketua Setiausaha



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

LATAR BELAKANG

Unit Komunikasi Korporat (UKK) diwujudkan pada April 2009 bagi mengambil alih fungsi Unit Perhubungan Awam (UPA) yang sebelum ini ditempatkan di bawah Bahagian Korporat, KPKT. Penubuhan UKK adalah berikutan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kebangsaan Siri 6 Bilangan 2/2008 pada 22 September 2008 yang bersetuju bahawa jawatan Pegawai Perhubungan Awam (PPA) di kementerian-kementerian perlu disemak semula bertujuan untuk memantapkan lagi peranan dan fungsi yang dimainkan oleh PPA agar selari dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan.

UKK diterajui oleh seorang ketua unit dan mempunyai 16 orang penjawat awam yang terbahagi kepada tiga (3) seksyen, iaitu:

- i. Seksyen Perhubungan Pelanggan dan Pentadbiran;
- ii. Seksyen Publisiti dan Media; dan
- iii. Seksyen Pentadbiran, Laman Web dan Outreach.

VISI

Menjadi unit yang terunggul dan juga sebagai teras peneraju utama jentera komunikasi dan perhubungan awam yang profesional dan berwibawa

MISI

Menterjemah hasrat Kementerian kepada kehendak kumpulan sasar melalui pendekatan perhubungan yang realistik serta memenuhi aspirasi masyarakat selaras dengan konsep 1 Malaysia

OBJEKTIF

- i. Memastikan keberkesanan penyampaian dasar utama dan program KPKT melalui perancangan dan pelaksanaan pelan media
- ii. Memastikan maklumat dan informasi terkini KPKT disebarkan secara efektif melalui laman web
- iii. Menyelaras aduan-aduan diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan
- iv. Menghebah maklumat dan aktiviti KPKT melalui media cetak dan elektronik
- v. Memantau isu-isu KPKT yang terkandung dalam media massa

FUNGSI DAN PERANAN UTAMA

- i. Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, promosi dan kempen bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta

- majlis rasmi bagi Kementerian melalui stesen TV dan radio, bahan promosi, artikel, teks ucapan dan penyampaian maklumat perkhidmatan KPKT dan jabatan di bawahnya
- ii. Menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media / sidang media, kenyataan akhbar, siaran media dan temu bual khas media cetak dan elektronik
- iii. Merancang, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti majlis rasmi Kementerian melalui penerbitan bahan cetakan seperti buletin, laporan tahunan, brosur, risalah, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media

- iv. Memantau dan mengurus maklum balas bagi aduan dan cadangan yang diterima melalui surat khabar, laman web, serta aduan daripada Biro Pengaduan Awam

PROGRAM/AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENYELARASAN PENERIMAAN DAN MAKLUM BALAS ADUAN AWAM

UKK bertanggungjawab menyelaras penerimaan dan maklum balas aduan dan pertanyaan awam bagi memastikan aduan / pertanyaan diambil tindakan sewajarnya.

Sepanjang tahun 2015, UKK telah menyelaras penerimaan sebanyak 2,285 aduan daripada orang awam. Jadual 100 menunjukkan penerimaan aduan mengikut sumber bagi tahun 2015.



Jadual 100 Penerimaan Aduan Mengikut Sumber Aduan bagi Tahun 2015

Sumber	Jumlah Aduan	Peratusan Aduan (%)
Laman Web	1,229	53.87
E-mel	272	11.9
Hadir Sendiri	271	11.8
Surat / Faks	112	4.90
Telefon	224	9.80
Borang Kaunter Aduan Jabatan	113	4.90
Surat Khabar	1	0.04
Biro Pengaduan Awam	17	0.70
Memo Pengurusan Tertinggi	5	0.21
IMOCC	2	0.08
Facebook	1	0.04
Twitter	2	0.21
Pemeriksaan Permis	36	1.40
Jumlah	2,285	100.00

Penyelesaian aduan bagi keseluruhan aduan yang diterima oleh KPKT adalah berada di tahap yang cemerlang. Setakat 31 Disember 2015, sebanyak 2,278 (99.69 peratus) aduan telah diselesaikan dan baki aduan yang masih dalam siasatan adalah sebanyak tujuh (7) (0.31 peratus) aduan.

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (INBOUND)

Selain menyelaras aduan yang diterima oleh KPKT, UKK juga bertanggungjawab menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan (Inbound) secara e-rating. Sistem e-rating diguna pakai bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan



Kaunter Perkhidmatan KPKT yang terletak di Aras 1, Bangunan KPKT.

Sepanjang tahun 2015, seramai 5,667 orang pelanggan telah berurusan di Kaunter Perkhidmatan KPKT. Namun, daripada jumlah tersebut hanya 68 orang pelanggan (1.20 peratus)

yang telah membuat penilaian *e-rating* ini secara sukarela. Statistik dan hasil penilaian e-rating mengikut bulan dan enam (6) kriteria yang ditetapkan adalah seperti dalam Jadual 101.

Jadual 101 Statistik dan Hasil Penilaian e-Rating bagi Tahun 2015

Bulan	Kriteria A		Kriteria B		Kriteria C		Kriteria D		Kriteria E		Kriteria F	
	BiL Pelanggan yang Menilai	Purata Markah	BiL Pelanggan yang Menilai	Purata Markah	BiL Pelanggan yang Menilai	Purata Markah	BiL Pelanggan yang Menilai	Purata Markah	BiL Pelanggan yang Menilai	Purata Markah	BiL Pelanggan yang Menilai	Purata Markah
Jan	11	4.50	11	4.50	11	4.50	10	4.90	9	5.00	9	4.80
Feb	2	5.00	2	5.00	2	5.00	2	5.00	2	5.00	2	4.50
Mac	15	4.00	13	4.00	13	4.20	13	4.00	12	4.10	12	4.40
Apr	6	4.30	5	4.20	5	4.20	4	4.80	4	4.50	4	4.50
Mei	6	3.70	5	3.60	4	4.00	4	3.80	4	4.00	4	4.00
Jun	6	3.80	5	4.20	5	4.40	5	4.60	5	4.80	5	4.00
Jul	6	4.30	5	4.20	5	4.40	4	4.80	4	4.50	4	4.50
Ogo	1	3.00	1	3.00	1	3.00	1	3.00	1	3.00	1	3.00
Sep	4	5.00	4	5.00	4	5.00	4	5.00	4	5.00	4	5.00
Okt	2	5.00	2	5.00	2	5.00	2	5.00	2	5.00	2	5.00
Nov	4	4.00	4	4.00	4	4.00	4	4.00	4	4.00	4	4.00
Dis	5	4.00	5	4.20	5	4.40	5	4.60	5	4.80	5	4.00
Jumlah	68	4.22	62	4.24	61	4.34	58	4.46	56	4.48	56	4.31

Nota:

Kriteria A: Kemudahan yang disediakan oleh KPKT seperti parkir, ruang menunggu, dan tandas

Kriteria B: Kualiti perkhidmatan kaunter yang mesra, cepat dan tepat

Kriteria C: Tahap pengetahuan petugas kaunter untuk menjawab pertanyaan pelanggan

Kriteria D: Urusan diselesaikan dalam tempoh masa mengikut Piagam Pelanggan

Kriteria E: Petugas kaunter memberi perkhidmatan dengan senyuman, berbudi bahasa, dan berketrampilan kemas serta rapi

Kriteria F: Pendapat pelanggan mengenai perkhidmatan kaunter setempat secara keseluruhan

PENYEDIAAN PELAN KOMUNIKASI MEDIA

Sepanjang tahun 2015, UKK dengan kerjasama jabatan, agensi dan bahagian di bawah KPKT telah berjaya menghasilkan Pelan Komunikasi Media bagi sembilan (9) program Kementerian, seperti yang berikut:

i. Pelancaran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP);

ii. Program Pengasingan Sisa di

- Punca (Asingkan);
- iii. Waste-to-Energy (WTE);

iv. Sambutan Hari Landskap Negara 2015;

v. Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015;

vi. Sambutan Hari Perancangan Bandar 2015;

vii. Sambutan Hari Tandas 2015;

viii. Pelancaran Aplikasi i-Kepoh/ Cakna; dan

ix. Persidangan Pegawai Kesihatan Persekitaran 2015.

MENGHASILKAN KELUARAN KHAS MEDIA CETAK

Sepanjang tahun 2015, KPKT telah menghasilkan sebanyak 34 keluaran khas media cetak di akhbar utama negara bagi tujuan hebahan, promosi program/ aktiviti Kementerian dan agensi di bawahnya, menyebarkan maklumat serta memberi pemahaman berkaitan dasar-dasar sedia ada dan baharu kepada rakyat.



PENYELARASAN WAWANCARA KHAS

Bagi tujuan mempromosi program dan inisiatif Kementerian dan agensi di bawahnya, UKK telah menyelaras 35 sesi wawancara khas di media elektronik bersama dengan YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Pengurusan Tertinggi dan

Pegawai Kanan KPKT.

Antara inisiatif dan program utama yang telah dipromosikan melalui sesi wawancara khas di radio dan TV ialah:

- i. Sambutan Hari Landskap Negara 2015;

ii. Sambutan Hari Habitat Sedunia 2015;

iii. Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2015;
- iv. Sambutan Hari Kitar Semula 2015;

v. Sambutan Hari Tandas 2015;

vi. Program Pengasingan Sisa di Punca;

vii. Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai;

viii. Program Perumahan Rakyat;

ix. Fungsi dan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah;

x. Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata;



PENGANJURAN MAKAN MALAM MEDIA BERSAMA DATUK ABDUL RAHMAN

Majlis Makan Malam Media bersama YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah diadakan pada 7 Disember 2015, bertempat di Hotel Shangri-La, Putrajaya.



Majlis makan malam ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh UKK bertujuan untuk meraikan para pengamal media yang telah banyak menyumbang dalam menyampaikan maklumat dan agenda Kementerian kepada rakyat dan mewujudkan hubungan yang harmoni antara Pengurusan Tertinggi KPKT dengan pihak media.

Majlis yang bertemakan 'colour block' ini telah dihadiri oleh lebih daripada 250 orang pengamal media yang terdiri daripada ketua biro, editor, wartawan dan jurukamera dari agensi media cetak, media elektronik dan media dalam talian.



PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN DAN BULETIN KPKT

Bagi tujuan pendokumentasian maklumat mengenai inisiatif dan pencapaian KPKT, UKK telah menerbitkan Laporan Tahunan KPKT Tahun 2014 dan tiga (3) keluaran Buletin KPKT Tahun 2015.

Laporan tahunan dan buletin ini diedarkan kepada jabatan, bahagian dan unit di bawah KPKT, kementerian dan jabatan Kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), institusi pengajian; perpustakaan-

perpustakaan dan Jabatan Arkib Negara. Selain itu, laporan tahunan dan buletin ini juga dimuat naik ke Laman Web KPKT untuk capaian orang awam.



PELANCARAN LAMAN WEB KPKT BERWAJAH BAHARU

UKK dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras kandungan Laman Web KPKT dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), KPKT.

Pada tahun 2015, UKK dan BTM meneruskan usaha menambah baik Laman Web KPKT dari segi kandungan dan reka letak. Hasil daripada beberapa siri bengkel, sesi sumbang saran dan mesyuarat yang dilaksanakan mulai tahun 2014, Laman Web KPKT berwajah baharu telah dilancarkan pada 29 Jun 2015.

Dalam Penilaian Laman Web Agensi Kerajaan 2015 yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), KPKT sekali lagi telah berjaya mengekalkan kedudukan laman web bertaraf 5 bintang.



Laman Web (Lama)




Laman Web (Baharu)

PENYELARASAN PENYEDIAAN GALERI KPKT

UKK telah menyelaras penyediaan Galeri KPKT yang terletak di Aras 1, KPKT. Penyelaras ini dilakukan dengan kerjasama semua jabatan dan bahagian di bawah KPKT.

Galeri yang berkeluasan 318 meter persegi ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh lapan (8) bulan dan pelancarannya akan disempurnakan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada awal tahun 2016.





**KEMENTERIAN
KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : +603 - 8891 5000 • Faks : +03 - 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my



www.facebook.com/KPKTMalaysia



www.twitter.com/kpkt_gov

www.kpkt.gov.my